



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2018**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 4 DISEMBER 2018 (SELASA)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham Bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid Bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Kelang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain Bin Othman (Sabak)

Y.B. Puan Rozana Binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya Binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid Bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany Bin Hamizan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Borhan Bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Mazwan Bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus Bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Tuan Mohd Najwan Bin Halimi  
(Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Bakhtiar Bin Mohd Nor (Semenyih)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Shatiri Bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah Binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Harumaini Bin Haji Omar, D.P.N.  
(Batang Kali)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey Bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran Bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Mohd Fakhurulrazi Bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin Bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Jamil Hasib bin Abd Karim  
Encik Nilam Mersa bin Mansur  
Encik Mohammad Redzuan bin Adam

**Pelapor Perbahasan**

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA:** Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Keempat Belas pada 4 Disember 2018 dimulakan dengan bacaan doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA :** Bacaan Doa.

**SETIAUSAHA:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Salam sejahtera, selamat pagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mempersilakan Yang Berhormat Balakong.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI:** Terima kasih Tuan Speaker soalan saya nombor 92.

**TAJUK: PERUNTUKAN INFRASTRUKTUR UNTUK KAMPUNG-KAMPUNG MELAYU DAN KAMPUNG-KAMPUNG TRADISI**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat kampung-kampung Melayu dan tradisi tiada pelan sistem pengairan atau sistem longkang yang terancang. Hal ini menyebabkan banjir kilat dan hakisan tanah sering berlaku di kampung. Apakah rancangan akan disediakan untuk mengatasi masalah ini?

**Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Balakong. Kerajaan Negeri Selangor menyedari yang kebanyakan kampung tradisi atau kampung-kampung tiada pelan sistem pengaliran atau longkang yang terancang. Bukan sahaja banyak juga yang punya tanah tidak mempunyai atau tidak menepati syarat yang ditetapkan contohnya tanah-tanah pertanian tetapi banyak didiami ataupun menggunakan pakai rumah-rumah kediaman yang didirikan di atas situ. Begitu juga berkaitan dengan tanah-tanah rizab yang banyak telah pun dicerobohi atau pun diduduki sekian lama. Oleh itu isu atau masalah yang berkaitan dengan banjir kilat dan hakisan tanah adalah merupakan antara isu dan masalah utama yang sering disentuh di dalam penyediaan rancangan tempatan. Bagi tujuan ini setiap rancangan tempatan yang disediakan perlu selain mengenal pasti kawasan-kawasan yang terlibat dengan mengatasi masalah tersebut. Cadangan projek-projek yang akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah yang dinyatakan adalah juga merujuk rancangan tempatan ini. Jadi untuk Yang Berhormat, pihak berkuasa negeri sedang menyediakan pelan tindakan khas iaitu kajian penstrukturan semula kampung dan dalam bandar Negeri Selangor

iaitu pada 2019 sehingga 2023. Antara skop kajian ini adalah menyediakan pelan infrastruktur dan utiliti trafik dan juga pengangkutan awam serta kemudahan masyarakat. Maknanya pelan ini akan mengeluarkan satu pelan tindakan yang agak komprehensif yang mana menepati banyak aspek iaitu selain infrastruktur longkang, jalan, ia juga berkaitan dengan utiliti, trafik dan juga pengangkutan awam termasuk untuk penyediaan atau pun rancangan untuk menyediakan WiFi sebagainya. Sebagai permulaan kajian ini akan melibatkan 27 daripada 519 buah kampung yang dikenal pasti tiada dalam sempadan bandar dan menerima tekanan pembangunan yang tinggi. Kita mulakan daripada kompensasi kampung sebanyak 519 termasuk kampung baru, kita akan hanya melibatkan 27 terlebih dahulu. Untuk makluman kajian yang melibatkan kos sebanyak 1.5 juta ini sedang dalam peringkat penyediaan draf laporan teknikal manakala laporan akhir TK dijangka siap 2 Februari 2019. Dalam konteks perancangan Kerajaan Negeri tidak menggalakkan pembangunan di kawasan yang didedahkan yang terdedah kepada risiko banjir ataupun bencana yang akan memberi kesan kepada kesejahteraan penduduk. Saya ingin beritahu Yang Berhormat selain daripada usaha untuk kita menyediakan pelan tindakan khas ini di bawah penggunaan sistem “*profile*” kampung yang saya telah pun maklumkan di dewan yang mulia ini sebelum ini dan dia adalah merupakan medium bagi mengenal pasti dan mengumpulkan isu-isu dan masalah-masalah di kampung. Jadi kesimpulannya begini, proses pengumpulan kita buat dua kaedah, pertama kita sedang mengumpulkan melalui PTK yang kita rancang iaitu khusus bagi kawasan 27 bandar kampung pinggiran bandar ataupun dalam bandar terlebih dahulu tetapi selepas ada dalam masa yang sama bermula bulan Januari ini kita akan juga memastikan bahawa semua ketua-ketua kampung supaya mula memasukkan inventori atau cadangan-cadangan, masalah-masalah sekitar kampung, masalah jalan, longkang dan sebagainya dan mesti dimasukkan ke dalam sistem “*profile*” kampung. Jadi apa tindakan selepas dua perkara ini dibuat. Selepas dua perkara ini selesai inn shaa Allah kita mengharapkan seawal bulan Mac nanti kita akan duduk semeja dengan untuk memastikan pelaksanaannya dalam jangka lima tahun akan datang. Termasuklah keselarasan ini bersama-sama dengan unit penyelarasan pelaksanaan atau dalam Bahasa Inggerisnya ICU kita akan bersama dengan pihak Kerajaan Persekutuan dan akan diserahkan kepada agensi-agensi yang berkenaan. Untuk memastikan setiap hasrat dan setiap tindakan itu akan diambil dan seterusnya dipantau dengan lebih rapat. Agensi-agensi saya maksudkan mungkin melibatkan JPS, kita akan libatkan PLB, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan akan dilibatkan juga Pihak Berkuasa Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan, terima kasih Tuan Speaker itu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Balakong.



**Y.B. PUAN WONG SIEW KI:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan apakah klasifikasi untuk 27 kampung yang dipilih itu untuk “*special task force*” dengan izin, terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Buat permulaan ini Yang Berhormat kita hanya memilih kampung-kampung yang di sempadan bandar sebab apa sebab kriteria dia kawasan sekitar ataupun di dalam bandar dan pinggir bandar ini merekalah yang amat terkesan sangat bila ada pembangunan di dalam bandar. Jadi selain daripada itu tidaklah maksudnya kita mengetepikan yang di luar bandar sebabnya pelan tindakan khas sahaja kita fokus kepada 27 bandar, 27 kampung tetapi sistem “*profile*” kampung ini mengambil kira keseluruhan kampung-kampung yang ada di Selangor. Tetapi untuk pelan tindakan khas ini sebab memandangkan kita tahu bila ada pembangunan, pinggir kampung inilah yang pinggir bandar selalunya kampung-kampung inilah yang akan terkesan kerana curahan air yang luar biasa dan sebagainya tetapi tiada sistem perparitan yang betul di situ, terima kasih.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Batu Tiga yang telah menjelaskan tentang isu dan masalah banjir di kampung-kampung dan rancangan yang disediakan untuk mengatasi masalah ini. Soalan saya di kampung-kampung Melayu dan tradisi ini sememangnya memang tiada pelan sistem pengaliran dan ada di antara kampung-kampung ini kebanyakan parit dan saluran itu adalah parit persendirian. Ia tidak dipunyai oleh mana-mana pihak agensi berkuasa ataupun kerajaan. Jadi apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengambil alih parit-parit ini kerana kebanyakan kampung-kampung yang didirikan tidak ada kebenaran merancang ataupun tiada pelan, mereka dah lama ada kampung di situ. Tetapi perparitannya adalah khas persendirian yang itu maknanya kalau kita nak buat kita kena, saya ada sebuah kampung di Kampung Nelayan Telok Gong sehingga hari ini malah semalam hujan pun masih banjir lagi sehingga sekarang dan saya harap ia juga termasuk dalam 27 sebab dia di pinggir bandar juga.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat ringkas ya.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Soal saya bagaimana nak mengambil alih parit-parit hak persendirian.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Terima kasih Pelabuhan Klang, sebenarnya bukanlah mudah untuk nak mengambil alih longkang-longkang, sebenarnya banyak sangat milik-milik persendirian dan kita pasti ia akan melibatkan kos yang tinggi kepada kerajaan. Tapi apa yang boleh kita buat saya pun sedang memikirkan tentang kalau kita ada satu kaedah bagaimana kita menyerahkan ataupun memberikan ataupun mengumpulkan inventori jalan-jalan kampung yang milik persendirian yang selalu ini kita tengok tidak diturap ataupun tidak dibuat dengan betul. Maknanya proses yang paling utama adalah sebenarnya kita inventorkan terlebih dahulu. Bila kita inventorkan saya rasa langkah yang boleh kita cadangkan tetapi saya rasa tidak melibatkan Kerajaan Negeri tetapi ini akan kita kemukakan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu kita akan fokuskan supaya kampung-kampung yang ada hot spot banjir ini akan kita berikan keutamaan untuk bagaimana kaedah untuk penyelesaian masalah ini. Kalau jalan-jalan kampung contohnya ia kita buat mereka perlu serahkan terlebih dahulu maknanya tuan-tuan tanah ini kena maklum yang mereka terlibat dan mereka kena ambil bahagian di dalam perkara ini. Tetapi tinggal lagi kaedahnya siapakah yang akan mengganggu kos itu yang menjadi faktor paling utama sebab itu Kementerian Luar Bandar bersama STANCO saya juga akan memastikan perkara ini dapat kita selesaikan dalam, bukan selesaikan maknanya kita dapat cara penyelesaian untuk pastikan longkang-longkang juga akan diambil kira bukan lagi jalan-jalan sahaja selama ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Pelabuhan Klang, soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Terima kasih Tuan Speaker soalan Pelabuhan Klang nombor 93.

**TAJUK: TANAMAN POKOK KAYU BAKAU**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi membendung aktiviti penerbangan kayu bakau secara haram sehingga menyebabkan hakisan tanah di dalam Negeri ini?
- b) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi memelihara dan memulihara tanaman pokok kayu bakau sebagai inisiatif penebatan banjir?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN:** Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang, saya rasa soalan pertama berkenaan membendung aktiviti penerbangan kayu balak saya harap dan yang ini pun saya telah menjawab soalan ini semasa perbahasan jawatankuasa pembahasaan belanjawan 2019. Untuk menjawab yang kedua seusia

yang Kerajaan Negeri untuk memelihara dan memulihara taman kayu bakau sebab inisiatif penempatan banjir. Untuk menjawab soalan ini pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menjalankan program-program penanaman pokok-pokok secara komprehensif dengan penglibatan daripada pelbagai peringkat seperti pihak Jabatan, agensi kerajaan dan swasta, NGO, IPTA, IPTS, syarikat, penduduk kampung, individu-individu dan sebagainya. Bajet bagi program-program peruntukan tempatan bagi penanaman pokok dibiayai oleh melalui peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, projek pembangunan dan peruntukan pejabat EXCO, UPEN melalui seksyen pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu bajet peruntukan juga diperolehi projek pembangunan peringkat Kerajaan Persekutuan melalui ibu pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia iaitu JPSM atau Jabatan Air Tanah dan Sumber Alam (KATS) atau dahulunya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Bagi tahun 2018 sahaja sejumlah 6 kempen kesedaran atau program penanaman pokok bakau telah berjaya di laksanakan. Program ini melibatkan peserta seramai 8,000 orang dengan keluasan kawasan seluas adalah lebih kurang 8 Hektar. Pada tahun ini juga Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Selangor telah berkenaan mencemar duli untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penanaman pokok bersama rakyat di Negeri Selangor di Hutan Simpan Sepang Kecil pada 18 Mac 2018. Selain itu sambutan hari Hutan Antarabangsa tahun 2018, Hari Konservasi ekosistem hutan paya laut peringkat Kebangsaan bagi tahun 2018 juga telah diadakan di Hutan Simpan Kuala Bernam, Daerah Sabak Bernam. Program terkini yang telah dilaksanakan telah bersempena dengan persidangan pengarah-pengarah Negeri Semenanjung Malaysia yang dilaksanakan di dalam Hutan Bakau Sungai Klang. Jumlah Pokok yang ditanam di keseluruhan program baru-baru ini adalah sebanyak 23,500 batang pokok bakau. Jenis pokok bakau yang berlapis-lapis mengikut kesesuaian habitat memainkan peranan fungsi masing-masing, kepadatan pokok yang tinggi dalam sesuatu boleh menjadi kepada pemecah ombak dan menghalang penghakisan pantai serta mengurangkan kelajuan air daripada laut ke pinggir-pinggir pantai, Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL B. EDDY YUSOF:** Terima kasih Tuan Speaker soalan saya nombor 94.

**TAJUK: PENGESAHAN PENDAPATAN**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagi permohonan KISS dan Kad Peduli Sihat, apakah Kerajaan Negeri ada mempertimbangkan penggunaan penyata bank (bank statement) pemohon sebagai cara pembuktian pendapatan agar lebih telus?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD:** Terima kasih Yang Berhormat Dusun Tua, Dusun Tua telah bertanya sama ada untuk mempertimbangkan penggunaan penyata bank untuk pemohon-pemohon Kad KISS dan Kad Peduli Sihat. Buat masa ini pengesahan bagi permohonan program kasih ibu dan SMART Selangor atau KISS adalah melalui borang pendaftaran Kasih Ibu SMART Selangor KISS dan disahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat DUN masing-masing. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan dan menyambut baik sekiranya terdapat cadangan penggunaan penyata bank atau cadangan-cadangan lain yang bersesuaian mengikut keperluan dan pertanggungjawaban pemohon untuk telus dalam memberikan maklumat diri kepada setiap program bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Speaker, memandangkan Jabatan Kebajikan sudah ada mekanisme, pegawai dan proses untuk menentukan pendapatan keluarga miskin sebelum menghulurkan bantuan, boleh tak kita cantumkan proses KISS dan proses Jabatan Kebajikan supaya ia lebih telus dan lebih seragam.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Sebenarnya sekiranya pemohon itu memang sudah menerima bantuan JKM tertentu ataupun bantuan zakat tertentu maka permohonan KISS itu lebih senang untuk kita verifikasinya. Tapi kalau kita tengok permohonan KISS yang ada pada kita Yang Berhormat banyak dan kalau kita nak menyatukan kedua proses ini dan minta pegawai JKM untuk membuat verifikasi maka ini akan menambah beban kerja kepada pegawai JKM dan tentulah tertakluk kepada perbincangan seterusnya dengan pihak JKM. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Tuan Speaker, soalan tambahan. Untuk permohonan KISS tahun hadapan adakah ia akan dibuka balik untuk semua atau dia kekal dengan yang sedia ada.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih. Saya rasa soalan itu untuk tahun hadapan penerima KISS sekarang ini dikekalkan. Tetapi kita

akan meminta supaya pemohon-pemohon baru perlu melalui E-Kasih dahulu dan pemohon-pemohon yang ingin kekal menerima permohonan KISS juga perlu juga memohon untuk E-Kasih. Jadi kita akan buat pepadanan di antara penerima KISS sesiapa dengan pemohon dengan E-Kasih sekiranya mereka tidak memohon dengan E-Kasih ataupun terkeluar daripada senarai E-Kasih maka dalam mungkin separuh tahun begitu mereka akan digugurkan daripada senarai KISS. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Soalan seterusnya. Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan no. 95

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK: PROJEK RENTIS TALIAN BEKALAN ELEKTRIK PROJEK CAR KAMPUNG BARU SUNGAI TERENTANG**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status penarikan pengambilan tanah bagi Projek Rentis Talian Bekalan Elektrik di Kampung Baru Sungai Terentang Rawang.
- b) Bilakah menara Renting Talian Bekalan Elektrik Projek CAR akan diroboh?
- c) Apakah status tanah berkenaan Rentis Talian Bekalan Elektrik 33KV di Kampung Sungai Terentang?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Rawang berhubung soalan projek rentis talian bekalan elektrik. Projek CAR Kampung Baru Sungai Terentang. Untuk makluman Yang Berhormat, pengambilan tanah bagi jajaran asal di kampung Baru Sungai Terentang telah diwartakan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah pada tahun 2007 melibatkan 35 hak milik di atas tapak. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 36/2016 pada Oktober 2016 telah mengesahkan keputusan MMKN ke 35 pada 19 Oktober 2016 bersetuju supaya penarikan balik daripada pengambilan tanah di bawah Seksyen 35 Akta Pengambilan Tanah 1960 dibuat ke atas semua 35 lot tanah di kampung Baru Sungai Terentang yang terlibat dalam jajaran projek rentis talian bekalan elektrik CAR 275KV. Ini kerana jajaran baru bagi talian TNB 275KV dari pencawang masuk utama Bukit Tarik ke pencawang masuk utama Chubadak telah diluluskan pihak berkuasa negeri pada tahun 2014 dan pihak Tenaga Nasional Berhad telah pun menggunakan jajaran baru tersebut. Selaras dengan keputusan MMKN Seksyen Makro dan

Penswastaan Unit Perancang Ekonomi Negeri melalui surat rujukan bertarikh 19 Mei 2017 telah membuat permohonan secara rasmi kepada pentadbir-pentadbir tanah Gombak bagi tujuan penarikan balik daripada pengambilan yang melibatkan kawasan yang dimaksudkan. Urusan penarikan pengambilan tanah di bawah Seksyen 35 Akta Pengambilan Tanah 1960 telah selesai di mana warta kerajaan negeri no. 2394 telah diterbitkan pada 22 Jun 2017 dan kesemua endorsan borang D Cadangan Pengambilan Tanah adalah hak milik penduduk telah dibatalkan berkuat kuasa Disember 2017. Berhubung dengan bahagian kedua soalan tentang menara rentis talian sedia ada itu, TNB telah maklumkan bahawa pihaknya sedang dalam proses menerbitkan tender bagi kerja-kerja perobohan menara dan struktur-struktur yang berkaitan di tapak Kampung Baru Sungai Terentang Rawang. Proses tender, pelantikan kontraktor dan kerja-kerja hakiki perobohan menara dan struktur dijangka siapa dalam masa 6 bulan dari sekarang. Bahagian ketiga berhubung dengan status tanah talian rentis bekalan elektrik 33KV di Kampung Sungai Terentang. Ini talian lama. Untuk makluman Yang Berhormat, laluan tanah untuk rentis talian bekalan elektrik 33KV Kampung Sungai Terentang masih lagi di bawah izin lalu ataupun right of way Tenaga Nasional Berhad sejak kampung itu wujud pada tahun 1949. Ini lama ya. Izin lalu ini sebenarnya diberi kebenaran di bawah kerajaan British dulu kepada Lembaga Elektrik Negara pada ketika itu. TNB mengesahkan bahawa rentis ada di Kampung Baru Sungai Terentang kat Rawang yang pada awalnya telah diperolehi secara izin lalu di bawah Akta Elektrik 1949 tidak lagi diperlukan dan dibatalkan. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT:** Berkenaan dengan yang soalan ketiga berkenaan dengan talian bekalan elektrik 33KV ini, yang tanah itu masih di bawah TNB. Kalau iya, adakah cara yang sama untuk pengambilan tanah balik yang seperti yang 275KV itu akan diambil oleh kerajaan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Saya memang agak Yang Berhormat akan tanya soalan itu. Dan saya telah berbincang dengan pihak TNB sebenarnya ini di bawah Akta Elektrik 1949. Dia hanya mengizinkan lalu sahaja dan telah bincang dan mereka bersetuju tempat tidak diperlukan lagi maka perlu buat perobohan di kawasan ini dan mereka akan menyediakan/mengambil langkah-langkah perlu untuk meroboh 33kV ini dan saya akan mendapatkan secepat mungkin pelaksanaannya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG** : Terima kasih pada Tuan Speaker, soalan Teratai no. 96.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : BANTUAN KEWANGAN KEPADA JMB ATAU MC**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain dari program Skim Ceria, adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memperuntukkan sedikit bantuan kewangan untuk JMB atau MC yang mengalami masalah kutipan yuran penyelenggaraan bagi membantu penyelenggaraan kawasan JMB?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat Teratai. Setakat 14 November 2018 kerajaan negeri telah pun menyediakan bantuan kewangan sejumlah RM60,233,138.43 untuk JMB atau MC pangsapuri kos rendah. Untuk membantu meringankan beban kewangan mereka menguruskan bangunan. Jadi bantuan ini adalah seperti berikut. Nama bantuannya ialah *Selangor Free Water Apartment*. Pembayaran terus bil air meter pukal kepada pengurusan air Selangor ataupun sebelum itu SYABAS. Rebat air percuma sebanyak RM11.40 untuk seunit rumah. Bermula tahun 2010 sehingga sekarang. Bilangan penerima adalah sebanyak 239 kawasan melibatkan 68,124 unit rumah. Dan nilai bantuan tersebut adalah RM53,844,624.91. Bantuan kedua adalah *Smart Life Improvement for Quality Life* pembayaran terus fi kepada firma kompeten lif di bawah kontrak penyelenggaraan lif bermula 2017. Yang melibatkan 23 kawasan dan 93 unit lif. Dan nilai bantuan tersebut adalah RM1,388,513.52. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** :Terima kasih Tuan Speaker, soalan Ijok no.97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sub-soalan telah di tolak
- b) Apakah langkah-langkah atau perancangan untuk mengatasi sisa sampah di kampung?



**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Tuan Speaker. MDKS dengan bantuan kewangan daripada kerajaan negeri Selangor telah melaksanakan kutipan sampah domestik dan sampah pukal di kampung-kampung tradisi seluruh daerah Kuala Selangor semenjak Oktober 2017. Sumbangan secara one off sudah dua tahun disalurkan secara tahunan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan tambahan. Walaupun begitu, masalah sampah di kampung-kampung tradisi masih juga memberi kesan buruk sebab alasan majlis dikata mereka tak bayar cukai. Sebab dia luar kawasan. Inilah menimbulkan masalah siapa yang bertanggungjawab sebab Pejabat Daerah pun tidak ada peruntukan untuk nak mengurus sampah.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** tiada lagi masalah dari segi peruntukan kerana kerajaan negeri telah memberi bantuan kewangan sejak tahun 2017. Sekiranya mutu perkhidmatan kontraktor kurang memuaskan saya sarankan Yang Berhormat boleh panjangkan aduan kepada YDP dan saya yakin YDP akan ambil tindakan segera.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Iya Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya tentang isu ini iaitu di mana kos kutipan sampah di kampung-kampung tradisi selalunya melibatkan kos yang tinggi dan sememangnya baik atau buruk pun merupakan satu kos kepada PBT dan kerajaan negeri Selangor. Adakah kerajaan maklum bahawa terdapat sesetengah penduduk kampung di kampung tradisi dan kampung di atas lot tanah pertanian ini mereka sebenarnya sudi untuk membayar cukai pintu yang lebih tinggi supaya PBT boleh membekalkan perkhidmatan yang lebih baik dan menyeluruh dari segi ini . dan sekiranya ada kesudian di pihak penduduk adakah ia boleh dilaksanakan dalam masa terdekat untuk meringankan beban kewangan PBT dan kerajaan negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE:** Iya. Terima kasih Tuan Speaker, kepada yang Berhormat EXCO kita tahu di mana ada pekan-pekan ataupun kampung nelayan tidak kita memungut cukai pintu dan di situ ada aduan tentang bahawa PBT tak ada memungut sampah. Sekarang pun ada kadang-kadang sekali seminggu dan mereka mengadu adakah kerajaan negeri akan pantau ataupun memberi bantuan kepada kampung-kampung sebegini sebab kita memang terima banyak aduan dan sering diberitahu ketua kampung dimarahi oleh penduduk.



**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Tentang bantuan kewangan daripada kerajaan negeri Selangor itu adalah merupakan kes-kes basic. Sekiranya ada Yang Berhormat boleh bantu kerajaan negeri Selangor untuk meminta bagan-bagan membayar cukai pintu saya boleh gerenti yang perkhidmatan pungutan sampah itu boleh dilaksanakan dengan kadar segera.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Adakah dalam perancangan kerajaan negeri Selangor untuk membekal tong sampah yang telah dibekalkan di PBT. Bekal tong sampah di kampung-kampung.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Tong sampah di kampung. Untuk tahun depan kerajaan negeri tiada rancangan untuk memberi tong sampah percuma tetapi bagi tong besi itu kami akan teruskan pengagihan kepada kampung-kampung tradisi yang memerlukan. Tong rural yang besar.

**TUAN SPEAKER :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya yang ke 98.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN**

**(N52 BANTING)**

**TAJUK : SMARTSEL DAN INTERNET BERKELAJUAN TINGGI DI JENJAROM**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perkembangan dan inisiatif yang telah diambil oleh SmartSel untuk membangunkan infrastruktur internet jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan Kampung Sungai Jarom, Jenjarom dan Banting, Kuala Langat sejak penubuhannya.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Banting. Pada masa ini sebanyak 36 hotspot WiFi Smart Selangor telah dipasang diBanting dan 12 di Sijangkang. Dalam usaha untuk menyediakan internet jalur lebar kepada orang awam yang disasarkan, di antara cabaran utama yang dihadapi adalah tiada ketersediaan infrastruktur jalur lebar yang mencukupi bagi membekal perkhidmatan di kawasan-

kawasan luar bandar. Bagi menangani isu liputan jalur tersebut, SmartSel Sdn Bhd (SMARTSEL) telah ditubuhkan pada tahun 2017 untuk meneroka dan mencari penyelesaian alternatif bagi menyediakan perkhidmatan internet ke kawasan-kawasan yang masih belum ada capaian internet termasuklah dengan merancang dan membangunkan rangkaian digital teras (Core Network) dengan izin.

SMARTSEL dengan kerjasama rakan telekomunikasi tempatan dan antarabangsa sudah pun mula merancang dan membangunkan rangkaian digital teras (Core Network) khusus untuk Selangor termasuk memasang rangkaian teras ini di kawasan luar bandar mengikut fasa-fasa. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SIAN** : Sekali lagi ini adalah satu exercise yang melibatkan kos kerajaan negeri iaitu melibatkan wang pembayar cukai. Soalan saya adalah memandangkan infrastruktur internet ini merupakan satu utiliti yang amat penting sama penting seperti bekalan elektrik dan air yang perlu dilakukan oleh pemaju mengapakah kerajaan negeri terus untuk masuk kepada PBT untuk meletakkan ataupun mewajibkan pemaju walau apa juga saiz pembangunannya dia perlu melaporkan atau memberi caruman dan membina infrastruktur ini sama seperti dia bina paip untuk air dan letak kabel untuk bekalan elektrik. Kabel untuk infrastruktur core network internet juga diperlukan dan ini bukan berlaku di kawasan kampung sahaja. Taman perumahan yang serba indah, serba maju yang mahal-mahal sekalipun banglo tidak ada bekalan bukan sahaja internet malahan talian telefon pun tak ada. Saya rasa itu adalah satu kepincangan yang perlu di atasi oleh kerajaan Selangor.

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN** : Terima kasih. Buat masa ini untuk di Selangor dan seluruh negara ada demand TNB baru tarik memasang fiber. Untuk masa akan datang kita perlu adakan perancangan di mana seperti utiliti yang lain juga termasuk air, elektrik pemaju perlu membekalkan kemudahan infra internet ini. Kerajaan Negeri Selangor sedang bekerjasama dengan Telekom Malaysia dan pihak yang terlibat untuk mendapat peruntukan pelan ganti optik dan kesan hubungan negara dari Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia TUSP Fund untuk memastikan liputan fiber di kawasan industri yang berpotensi dan kawasan luar bandar. Kita akan masa akan datang kita akan pastikan semua kemudahan ini boleh disediakan pemaju. Bukan hanya ada demand kita baru buat kerja ini. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Pertanyaan saya ini agak saya pun tak tau nak cakap macam mana tapi kalau dapatlah satu jaminan daripada kerajaan negeri untuk perkhidmatan wifi Smart Selangor ini bila kita ambil perkhidmatan daripada komputer yang menggunakan unifi kelajuannya

sangat baik jika kita nak bandingkan dengan wifi Smart Selangor ini. Dan ini memberikan impak yang tidak baik pada kerajaan negeri atas sebahagian daripada hotspot yang ada di kawasan saya ini kita cadangkan untuk ditutup untuk sementara sehingga ada satu jaminan dari kerajaan negeri kerana kadang-kadang dia memberikan gambaran yang agak buruk. Soalan saya kalau ada satu jaminan daripada kerajaan negeri mungkin tahun depan, tiga bulan lagi ataupun macam mana. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Saya perlu mengakui sebelum itu pemasangan wifi yang ada sekarang ini memang kelajuannya agak tidak memuaskan. Saya mengakui ada masalah sebab itulah kita tubuhkan SmartSel untuk meningkatkan kelajuan yang sedia ada. Bagi kita masa sikit. Kita akan melancarkan wifi SmartSel 2.0 yang lebih pantas, yang lebih baik untuk menggantikan yang lama itu. Sabar sikit.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Sungai Kandis no. 99.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK** : **PEMBANGUNAN BELIA**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah belia yang telah ditaja oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 hingga 2018 mengikut bidang masing-masing?. Senaraikan.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan potensi mereka dalam bidang masing-masing?
- c) Apakah pandangan kerajaan berkenaan Majlis Belia Selangor dan gabungan di bawahnya?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR**: Terima kasih Tuan Speaker dan Sungai Kandis yang bertanyakan soalan. Ahli Yang Berhormat sekalian, jika dikira dan dinilai jumlah belia dan juga anak muda yang terlibat dengan program kerajaan negeri sejak 2008 hingga 2018 saya kira angkanya mencecah lebih 100,000 program-program yang melibatkan program sosial, gotong-royong, sukan dan sebagainya. Namun dalam fakta yang saya akan jelaskan adalah program-program yang memberi penajaan khusus kepada individu anak muda dan belia supaya mereka mengikuti sesetengah program dan juga setengah projek yang dianjurkan oleh pihak kerajaan negeri kerana kalau kita lihat nilai 100,000 itu begitu sukar untuk dinilai keberkesanan dan juga kelangsungan

program sebab ia melibatkan aktiviti sosial. Yang pertama, Yang Berhormat sekalian mulai tahun 2014 kerajaan negeri telah membuka penyertaan kepada anak-anak muda khususnya di kalangan penggerak belia tempatan ataupun aktivis-aktivis penggerak belia tempatan dan NGO-NGO terpilih untuk program yang dilaksanakan dengan kerjasama Institut Pengajian Sains Sosial Universiti Putra Malaysia ataupun IPSAS yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembangunan belia. Diploma ini adalah diploma yang ditawarkan adalah Diploma Belia Dalam Kerjaya yang memberi tajaan sebanyak RM9,400 seorang dan kita telah menaja 23 orang. Justeru pada tahun 2014, kerajaan negeri telah membelanjakan sekitar RM216,200.00 dan mereka baru sahaja menamatkan pengajian pada 2018. Untuk tahun 2018 sehingga 2021 seramai 30 orang anak-anak muda ataupun belia akan ditawarkan dengan kos RM10,000 seorang dan ia menelan kos lebih kurang 300,000 orang. Ahli Yang Berhormat sekalian, melalui program kemahiran teknikal yang dilaksanakan di bawah Inpens kerajaan negeri telah menaja seramai 3,983 orang untuk mengikuti program-program yang dirangkumi kos mereka iaitu kos yuran pengajian, yuran asrama, elaun makan RM11.00 sehari dan elaun sara hidup RM150.00 satu bulan dan kos untuk penajaan itu adalah bernilai RM6.026 juta. Sementara itu daripada kiraan kita lebih kurang 13,000 anak-anak muda ataupun belia yang dianggap bawah 40 tahun telah dibantu dalam program hijrah Selangor daripada keseluruhan 46,000 sehingga September 2018 yang telah diberikan pembiayaan daripada 5 hingga RM50,000.00. Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk memantapkan dan memperkasakan kelompok-kelompok yang kita taja dan biyai ini kerajaan negeri telah melaksanakan beberapa program dan beberapa penambahbaikan antaranya penubuhan Inpens Kolej yang saya sebutkan tadi. Memberikan latihan kepada lepasan SPM, pelajar keciciran sekolah, belia menganggur serta belia yang meminati bidang teknikal dan vokasional untuk mempelajari ilmu latihan dan kemahiran. Kedua, memenuhi permintaan industri pihak kerajaan negeri telah mengadakan kerjasama dengan Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) yang berfungsi sebagai rakan kongsi dengan industri untuk menentukan kemahiran, kecekapan di dalam program pensijilan iaitu melaksanakan program pembangunan bakat terutamanya bagi lepasan sekolah, lepasan graduan dan pekerja industri sendiri. Tahap penarafan pekerjaan bagi peserta program ini telah mencapai di antara 95 hingga 100 peratus. Antara program yang dilaksanakan ialah program latihan bersama industri 3 hingga 6 bulan iaitu dalam bidang mekatronik semikonduktor ICT dan lain-lain. Program lepasan sekolah pembangunan bakat lepasan SPM dalam bidang mekatronik dan solar dan program kemahiran belia menganggur. Pembangunan bakat dalam bidang ICT, semikonduktor, footwear, mekatronik dan lain-lain. Ketiga, program jom kerja berbentuk karnival yang diadakan di semua daerah di negeri Selangor dengan mengadakan temu duga terbuka *walk in interview* dengan syarikat-syarikat yang memerlukan pekerja. Keempat, kerjasama dengan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ataupun Kumpulan Darul Ehsan melaksanakan program rangsangan

kerja siswazah Selangor dan kini dikenali sebagai rancangan kerjaya rakyat Selangor bertujuan untuk membantu para siswazah Selangor dan rakyat negeri Selangor yang masih belum dapat pekerjaan dan mempertingkatkan pengetahuan dan pengupayaan diri mereka penyediaan latihan sama ada dalam bentuk kemahiran umum, soft skill atau kemahiran-kemahiran teknikal yang lain. Dan yang kelima, program inisiatif kemahiran teknikal dan ikhtisas Smart Selangor telah dilaksanakan dan menyediakan inisiatif seperti berikut. Pertama program pengajian dan latihan dengan memberi tumpuan kepada bidang yang diperlukan oleh pihak industri di tujuh institut latihan di negeri Selangor yang merangkumi 5 bidang utama iaitu life sciences, food and beverages, manufacturing, electrical elektronik, transboard equipment machinery and equipment. Ini fokus yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian Negeri Selangor.

Kedua, antara program yang dilaksanakan ialah kategori lepasan sijil lepasan SPM ialah program latihan kemahiran dengan kerjasama pihak industri bagi meningkatkan nilai tambah kepada pekerja lepasan SPM agar dapat menceburi bidang teknikal sesuai dengan perancangan tenaga kerja mahir dan syarikat yang terlibat. Selain itu bagi menyokong jumlah bakat yang mencukupi bagi peralihan industri di Selangor ke arah aplikasi *Smart Manufacturing* selaras dengan cabaran Industri 4.0 Program *Internship High Impact Talent* dilaksanakan melibatkan graduan dalam bidang kejuruteraan. Ketiga melalui kerjasama dengan Strand Aerospace untuk memenuhi keperluan-keperluan bidang aeroangkasa yang begitu tinggi permintaan dan menawarkan gaji-gaji yang agak lumayan. Keempat, jumlah penyertaan sehingga Oktober 2018 ialah seramai 1,197 orang. Dalam program-program ikhtisas dan akan memastikan 80% pelajar atau pelatih yang menjalani latihan akan mendapat peluang pekerjaan yang sedia ada. Ahli Yang Berhormat sekalian, manakala bagi soalan C, kerajaan negeri mulai tahun 2015 telah membuka peluang selain daripada pelaksanaan program-program melalui penggerak belia tempatan juga melalui program-program bersama NGO belia dan salah satu NGO yang kita boleh anggap sebagai rakan kongsi yang baik di masa depan ialah Majlis Belia Selangor ataupun MBS. Cumanya dalam masa beberapa tahun sebelum tahun 2018 kita berdepan sedikit kekangan dan halangan sebab saya faham atas faktor-faktor politik namun kerajaan negeri turut bekerjasama jika mereka bersedia bekerjasama untuk pembangunan belia secara menyeluruh. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 100.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : BANTUAN RUMAH KEBAJIKAN SEPERTI RUMAH ORANG TUA, ANAK YATIM, OKU DAN LAIN-LAIN**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan Selangor dapat memberi bantuan dari segi kewangan untuk membantu rumah kebajikan seperti rumah orang tua, rumah anak yatim bawah kerajaan persekutuan?
- b) Selain dari segi kewangan, apakah bantuan dapat diberikan oleh kerajaan untuk meringankan beban rumah kebajikan?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Pandamaran. Pandamaran telah bertanya mengenai adakah kerajaan Selangor memberi bantuan dari segi kewangan untuk membantu kebajikan seperti rumah orang tua, rumah anak yatim dan di bawah kerajaan persekutuan. Secara dasarnya Yang Berhormat Pandamaran memang bantuan kewangan itu tidak diberi secara langsung namun kerajaan negeri sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap rumah-rumah kebajikan yang kita panggil pertubuhan sukarela kebajikan. Jadi untuk satu pertubuhan sukarela kebajikan ini kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 setahun kepada badan-badan bukan kerajaan ini termasuklah rumah kebajikan seperti rumah orang tua dan rumah anak yatim dan ini adalah bantuan berbentuk kewangan. Mengikut permohonan dan berdasarkan keperluan di rumah-rumah kebajikan berkenaan. Di samping itu kerajaan negeri juga merangka program-program latihan pemberdayaan kepada penyelia dan pekerja di rumah-rumah kebajikan yang merangkumi aspek pengurusan, komunikasi dan pengurusan tekanan. Kerajaan negeri turut bersedia untuk menawarkan sebarang perkhidmatan kepada rumah-rumah kebajikan ini yang tidak termasuk di dalam perkhidmatan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Seterusnya Pandamaran juga bertanya selain daripada dari segi kewangan apakah bantuan lain yang dapat diberikan kerajaan untuk meringankan pertubuhan sukarela kebajikan ini. Kita semua maklum bahawa tidak semua rumah kebajikan ini di bawah JKM. Jadi ini adalah rumah kebajikan persendirian selain daripada bantuan kewangan kalau mereka berdaftar ye Yang Berhormat geran-geran seperti geran pentadbiran, geran rangsum, geran per kapita dan geran pembaikan ini adalah bantuan kewangan. Terdapat bantuan lain diberikan dalam meringankan beban rumah kebajikan antaranya ialah bantuan sokongan permohonan pengecualian cukai di bawah sub seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan kedua perkhidmatan kempen advokasi yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bertujuan untuk membantu pengendali atau rumah-rumah kebajikan berdaftar. Objektif kempen ini adalah untuk menghimpun kesemua pengendali pusat jagaan yang tidak berdaftar untuk tujuan advokasi. Seterusnya memberi penjelasan dan kefahaman kepada pengendali pusat jagaan mengenai peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993. Juga

memberi pendedahan mengenai proses pendaftaran berasaskan standard minimum Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah ditetapkan. Memberi peluang pengendali pusat jagaan yang tidak berdaftar untuk bertemu dengan wakil-wakil agensi-agensi teknikal dan waktu dan di tempat yang sama. One stop centre service untuk Pertubuhan Sukarela Kebajikan ini dan meningkatkan kualiti perkhidmatan agensi kerajaan melalui kerjasama strategik dan memudahkan orang awam untuk melancarkan proses pendaftaran. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE** : Kepada EXCO saya nak tahu adakah kita bantu dengan semua rumah kebajikan yang kita ada 2 jenis rumah kebajikan, satu adalah rumah memang kebajikan untuk daripada Persekutuan yang tidak mengaut keuntungan dan ada satu jenis yang mendatangkan keuntungan di mana keluarganya, ahli keluarganya kena bayar. Adakah kita kedua-dua kita tolong atau hanya kita hanya tolong yang tidak mengaut keuntungan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Pandamaran. Sudah tentu lah Pandamaran jenis rumah kebajikan yang bermotifkan *profit* di samping memberi servis tentulah kerajaan tidak akan membantu mereka, dah buat keuntungan Yang Berhormat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Gombak Setia.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM** : Yang Berhormat Speaker, lima bersaudara tinggal satu. Soalan saya 101.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAM MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : INDUSTRI SME**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Apakah usaha SITEC untuk memberdaya industri SME dalam bidang *e-commerce* bagi meningkatkan sumbangan industri tersebut kepada KDNK negara?



**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, *Selangor Information Technology & E-Commerce Council* atau lebih dikenali sebagai SITEC adalah pemacu utama dalam mempromosikan ekonomi digital di Selangor melalui program-program yang berkaitan *E-Commerce, Startups dan Smart City*. Anggaran kesan ekonomi (*Gross Merchandise Value*) yang dicapai oleh SITEC ialah RM93 juta. Inkubator seluas 11,000 kaki persegi atau lebih dikenali sebagai *Selangor Digital Creative Centre (SDCC)* telah dianugerahkan status *Malaysian Digital Hub* oleh MDEC. *The Malaysian Digital Hub* ini adalah inisiatif untuk membantu memberi ruang kerja atau dengan izin *core working space* kepada syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menghubungkan mereka dengan ekosistem perniagaan digital di ASEAN peringkat global dengan lebih berkesan dan ini adalah merupakan sebuah pengiktirafan yang besar kepada usaha-usaha SITEC untuk membangunkan *Startup* di Selangor.

Antara kelebihan yang diperolehi daripada *Digital Hub* ini adalah seperti berikut:-

- (i) Pengecualian cukai korporat kepada Syarikat Technology Startup tempatan dan antarabangsa.
- (ii) Program Teknologi Usahawan
- (iii) Akses kepada pembiayaan ataupun *funding* dengan izin
- (iv) Kejurulatihan dan bimbingan atau dengan izin *coaching*
- (v) Tawaran kos yang rendah untuk menjalankan perniagaan berteraskan jalur lebar atau intelek
- (vi) Kebebasan pemilikan bagi syarikat asing untuk melabur.

Rakan strategi SITEC dalam pendidikan e-Dagang, *Mystarttr* juga telah menandatangani kerjasama dengan *Alibaba-Taobao University* untuk membawa masuk Kursus Keusahawanan Global Ali baba yang mempromosikan *Cross Border E-Commerce* untuk membantu pedagang Selangor meningkatkan eksport dan menembusi pasaran luar negara.

Melalui Program *SITEC Online 100* dan *SITEC Apps 100* yang dianjurkan, SITEC telah melatih seramai 425 SME di Selangor yang menjalankan perniagaan atas talian dengan jumlah dagangan kasar yang dicatatkan sebanyak RM10.3 juta sepanjang program ini dijalankan.

SITEC juga telah menjalankan kelas e-Dagang secara percuma kepada SME atau IKS untuk mereka menambahkan kemahiran dan pengetahuan berkenaan dengan dunia e-Dagang yang akan dapat diaplikasikan kepada perniagaan mereka. Kesan daripada jumlah dagangan tersebut kita dapat lihat bagaimana perkembangan industri e-Dagang meningkat tidak hanya di peringkat domestik malah di peringkat antarabangsa seperti



dengan wujudnya DFTZ yang mana para peniaga IKS dapat memasarkan barangan mereka ke luar negara dengan mudah.

SITEC juga telah menjalankan program-program yang membantu syarikat *Startup* di mana program seperti *Startup Quest* dan *Hackathon* telah memberikan pendedahan dan peluang kepada mereka ini untuk mempersembahkan idea-idea baru perniagaan mereka yang boleh dikomersialkan dengan bantuan agensi-agensi kerajaan yang memberi peluang untuk mendapatkan geran atau pembiayaan. Pada tahun ini SITEC telah menganjurkan *Selangor Accelerator Program 2018 (SAP)* di mana seramai 27 kumpulan *Startup* telah mengikuti program ini dan melalui program ini, 10 kumpulan terbaik juga telah dipilih untuk mempersembahkan perniagaan mereka di China semasa pameran yang telah dijalankan di Hangzhou dan telah menarik lebih 1 juta tontonan *online* semasa ia dijalankan.

SITEC juga telah berjaya menganjurkan tiga persidangan atau Konvensyen Smart City dari 2016 hingga 2018. Antara yang terlibat dan hadir ialah individu, IKS, MNC, perkhidmatan kerajaan dan syarikat-syarikat antarabangsa serta kerajaan. Program ini juga telah menarik lebih 20,000 orang sejak 2016. Acara *Smart City* ini menyentuh topik seperti AI, *Blockchain*, *Cloud*, *Big Data*, Pengangkutan Pintar dan Mobiliti, Pengurusan Sisa dan banyak lagi. Perwakilan dan penceramah antarabangsa daripada China, UK, Indonesia, Sepanyol, Taiwan, Singapura, Barcelona dan *Silicon Valley* hadir untuk berkongsi pandangan dan pengalaman mereka dalam pengurusan bandar pintar. Lebih RM75 juta GMV dari peserta pameran dicapai melalui acara-acara ini juga. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas jawapan yang saya kira baik memandangkan SITEC yang pantas membangunkan pelbagai platform-platform e-dagang untuk usahawan-usahawan negeri Selangor. Namun saya kira dalam usaha sebagaimana yang dijelaskan tadi dalam usaha SITEC membangunkan usahawan-usahawan untuk terlibat sama dalam *e-Commerce* apa pula ataupun adakah kerajaan negeri mempunyai satu program khas untuk menarik lebih ramai lagi golongan usahawan-usahawan kecil khususnya di kawasan desa yang hari ini membangunkan produk-produk *local* ataupun tempatan supaya mereka juga dapat terlibat sama dalam platform *e-commerce* yang kita bangunkan di negeri Selangor.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Gombak Setia. Ya memang Kerajaan Negeri melalui SITEC telah pun menjalankan latihan untuk *online* bagi membantu industri kecil di luar bandar ini dan pada 22 hari bulan ini pihak SITEC yang diketuai oleh CEO *Invest Selangor* akan membawa 10 orang IKS, 10 orang daripada Industri Kecil Kampung ke Hangzhou, ke ibu pejabat Ali baba untuk dilatih dan sebenarnya belum pergi mereka akan dilatih dan mereka akan juga akan menghadiri kursus di dalam kampus *Alibaba-Taobao University, Hangzhou* supaya mereka dapat disenaraikan dalam platform Ali baba. Oleh itu kami mengharapkan peluang ini akan membuka ruang yang lebih untuk industri kecil daripada Selangor untuk menyertai perniagaan *e-Commerce Cross Border* ini dan usaha akan diteruskan di mana dalam rombongan ini selain daripada 5 ada 10 industri kecil juga ada 15 lagi industri IKS juga akan menyertai bersama. Bererti keseluruhannya 25 dan 10 adalah daripada Industri Kecil. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Yang Mulia Tuan Speaker, soalan saya nombor 102.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAM LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : BEG PLASTIK DI SELANGOR**

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Bilakah Kerajaan Selangor akan mengharamkan sepenuhnya penggunaan beg plastik?
- (b) Adakah kerajaan akan mengenakan caj atas penggunaan 'straw'?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Pandamaran. Bertanya Kerajaan Selangor adakah mengharamkan sepenuhnya pengguna beg plastik. Tuan Speaker, pada masa ini Kerajaan Negeri Selangor melalui Kempen Bebas Plastik mengenakan caj 20 sen bagi setiap beg plastik. Kempen ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pengguna tentang bahaya beg plastik dalam alam sekitar dan kesihatan. Selaras dengan pelaksanaan *Malaysia Road Map Towards Zero Single Use Plastic 2018 – 2030* yang telah dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains Teknologi dan Alam Sekitar iaitu MasTech pada 17 Oktober 2018 Kerajaan

Negeri Selangor akan mengharamkan sepenuhnya penggunaan beg plastik menjelang tahun 2030 iaitu kita akan mengikut jejak Kerajaan Persekutuan. Pengharaman penggunaan beg plastik akan dilaksanakan secara berperingkat dengan kerjasama semua Pihak Berkuasa Tempatan. Itu kita masih ada 11 tahun lagi untuk kita cari alternatif yang terbaik untuk menggantikan beg plastik. Tuan Speaker untuk menjawab soalan kedua.

Selangor pada masa ini tidak bercadang untuk mengenakan caj ke atas pengguna penyedut minuman iaitu straw dengan izin plastik. Walau bagaimanapun dalam tahun 2019 tahun hadapan straw minuman plastik tidak diberikan secara *default* kepada pelanggan tetapi hanya akan diberikan sekiranya diminta oleh pelanggan iaitu ini juga merupakan hasrat Kerajaan Persekutuan di mana straw tidak lagi *diserve* secara automatik iaitu kaunter-kaunter restoran juga tidak akan meletak straw dengan diambil bebas oleh pelanggan. Kalau pelanggan nak straw kena minta dan pengusaha restoran baru bagi. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Terima kasih Tuan Speaker, kepada Yang Berhormat EXCO kita difahamkan ada banyak pengusaha ataupun peniaga di sekitar Selangor telah mula bagi beg plastik secara percuma dan saya difahamkan tiada pemantauan yang penguatkuasaan yang begitu ketat yang diambil oleh kerajaan sehingga mereka membagi sesuka hati ada yang memang masih ada ambil 20 sen. Jadi adakah statistik untuk dapatkan berapakah kompaun yang telah dikeluarkan untuk mengenakan kepada peniaga untuk memberi secara percuma beg plastik ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Buat masa ini kita masih menunggu kompaun-kompaun yang telah dilaksanakan oleh PBT di mana kita bukan buat secara paksaan, kita tak mahu menjadi isu di mana penggunaan beg plastik ini memberi satu gambaran kebebasan kepada mereka. So kita tak kenakan caj yang tinggi dan kita tidak melaksanakan untuk membuat serbuan atau kompaun kepada mereka terus, hanya PBT yang ada kuasa untuk menarik balik atau tidak *renew licence* premis-premis restoran-restoran ini, so kita bukan buat secara paksaan ataupun mengenakan kompaun yang tinggi, kita buat ni secara sukarela dan juga kita akan melalui pendidikan di sekolah-sekolah untuk kesedaran tentang isu ini. Kita tak guna satu cara yang keras dan isu ini dan untuk masa akan datang kita akan pertimbangan di mana PBT akan mengenakan tindakan terhadap premis-premis yang masih enggan mengikut arahan-arahan daripada Kerajaan Negeri iaitu kalau mereka masih memberi beg plastik secara percuma kita akan mengenakan satu cara hukuman yang lebih berat.

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO. Ada tak maklumat yang lebih jelas kepada peniaga-peniaga ini sebab ada peniaga kata kenapa kami tak diberitahu lebih awal ataupun maklumat tak jelas sama ada nak kena kan 20 sen atau tidak. Ada setengah yang caj pada pengguna ada yang tidak caj kepada pengguna.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Kita telah pun mengadakan kempen sejak tiga 4 tahun lalu. Saya rasa kalau ada mereka yang mengikuti hasrat Kerajaan Negeri Selangor. So untuk masa ini bukan semua premis tidak boleh guna beg plastik, ada salah faham di mana untuk pasar malam, pasar pagi yang mereka menjual barangan basah, ikan itu tidak dapat dielakkan. Mereka masih boleh guna beg plastik, jangan salah faham, masih dibekalkan. So itu lah hanya kita fokus kepada pasar raya-pasar raya yang besar yang mereka mengguna kuantiti yang besar setiap hari untuk macam 7Eleven, KK Mart, mereka menggunakan beg plastik yang banyak setiap hari. Itu yang kita *targetkan*, buat masa ini kita fokus kepada pasar raya yang besar tapi untuk peruncit-peruncit kita tak ada lagi kawalan yang ketat terhadap mereka. Mereka masih boleh gunakan beg plastik untuk *certain* item, macam basah punya jualan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Tuan Speaker, tadi saya dengar jawapan daripada YB EXCO berkenaan straw. Kalau pelanggan minta straw adakah mereka perlu bayar untuk straw tersebut. Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Tidak bayar, dia tidak dikenakan caj, so hanya kita tidak membekalkan kepada secara automatik iaitu untuk mendapatkan straw tak sebab itu lah saya menggalakkan terutama wanita-wanita kalau mereka masih nak gunakan straw beli satu *straw stainless steel*, wanita. Ha ha

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker, Peraturan Tetap.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Wanita, lelaki juga. Ini tak ada diskriminasi ini sebabkan mereka kalau guna *lipstick*, mereka gunakan straw, tak boleh elakkan, kalau boleh sediakan *straw stainless steel*, simpan dalam beg, bawa sentiasa pakai straw ni, kita kena elakkan guna straw plastik. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Saya belum pernah nampak straw *stainless steel* dan silakan Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Saya boleh rujuk kepada Peraturan Tetap ataupun terus kepada soalan tambahan?

**TUAN SPEAKER** : Terus kepada soalan tambahan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan saya untuk Yang Berhormat Kajang adalah bolehkan Kerajaan Negeri melihat semula jadual ataupun *time table* untuk menjadikan negeri Selangor sebagai satu negeri bebas plastik. Kalau kita tunggu sehingga 2030, saya bukan kluatir tetapi saya yakin masalah plastik di Malaysia khususnya dan akan menjadi lebih teruk. Jadi walaupun jadual itu 20@30 ataupun 20@30 itu dicadangkan di peringkat pusat tetapi Kerajaan Negeri dari awal pernah menerajui kempen ini, jadi saya harap Yang Berhormat ada soalan yang bagus untuk Yang Berhormat dalam Dewan ini.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan. Saya setuju sebelas tahun ni memang lama, lama tapi ini satu jadual yang diberikan oleh Persekutuan tapi rancangan Selangor kalau boleh saya nak 2025 iaitu 6 tahun dari sekarang tapi bukan 100% bagi masa sikit sebab kita nak pembekal yang boleh menghasilkan bahan ganti plastik ini. Kita ada banyak cadangan macam biodegradable plastic, kertas, beg, banyak lagi recycle beg supaya mereka ada volume mereka boleh hasilkan volume dan dengan harga yang berpatutan yang boleh gantikan beg plastik. Kalau ini yang kita tak dapat sediakan, maknanya plastik memang merupakan satu choice yang utama lah. Mereka tidak akan gunakan kertas, beg atau pun *recycle bag*. Sebab itu lah kita akan menekankan di Selangor, matlamat kita 2025 supaya kita sini bebas plastik tapi kita perlu bagi masa kepada pembekal untuk menghasilkan yang untuk ganti beg plastik ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya Balakong.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI** : Terima kasih Tuan Speaker, nak tanya tentang kepada Yang Berhormat EXCO, selain daripada caj ataupun kita kata hukuman kepada mereka yang gunakan straw ataupun beg plastik, adakah Kerajaan boleh mempertimbangkan memberi ganjaran kepada terutamanya restoran-restoran yang gunakan straw *stainless*

*steel*, kalau kita boleh berikan ganjaran kepada mereka yang bagi untuk straw *stainless steel* lah.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Kesian Balakong ni dia tak nampak dia, so kena lain kalau kena pakai baju merah.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI** : Sedang beli, sedang beli.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Macam Seri Setia pakai baju biru senang nampak sikit.

**TUAN SPEAKER** : Jangan masuk biru sudah.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih cadangan Balakong satu idea yang bagus. Kalau kita tengok di luar negara memang ada ganjaran kita bagi untuk tidak gunakan beg plastik. So kalau nak impliment dekat sini kita kena bincang dengan PBT lah sebab ini bukan di bawah *portfolio* saya dan juga kalau kita tengok di luar negara, kalau kita tidak guna beg plastik kita dapat ganjaran memang dapat tambang bas percuma, boleh dapatkan pergi ke tempat dengan percuma, ini ganjaran juga. So, ini kita boleh timbangkan pada masa akan datang dan saya berharap untuk masa akan datang juga kita tidak akan mengenakan kompaun kepada mereka yang menggunakan straw, tidak hanya plastik sahaja buat masa ini, di mana plastik juga kita untuk di mana semasa *renew license*, kita ambil tindakan, kita tidak beri kompaun. Untuk straw saya nak menekan di sini kita tidak akan mengenakan kompaun hanya kita tidak akan mengenakan caj, hanya kita tidak menggalakkan penggunaan straw ini supaya kita nak mengurangkan kuantitinya. Pada masa akan datang kita akan buat satu kempen yang lebih ketat di mana kemungkinan juga akhirnya kompaun akan dikenakan tapi kita fikir juga kesan buruk selepas kompaun. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Permatang.

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 103.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : SKIM PEMILIKAN KEDIAMAN ANAK MUDA LUAR BANDAR**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai skim pemilikan kediaman bagi anak muda luar bandar?
- (d) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan ke arah membantu anak muda luar bandar memiliki kediaman sendiri?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih kepada Tuan Speaker dan juga kepada Permatang. Permatang bertanya tentang Skim Pemilikan Kediaman Untuk Anak Muda Luar Bandar. Sebenarnya setakat ini belum ada satu skim yang khusus untuk anak muda luar bandar tapi skim yang kita tawarkan adalah pemilikan rumah pertama bagi pemohon tetapi Kerajaan Negeri tidak ada masalah kalau sekiranya anak syarikat Kerajaan Negeri bersedia untuk membina perumahan di kawasan luar bandar yang khusus mungkin ditetapkan atau di tawarkan kepada anak muda luar bandar. Jadi apa yang perlu dilakukan adalah untuk kenal pasti tanah kerajaan di luar bandar dan tengok sama ada kebolehan upaya untuk menjual unit-unit tersebut sekiranya dibina. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 104.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PILIHAN RAYA KERAJAAN TEMPATAN**

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Butirkan persiapan Kerajaan Negeri untuk menghadapi pilihan raya Kerajaan Tempatan seperti yang diumumkan oleh Menteri KPKT akan dilaksanakan dalam masa 3 tahun.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Tuan Speaker, pada masa ini Kerajaan Persekutuan masih dalam tindakan untuk mengkaji pelaksanaan pilihan raya Kerajaan Tempatan termasuk perkara yang melibatkan Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 berkaitan Pilihan raya Kerajaan Tempatan. Sehingga kini sebanyak 2 siri bengkel telah diadakan oleh KPKT bagi membincangkan cadangan pelaksanaan Pilihan raya Kerajaan

Tempatan iaitu pada 12 Julai 2018 dan 8 Oktober 2018 di mana semua Kerajaan Negeri dan beberapa PBT turut dijemput untuk berkongsi pandangan dan idea. Untuk makluman juga, satu konvensyen Kerajaan Tempatan akan diadakan pada 10 dan 11 Disember 2018 yang akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri dan salah satu agenda yang akan dibincangkan adalah berkenaan Pilihan raya Kerajaan Tempatan. Kerajaan Negeri masih menunggu sehingga satu dasar diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 105.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PENCEGAHAN DEPOH KONTENA DI KAMPUNG TRADISI**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Apakah usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah depoh kontena haram yang berada di dalam kawasan Kampung Tradisi Pulau Indah yang menyebabkan kerosakan infrastruktur seperti jalan raya?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Pelabuhan Klang. Berdasarkan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang, pengubahan 42020 Kampung Tradisi Pulau Indah telah dizonkan sebagai kawasan perumahan. Pihak Majlis melaksanakan pemantuan berterusan yang mengeluarkan notis penguatkuasaan terhadap aktiviti pembangunan tanpa kebenaran khususnya depoh haram di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 171 dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, Akta 133. Tindakan pendakwaan di mahkamah diambil jika pemilik tanah atau pengusaha masih ingkar dengan notis yang telah disampaikan. Walau bagaimanapun tindakan di bawah Akta 172 mengambil masa yang agak lama sebelum dijatuhkan denda oleh mahkamah. Disyorkan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu melibatkan tindakan merampas tanah, langgar syarat dan di bawah Kanun Tanah Negara atau bersama JPJ dan pemotongan bekalan utiliti TNB dan SYABAS bagi memberi kesan dan pengajaran yang lebih efektif ke atas kesalahan aktiviti dan pendirian struktur tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan. Terima kasih.



**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih penjelasan Yang Berhormat EXCO. Berkenaan dengan masalah lori kontena ataupun depoh lori kontena harap yang ada di dalam kawasan ini sudah lama, sudah lebih daripada dua tahun ia diusahakan dan saya sentiasa membangkitkan isu ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah tetapi sehingga ke hari ini jawapan yang standard juga diberikan, sama macam jawapan yang diberikan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan, jawapan yang EXCO beri maknanya sama dan bilakah kita boleh mengambil tindakan secara serius bagi mengatasi masalah ini kerana ia telah menyebabkan banyak masalah kerosakan jalan di dalam kawasan kampung dan sekiranya kita tidak mengambil tindakan pada hari ini dikhuatirkan akan ada bertambah banyak lagi depoh-depoh lori kontena kerana yang sedia adapun tidak diambil tindakan, maka akan ada lagi pertambahan yang baru.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Pelabuhan Klang. Sebenarnya saya nak ucapkan tahniah kepada pengundi di Pelabuhan Klang kerana dulu dah dua penggal Pelabuhan Klang tak ada Yang Berhormat yang jaga tetapi kini ada Yang Berhormat baru rajin turun padang, semua masalah di Pelabuhan Klang semua sudut pun dia pun tahu. Untuk makluman Yang Berhormat Pelabuhan Klang, Jabatan Perancang dalam tindakan sediakan tiga Kertas untuk membawa kes ini ke mahkamah. Ini adalah satu perkembangan yang baru.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Terima kasih Tuan Speaker. DUN Pandamaran terletak sebelah DUN Pelabuhan Klang dan banyak kita kontena yang melalui dekat sini, jadi adakah Kerajaan Negeri sebab kita sering mengalami depot-depot sebegini, ada juga di DUN Pelabuhan Klang dia ada *parking* dekat sebelah sekolah dan banyak kali kita pihak PBT dah ambil tindakan tapi tidak dapat boleh menghalang mereka memarking dekat situ. Jadi adakah kita Kerajaan Negeri dapat mengazetkan ataupun mencari satu tempat untuk khas untuk mereka untuk buat depot dekat sesuatu tempat yang jauh daripada perumahan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Memang dalam rancangan Kerajaan Negeri mencari satu tapak yang sesuai untuk meletak kontena-kontena yang besar sebegini. Sebenarnya dalam Mesyuarat Majlis Pengangkutan Negara yang lepas juga ada cadangan setiap

negeri untuk mencari satu tapak yang sesuai tetapi buat masa ini kami masih dalam proses untuk menentukan di kawasan mana yang sesuai untuk menjadikan tapak untuk meletak kontena.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHEW** : Tuan Speaker, saya rasa apa salahnya kalau kita cari di bawah TNB line, kita berunding dengan TNB.

**TUAN SPEAKER** : Ambil maklum la.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Yang ni kita ambil maklum. Saya suruh buat perbincangan dengan pihak TNB di mana tapak yang sesuai ya untuk tujuan ini.

**TUAN SPEAKER** : Soalan seterusnya Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHEW** : Tuan Speaker, soalan 106.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPAD  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MEMBINA HOSPITAL BARU DI KAWASAN LUAR BANDAR**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Orang kampung sangat memerlukan hospital. Adakah Kerajaan Selangor akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk membina hospital baru di kawasan DUN Sungai Pelek malah kawasan luar bandar lain di Selangor?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Pembinaan hospital seperti yang Berhormat tahu adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, bagi menampung keperluan penduduk di luar bandar, kerajaan Persekutuan juga menyediakan klinik-klinik kesihatan yang terletak berhampiran penduduk di kawasan luar bandar dan dengan adanya pelaksanaan Skim Peduli Sihat oleh Kerajaan Negeri, klinik panel Peduli Sihat dapat membantu mengurangkan kesesakan di hospital dan klinik kerajaan dan lebih hampir dengan kawasan luar bandar. Di dalam kawasan Sungai Pelek, terdapat sebanyak tujuh klinik panel yang telah berdaftar untuk Program Skim Peduli Sihat dan senarainya adalah Klinik Ashfa

dan Raja, Klinik Seri Sepang, Klinik *Villatheatm*, Klinik *I care*, Poliklinik Penawar, Klinik RS Shiva Sdn. Bhd dan untuk makluman Sungai Pelek, kerana bertanyakan tentang sama ada hospital di luar bandar akan didirikan lagi di Selangor, untuk makluman kita semua Yang Berhormat semua insyaallah Hospital Kapar tanahnya sudah ada dan dalam proses Kerajaan Persekutuan untuk *call* panggil *request* comfoser dan sebagainya. Jadi Hospital Kapar *insya-Allah on the way* untuk Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Y.B. Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHEW:** Tuan Speaker kita memang faham lah itu juru stasion untuk hospital termasuk di luar bandar adalah kos pusat. Tetapi luar bandar seperti Sepang, Sungai Pelek, Tanjung Sepat memang perlukan hospital juga. Tak kan semua hospital dapatlah. Dan saya mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Menteri Besar yang telah melawat kawasan Sungai Pelek dan Tanjung Sepat dan telah pun pergi ke suatu tempat yang di mana tapak yang sesuai untuk hospital. Dan tanah pun sudah ada. Jadi saya mintalah tolong EXCO Kesihatan buat rundingan dengan OAS. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk maklumat Yang Berhormat Jabatan Kebajikan Negeri Selangor telah menyatakan bahawa jabatan maaf Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah menyatakan di sini bahawa ada 2 permohonan ia Hospital Kapar dan Hospital Semenyih. Hospital Kapar *insya-Allah* kiranya *on the way* dan sekiranya saya boleh sampaikan apa ni...ada hospital yang mohon tetapi masih ada kawasan mohon tetapi masih ada tapak atau Sungai Pelek menyatakan bahawa ada tapaknya kita boleh saya boleh tolong bawa ke Kementerian Kesihatan tetapi mereka juga ada penilaian mereka juga kerana mereka juga melihat kepada kedudukan-kedudukan hospital yang lain juga. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker. Ijok ingin bertanya adakah di Negeri Selangor ada perancangan untuk membina hospital. Saya dengar-dengar ada satu kawasan yang di taja oleh SELCAT. Ini saya hendak tahu. Sila memberi pencerahan siapa yang membinanya dan siapa hospital itu tahap Adunnya e-lever tahap 5 *star* atau *five star*.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD:** Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Memang benar ada perancangan SELCAT ada perancangan untuk membina hospital. Namun saya minta maaf saya tidak ada maklumat yang terperinci dan saya akan menjawab bertulis Yang Berhormat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT:** Terima kasih kepada Tuan Speaker soalan saya soalan 107.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK: UNISEL**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan UNISEL boleh bersaing dengan universiti lain?
- b) Nyatakan prestasi kewangan dan perbelanjaan UNISEL.
- c) Nyatakan prestasi rekrut di UNISEL sejak tahun 2006.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Rawang dan Tuan Speaker. Pihak pengurusan tertinggi UNISEL telah mengemukakan beberapa langkah-langkah untuk memastikan UNISEL dapat bersaing dengan universiti-universiti yang lain yang lebih lama awal wujudnya Malaysia.

1. Program yang ditawarkan dikaji dari segi kesesuaian kurikulum bagi menepati kehendak dan keperluan industri;
2. Mewujudkan program yang mempunyai *niche* yang senang dipasarkan;
3. Mewujudkan Panel Penasihat Program bagi memastikan program menepati peralihan zaman;
4. Memperuntukkan belanjawan yang mencukupi bagi pemasaran program-program Universiti di dalam dan luar negara;
5. Memastikan barisan Pengurusan Tertinggi Universiti berwibawa dan berpengalaman luas dalam bidang kepakaran dikehendaki serta mempunyai *track record* perkhidmatan terbaik;
6. pemilihan barisan keahlian di peringkat Lembaga Pengarah dan Lembaga Universiti adalah mereka yang berwibawa, berpengetahuan baik dari segi akademik atau pengurusan serta berlatar belakang yang pelbagai;
7. Terus memperbaiki (*upgrade*) prasarana Universiti, pengajaran dan pembelajaran serta suasana kampus bertaraf kelas pertama;
8. UNISEL adalah Universiti Kerajaan Negeri, peruntukan geran pendidikan dan penyelidikan diutamakan. Ini kerana jumlah geran penyelidikan dapat

meningkatkan kesetaraan Universiti di peringkat penarafan Institusi Pengajian Tinggi;

9. Menambah bilangan pensyarah berkelulusan Phd. Di dalam semua bidang;
10. Menjadikan UNISEL kampus hijau (*green campus*) yang cukup menawan dan dapat menarik minat pelajar untuk belajar di sini;
11. Memberi pelajaran percuma di peringkat matrikulasi kepada pelajar jurusan kejuruteraan, sains dan komputer.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, berikut merupakan penyata kewangan UNISEL pada Tahun 2016. Secara asasnya UNISEL telah mendapat pendapatan berjumlah RM133 Juta yang terhasil daripada yuran, pendapatan operasi lain dan geran Kerajaan Negeri. Dan selepas menolak koperasi dan kos kewangan pada Tahun 2016 pendapatan di atas buku kira-kira 2016 ialah mencatatkan lebih RM30.04 Juta. Tahun 2017 mempunyai pendapatan sekitar RM105 atau pra 105.06 Juta. Ia daripada yuran dengan *porsche* yang tinggi sekitar RM79 Juta. Dan juga geran Kerajaan Negeri RM23 Juta. Dan selepas ditolak dengan kos operasi dan kos kewangan kedudukan kewangan UNISEL mencatatkan lebih RM3.99 Juta. Sehingga Oktober 2018 dengan pendapatan sekitar RM97.7 Juta hasil daripada yuran RM63 Juta. Pendapatan lain operasi RM1.5 Juta. Dan juga geran Kerajaan Negeri RM32 Juta. Setakat ini mencatatkan lebih sehingga RM8.34 Juta. Maafkan saya bagi soalan c kalau dinyatakan tentang rekrut yang kita faham adalah tentang pentadbiran ataupun pelantikan pegawai-pegawai. Daripada 2006 hingga 2018 ini adalah jumlah pelantikan baru. 2006 sehingga 2018 kita telah memilih dan melantik 1,148 pegawai-pegawai yang mana pada Tahun 20.. nanti saya bagi kan secara bertulis jumlahnya ya..kalau tengok 2006 sebab 95 pegawai daripada akademik dan pentadbiran. Hinggalah 59 pegawai 2018 di mana 28 daripada akademik 31 daripada Bahagian Pentadbiran untuk menggantikan pegawai-pegawai bertukar ataupun bersara. Dan inilah jumlah pelantikan baru 1,148 pegawai telah dilantik bermula 2006 sehingga 2018. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya mengenai tunggakan cukai taksiran UNISEL kepada Majlis Daerah Kuala Selangor, iaitu di mana tunggakannya telah mencecah RM6,874.989.20. Jadi apa yang dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar mengenai kadar kewangannya agak bagus tetapi cukai pendapatannya tidak dibayar. Saya dimaklumkan sekiranya satu jumlah yang besar ini sekiranya dapat dibayar membantu Majlis Daerah Kuala Selangor untuk membuat persediaan untuk menjadikan dia sebagai Majlis Perbandaran. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Tanggungjawab pembayaran cukai sudah pasti diperlukan namun begitu saya suka mengingatkan bahawa berdasarkan daripada apa yang saya bantah tadi sebahagian besar daripada kos peruntukan yang diperoleh oleh UNISEL adalah datangnya daripada Kerajaan Negeri. Tanpa suntikan-suntikan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri secara kos operasinya UNISEL akan berdepan dengan sedikit kekangan. Namun selepas beberapa proses transformasi yang dilakukan oleh pihak pengurusan UNISEL secara asasnya barulah kita dapat mencatatkan keuntungan di atas kertas. Ini keuntungan kertas yang terhasil daripada kiraan dan sebagainya. Namun sebelum itu MBI Kerajaan Negeri telah menyelesaikan jumlahnya hampir beratus-ratus juta ringgit Malaysia. Hutang-hutang yang melibatkan konsesi-konsesi sebelum ini yang kalau hendak kita ceritakan panjang ceritanya Yang Berhormat. *Insya-Allah* tanggungjawab untuk membayar akan dibuat selepas kewangan dan kedudukan UNISEL berada dalam keadaan yang sihat. Dan suka saya menyebutkan kehadiran dan juga pendaftaran pelajar-pelajar baru di UNISEL juga sangat baik. Buat pertama kali sesi terbaru, baru ini UNISEL telah mencatatkan kali pertama pendaftaran lebih daripada 1,000 pelajar-pelajar terbaru yang berdaftar di peringkat Ijazah dan Diploma di UNISEL. Ini satu perkembangan yang sangat positif dan kita tidaklah boleh terlalu *ambisi* (dengan izin) kerana ada beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan misalnya nilai *star* atau setara yang disebut tadi. Sedikit menurun disebabkan ada beberapa benda iaitu beberapa perkara persoalan pelajar-pelajar daripada luar negara dan juga di bidang kajian yang tidak dapat disediakan dana yang cukup oleh pihak Kerajaan Negeri mahupun UNISEL sendiri. Asasnya pada ketika ini UNISEL untuk *opecs* (dengan izin) ataupun operasi pengurusan harian *overhead* untuk tahunan *insya-Allah* boleh di *cover* dengan pengurusan sedia ada. Tapi untuk *capek* saya mesti tahu nilai usia *capek* bangunan universiti yang agak lama jadi memerlukan sedikit suntikan daripada situlah Kerajaan Negeri menyampaikan suntikan-suntikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 108.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: SISTEM PENDAFTARAN PEMAJU (SPEM)**

108. Bertanya kepada Y.A.B. DATO' menteri besar:-

- a) Nyatakan jumlah pemaju perumahan yang berdaftar di LPHS sejak Sistem Pendaftaran Pemaju (SPEM) diwujudkan.

b) Adakah LPHS pernah menyenaraihitamkan dan mengedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) nama-nama Ahli Lembaga Pengarah Pemaju yang bermasalah? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima Kasih Kuala Kubu Baharu. Untuk maklumat Yang Berhormat Sistem Pendaftaran Pemaju ataupun singkatannya (SPEM) telah dikuatkuasakan bermula pada mulai 2007. Sehingga bulan November tahun ini jumlah pemaju perumahan berdaftar di Lembaga Perumahan Hartanah Selangor melalui SPEM berjumlah 1,426 ini melibatkan 2,455 projek semuanya. Lembaga Perumahan Hartanah Selangor sebenar pernah menyenaraihitamkan dan juga mengedarkan senarai pemaju-pemaju yang sudah disenaraihitamkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan dan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah juga telah di apa tu dikemukakan bersama. Jadi mereka yang bermasalah ini telah di apa itu dicari dalam carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk dimaklumkan kepada PBT. Bagi pemaju yang bermasalah tidak dibenarkan untuk mendaftar pembangunan kemajuan mereka melalui SPEM di peringkat SSM ini sebagai langkah awal untuk pastikan mereka tidak melaksanakan apa-apa kemajuan sehingga mereka menyelesaikan masalah mereka. Selalu mereka disenaraihitamkan kerana mereka terlibat dalam projek terbengkalai. Apa bila selesai projek tersebut ataupun telah dipulihkan maka nama mereka dikeluarkan ke senarai hitam dan mereka boleh memohon semula untuk didaftarkan di dalam SPEM. Itu sahaja. Sebenarnya saya ada senarai dia agak panjang juga saya akan kemukakan dengan secara bertulis. Ok saya akan baca 1, 2 mungkin boleh memberi mungkin berminatlah Yang Berhormat berminat dengan pemaju-pemaju ini. Tetuan Beringin Sdn.Bhd telah digulung. Tetuan Realiti Sdn.Bhd juga digulung. Tetuan Litar Jaya Sdn.Bhd dibubarkan. Dan Tetuan Kamus Sdn.Bhd digulung.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ok. Saya hendak tanya Y.B. EXCO sama ada senarai hitam itu boleh orang ramai dapat daripada mana-mana satu sumber ataupun laman web LPHS.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Setakat ini kita saya akan kemukakan Yang Berhormat hanya senarai hitam ini dia mungkin bertukar-tukarlah apabila selesai apa itu projek yang mereka jalankan itu telah dipulihkan. Tetapi saya nampak ini tidak ada halangan kalau ia di apa itu dipamerkan di dalam laman web LPHS. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menanggungkan sesi pertama untuk urusan seterusnya.



**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Sambungan Usul No.15 Tahun 2018. Usul Peruntukan Pembangunan 2019.

**TUAN SPEAKER:** Ya persilakan Bukit Lanjan untuk teruskan perbahasan .

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menyentuh 5 perkara yang berkaitan tentang Belanjawan Pembangunan Kerajaan Negeri Selangor untuk Tahun 2019. Yang pertamanya adalah dalam Muka Surat 197 P01 PK4 Sosial Kod 04002 Pembangunan Orang Asli di mana peruntukan sebanyak RM100,000.00 telah dicadangkan oleh kerajaan negeri. Saya hanya ingin cadangkan kepada kerajaan negeri supaya peruntukan untuk pembangunan orang asli sepatutnya lebih daripada RM100,000.00 kerana di negeri Selangor kita ada bilangan kampung-kampung orang asli yang banyak dan walaupun pada ketika ini, kita ada satu hubungan yang boleh dikatakan lebih baik dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli di peringkat pusat dan juga di negeri Selangor kalau dibandingkan dengan 10 tahun yang lalu, namun begitu kita juga perlu ada satu tanggungjawab terhadap pembangunan orang asli di negeri Selangor khususnya kampung-kampung infra dalam kampung orang asli. Ini adalah kerana kalau kita, sebagai contohnya, kalau kita nak bangkitkan pembangunan ataupun penambahbaikan infra-infra di kampung-kampung orang asli, biasanya lah, ini pengalaman saya selama 10 tahun, biasanya priority mereka tidak begitu tinggi khususnya kalau cadangan itu dibangkitkan di peringkat Pejabat Tanah ataupun Pejabat Daerah. Jadi, mereka perlu satu peruntukan yang lebih serius dan bermakna supaya kita dapat berkhidmat untuk mereka.

Perkara kedua yang saya ingin tanya kerajaan negeri adalah di Muka Surat 201 P01 PK17 Projek Khas Negeri di bawah Kod 17014 sehingga 17016 berkaitan dengan Muzium Tekstil, Muzium Setem dan juga *Japanese Garden*. Saya difahamkan lokasi asal Muzium Tekstil dan juga Muzium Setem telah berubah dan saya ingin tanya di mana lokasi baru Muzium Tekstil dan juga Muzium Setem negeri Selangor. Keduanya, saya nampak *Japanese Garden* di bawah Kod 17016 tiada peruntukan untuk tahun ini. Jadi, apakah status terkini tentang *Japanese Garden*? Dan berkaitan juga dengan projek-projek khas negeri, saya ingin tanya kerajaan negeri apa status terkini berkaitan taman rakyat yang telah diumumkan dalam dewan yang mulia ini, adakah projek ini akan dijalankan kerana selepas 2 tahun, projek ini diumumkan dalam dewan ini, kita belum nampak apa-apa *progress*, dengan izin, tentang projek ini. Isu keempat, saya merujuk kepada Muka Surat 231 P13 JPS PK1 Pembangunan Projek Tebatan Banjir Kod 01001 Projek Tebatan Banjir Petaling yang untuk tahun ini hanya ada peruntukan sebanyak RM12,800. Dan untuk keseluruhan jumlah untuk daerah Petaling hanya RM1 juta. Kalau kita dengar daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam dewan yang mulia ini ada banyak isu banjir dan daerah Petaling adalah antara yang juga kena banjir yang sangat teruk kebelakangan ini. Sebagai contohnya di kawasan saya dalam DUN



Bukit Lanjan, ada beberapa tempat di mana banjir yang tidak pernah berlaku selama ini tiba-tiba telah mula muncul. So, sebagai contohnya di Damansara Damai. Di kawasan itu memang tak ada banjir, banjir kilat pun tak ada tapi kebelakangan ini kita nampak air banjir masuk sehingga dalam rumah orang. Jadi, saya ingin tanya kerajaan negeri apa justifikasi di mana pembangunan Projek Tebatan Banjir ini, khas untuk Petaling dikurangkan sehingga RM12,800.00 dan apa tindakan kerajaan negeri ada, kalau isu banjir ini bertambah serius untuk tahun depan. Isu keempat yang saya ingin berhujah dalam dewan ini adalah dalam Muka Surat 215 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor PK1 Pembangunan Pengukuhan Sumber Hutan. Selangor dikenali sebagai negeri 5 Bintang dalam pengurusan Hutan Simpan di Malaysia. Apakah 5 Bintang ini?

1. Di negeri Selangor kita ada moratorium 25 tahun di mana kita tidak ada pembalakan komersial.
2. Enakmen Seksyen 11 Pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985 telah dibentang dan diluluskan dalam dewan yang mulia ini dan hanya di negeri Selangor sahaja kita ada enakmen khas ini di mana Pendengaran Awam diwajibkan kalau mana-mana Hutan Simpan dikeluarkan warta.
3. Kita adalah negeri, satu-satu negeri di Malaysia yang menguatkuasakan Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985) di mana penggantian Hutan Simpan mesti diselaraskan dengan mana-mana hutan yang dikeluarkan warta
4. Di mana negeri Selangor adalah dua negeri di Semenanjung di mana kita ada tambahan kawasan Hutan Simpan sejak 2019 iaitu lebih daripada 12,000 hektar Hutan Simpan baru diwarta masuk.
5. Di mana, Bintang kelima adalah kalau ada Hutan Simpan Kekal diwarta keluar daripada negeri Selangor ia hanya untuk projek-projek infrastruktur dan juga untuk kemudahan awam.

Dan 5 Bintang ini diiktirafkan di peringkat pusat oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan juga mantan Menteri Alam Sekitar dan Sumber Asli. Jadi, saya ada soalan untuk kerajaan negeri mengapa baru-baru ini ada iklan dalam surat khabar di mana Hutan Simpan Bukit Lagong di .. kononnya akan diwarta keluar. Dan ini bukan untuk infrastruktur awam, bukan untuk kemudahan awam dan sebagainya tetapi untuk satu projek perumahan. Saya rasa ini adalah satu *precedent*, dengan izin, yang tidak bagus untuk negeri Selangor kerana kalau kita mula dengan satu projek, nanti kita akan ada lebih projek perumahan di mana pemaju-pemaju akan datang jumpa dengan Yang

Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ataupun Yang Berhormat Kajang, untuk mendapat tanah Hutan Simpan untuk membuat projek-projek perumahan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, *point* yang terakhir.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Mohon mencelah.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Ya, silakan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Memandangkan dalam kes ini pemaju adalah PKNS, iaitu badan kerajaan negeri. Bukankah Yang Berhormat ingin mencadangkan ada, memang senang PKNS membatalkan niat untuk memajukan perumahan di kawasan rizab hutan dan biar rizab hutan kerana hutan ini tak boleh tumbuh dalam 2 – 3 tahun, ia ambil berpuluh-puluh atau beratus-ratus tahun untuk menjadi apa keadaan yang dia ada sekarang. Tidak harus kita kacau, kalau tidak ada alasan yang kukuh. Memang cukup banyak tanah perumahan lain di negeri Selangor.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Saya amat setuju dengan syor daripada Yang Berhormat Bukit Gasing. Saya rasa sebagai satu agensi ataupun GLC kerajaan negeri Selangor, ia sepatutnya lebih peka kepada dasar kerajaan negeri dan saya khuatir adalah, ia tidak akan berhenti kalau kita tidak berhenti hari ini. Kawasan ini saya difahamkan adalah satu Hutan Simpan yang, kalau dibandingkan dengan keseluruhan Hutan Simpan Kekal di negeri Selangor adalah satu *strip*, dengan izin, yang sangat kecil 20 hektar diletak di antara Taman Amansiaga dan juga Selayang Heights. Saya tidak pasti kawasan ini adalah kawasan di bawah Yang Amat Berhormat Sg. Tua ataupun Yang Berhormat Taman Templer, kawasan ini. Tetapi ia tidak memberi satu gambaran yang bagus khasnya kalau di negeri Selangor kita ada satu imej yang bagus dalam pembangunan pemeliharaan dan juga pemuliharaan Hutan-Hutan Simpan Kekal ini. Saya juga difahamkan tanah ini sebenarnya dipohon dan dilulus kepada PKNS pada tahun 2003. 2003 tetapi kita, khasnya Pakatan Harapan dipilih oleh rakyat supaya kita tidak mengulang perkara-perkara yang tidak bagus sebelum ini, jadi saya memang memohon Yang Amat Berhormat Sg. Tua dan juga Yang Berhormat Kajang untuk melihat perkara ini semula. Melihat semula perkara ini supaya projek ini tidak akan berterusan. Hutan Simpan ini tidak akan dinyah warta keluar kerana di negeri Selangor kita memang boleh cari tanah yang cukup bagus kerana saiznya hanya 20 hektar.

Perkara yang terakhir Tuan Speaker, adalah berkaitan tentang Jabatan Alam, maaf, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Muka Surat 245, P14 PK1 Kod 01100 Daerah Petaling. Saya lihat senarai Sekolah Rendah Agama yang diberi peruntukan untuk dibangunkan pada tahun hadapan. Saya terkejut kerana satu Sekolah Rendah Agama,

yang telah diluluskan dalam dewan ini sejak 5 tahun yang lalu, nama sekolah itu telah hilang dalam Buku Belanjawan ini. Nama sekolah ini adalah Sekolah Rendah Agama Damansara Damai. Dan, yang terkini, saya dapat cari satu pengumuman oleh mantan Menteri Besar Negeri Selangor iaitu pada tahun 2017, tarikhnya Mei 23 diumumkan pada masa itu 2 tahun yang lalu ini, maaf, 1 tahun yang lalu ini bahawa prasarana pendidikan Islam terus dipertingkatkan. Ini adalah satu berita yang diterbit oleh Selangor Kini dan mantan Menteri Besar yang pada masa ini masih Yang Berhormat Bukit Antarabangsa telah membuat pengumuman yang sangat-sangat bagus iaitu, dengan izin, *quote*, Kerajaan negeri juga meluluskan permohonan membangunkan 3 buah lagi SRA iaitu SRA Bandar Country Homes, SRA Denai Alam dan SRA Damansara Damai dengan RM10 juta setiap satu pembangunan. So, maksudnya, ini telah diluluskan. Dah masuk Buku Bajet 5 tahun yang lalu, satu peruntukan telah diumumkan tahun lepas tetapi pada tahun hadapan saya tidak nampak SRA Damansara Damai, jadi saya minta penjelasan daripada kerajaan negeri di mana, apakah status yang terkini tentang SRA Damansara Damai? Dengan itu, saya ingin ucapkan sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin memulakan perbahasan pada pagi ini dengan menyentuh kepada Perkara PK7 Butiran 07001 di bawah Butiran Generasi Muda dan Sukan. Yang Berhormat Pengerusi, Gombak Setia menyambut baik di atas usaha kerajaan negeri untuk merangka sebuah *Blueprint* Pembangunan Generasi Muda 2018-2022 bagi memperkasa peranan belia kepada pembangunan negeri Selangor. Ini kerana korpus ini dilihat akan menjadi fundamental yang terpenting yang mencakupi segala strategi, pelan tindakan untuk mencungkil potensi belia dalam membina kekuatan dan ketahanan, pembangunan sosial, ekonomi dan politik negara. Tidak dinafikan pendidikan merupakan kompeten utama kepada pembangunan belia. Justeru pedagogi yang meliputi aspek teknikal dan kemahiran saya kira perlu diperkasakan lagi bagi melahirkan pembangunan modal insan yang berkemahiran tinggi berproduktiviti dan berdaya saing di dalam segala bidang yang diceburi. Saya mengharapkan agar strategi Pembangunan Generasi Muda yang dirancang ini haruslah mencakupi pelbagai aspek secara holistik baik dari segi pembangunan ilmu, pembentungan sahsiah, persediaan kemahiran dan keusahawanan yang mencakupi seluruh lapisan generasi muda sama ada yang berpeluang memasuki institusi pengajian tinggi ataupun tidak. Justeru, saya ingin mencadangkan supaya lebih banyak lagi program-program sukarelawan ataupun dengan izin, *volunteerism*, dibangunkan di Negeri Selangor ini dan diberikan tumpuan kepada program-program pembangunan kemahiran dalam kalangan generasi muda khususnya di kampung-kampung atau di kawasan luar bandar dengan fokus kerjasama

bersama-sama dengan industri di kawasan sekitar. Ini secara tidak langsung saya kira akan membuka lebih banyak lagi ruang-ruang pekerjaan kepada golongan belia khususnya di kawasan luar bandar. Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin mengajak seluruh Dewan untuk merujuk kepada PK14, Butiran 14008 di bawah butiran Perpustakaan iaitu Kelengkapan dan Koleksi. Ini kerana saya kira sebagai sebuah negeri yang maju adalah amat *signifikan* untuk kita mengekalkan ataupun memastikan nilai ilmu dan intelektual itu terus dimartabatkan. Namun begitu, saya rasa agak terkilang apabila melihat hanya sejumlah RM200,000.00 yang diperuntukkan untuk Perpustakaan Awam Selangor untuk menambah kelengkapan dan koleksi bagi tahun 2019. Saya percaya sebagai dalam usaha untuk kita menjadikan perpustakaan ini sebagai gedung ilmu yang terkehadapan dan berdaya saing dengan teknologi maklumat kita perlu memastikan perpustakaan kita ini disegarkan dengan koleksi karya-karya baru dalam corpus dan disiplin ilmu yang pelbagai kerana saya kira ini amat penting untuk kita memastikan senantiasa Negeri Selangor ini ada wacana-wacana yang baru yang akhirnya dapat membawa kita Negeri Selangor ini mendakap cabaran-cabaran sama ada cabaran ekonomi, cabaran politik atau sosial dari masa ke semasa. Begitu juga Yang Berhormat Pengerusi saya ingin menyentuh berkenaan butiran 14010 iaitu Program Penterjemahan Karya-Karya Antarabangsa. Agak ralat untuk saya katakan setelah kita melaksanakan program penterjemahan karya-karya antarabangsa atau karya-karya agung dunia selama beberapa tahun kali ini saya tidak nampak ada peruntukan yang diperuntukkan untuk memastikan program-program ini terus berjalan. Saya kira dalam usaha kita untuk melakukan anjakan paradigma daripada industri ekonomi yang berasaskan buruh kepada ekonomi yang berasaskan ilmu ataupun *knowledge economy* kita harus kembali memacu tradisi ilmu demi mencapai apa yang disebut sebagai *greater intellectual advancement*. Maka saya percaya bahawa penterjemahan karya-karya agung ini harus dipandang serius kerana ia merupakan salah satu komponen yang penting dalam usaha pembangunan bangsa. Usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilakukan dalam memperkasakan bidang penterjemahan ini untuk memanfaatkan segala sumber ilmu yang ada dengan menggunakan bahasa kebangsaan kita. Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin menyentuh seterusnya kepada butiran PK18, butiran 18004 dan 18008. Dalam butiran Inisiatif Peduli Rakyat iaitu Skim Latihan Semula Pekerja dan Skim Mesra Usia Emas. Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan generasi yang produktif, usaha mempertingkatkan dan menggilap kemahiran perlu dilaksanakan. Apatah lagi hari ini kita berhadapan dengan fenomena *aging population* di mana amat penting untuk kita saya kira membantu golongan pesara khususnya pesara tentera demi menyediakan mereka sebelum menceburi bidang-bidang yang hari ini berkembang dalam pasaran pekerjaan. Namun, sebelum kita melihat hanya kepada topik latihan semula ataupun Skim Latihan Semula Pekerja itu saya juga ingin mengajak Dewan untuk kita meneliti kembali kepada butiran PK18 iaitu Program-Program IPR ini kerana kita sedia maklum bahawa hasrat Kerajaan

Negeri sebagaimana yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dalam Ucapan Belanjawan iaitu berkenaan dengan gagasan baru untuk melakukan penjajaran terhadap program-program IPR ataupun Inisiatif Peduli Rakyat ini. Namun begitu, ingin saya ingatkan bahawa dalam keghairahan kita untuk melakukan penjajaran semula ini saya kira kita perlu memastikan matlamat akhir adalah untuk memastikan pengagihan kekayaan itu tetap terlaksana berasaskan prinsip adil dan ehsan sebagaimana yang juga ditegaskan oleh Menteri Besar dalam Ucapan Belanjawan. Ini mendorong saya untuk bertanya kerana setelah saya meneliti butiran-butiran dalam Inisiatif Peduli Rakyat daripada 42 program-program yang kita war-war dan tawarkan sebelum ini, dalam buku ini hanya ada 10 lagi yang dicatatkan. Jadi, apakah ataupun ke mana pergi program-program yang lain ataupun telah dilakukan penjajaran kepada program-program IPR ini sehingga menyebabkan daripada 42 program itu hanya 10 yang dicatatkan dalam buku ini? Dan ini menuntut kita semua untuk bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah Kerajaan Negeri telah memutuskan satu formula bagaimana untuk menjajarkan program-program ini? Kita sedar bahawa mungkin ada program-program yang telah pun ditawarkan di peringkat persekutuan, maka untuk memastikan program itu tidak dilakukan ataupun tidak ada dengan izin, *redundancy* ataupun pertindihan dengan Kerajaan Negeri maka mungkin kita boleh melakukan penjajaran ke atas program tersebut. Namun, saya kira penting untuk kita pastikan sebelum penjajaran itu dilakukan Ahli-Ahli Dewan ini juga dibawa sama berbincang supaya akhirnya kita boleh memutuskan satu formula penjajaran. Dan, saya juga ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri kerana dalam ucapan Menteri Besar saya tidak lihat ada disebut tentang beberapa program-program IPR yang saya kira berimpak tinggi yang sebelum ini kita tawar dan laksanakan untuk rakyat Negeri Selangor termasuk untuk golongan B40. Ini penting sebab dalam Ucapan Belanjawan Y.A.B. Dato' Menteri Besar disebut bahawa kita ingin memelihara ataupun memastikan golongan B40 ini akhirnya mendapatkan pembelaan tetapi ada beberapa program-program yang saya sebut tadi program-program IPR yang sebelum ini kita laksanakan khusus untuk memberdayakan dan mempertingkatkan kualiti kehidupan golongan B40 itu tidak disebut. Antaranya saya ingin bertanyakan apakah status kepada program pengecualian cukai dan juga fi lesen perniagaan untuk golongan B40? Ini saya kira amat penting sebab program ini cukup mendapat perhatian rakyat dan ianya sememangnya terus secara langsung memberi kesan kepada golongan B40 di Negeri Selangor ini khususnya untuk mempertingkatkan taraf dan kualiti kehidupan mereka. Begitu juga dengan program *early intervention program* ataupun program di mana kita menyantuni golongan anak-anak yang kurang bernasib baik. Apakah program ini diteruskan dan begitu juga dengan beberapa program lain seperti program Imarsh Muassasah Haji yang juga sebelum ini kita laksanakan untuk menyantuni jemaah-jemaah haji di Negeri Selangor. Dan, yang penting dalam usaha kita untuk melakukan penjajaran ini jangan kita hanya melihat kepada golongan B40 tetapi kita juga harus

memastikan penjajaran yang dilakukan itu benar-benar menyantuni seluruh segmen dalam masyarakat di Negeri Selangor ini. Sebab itu saya juga ingin bertanya apakah Kerajaan Negeri pada tahun hadapan akan meneruskan peruntukan untuk komuniti Sikh bagi menyantuni kumpulan ini? Sebab kita sedar sebelum ini ada peruntukan yang hanya disalurkan untuk masyarakat Cina, untuk masyarakat India tetapi dalam tempoh beberapa tahun yang lalu saya kira dua tahun yang lalu kita telah memutuskan untuk juga menyantuni masyarakat Sikh di Negeri Selangor ini memandangkan komuniti ini yang kian bertambah dan daripada peruntukan sejumlah RM500,000.00 dua tahun yang lalu, pada tahun ini kita naikkan kepada RM1 juta. Jadi, ini saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kerajaan Negeri terhadap isu-isu yang ini kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi kita tidak mahu dalam keghairahan kita untuk melakukan penjajaran dalam keghairahan kita melihat banyak program-program yang ditawarkan di peringkat persekutuan tetapi kita di peringkat negeri ini mengambil enteng terhadap program-program yang sebelum ini kita lakukan dengan alasan kita boleh sandarkan program-program tersebut kepada bahu Kerajaan Persekutuan tapi akhirnya kita tercicir kepada golongan yang betul-betul, benar-benar memerlukan di Negeri Selangor ini. Jangan marah Tuan Pengerusi, saya akhiri terima kasih.

**TUAN SPEAKER** :       Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** :       Terima kasih Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam perkara yang berkaitan dengan P01, PK8, PK12, 11, 14 dan 17 dan P08 – Jabatan Pertanian Negeri, PK6 dan P10 – Jabatan Perhutanan Negeri, PK2. Pertamanya, apabila saya menyentuh Pejabat Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri ia menyentuh tentang PK6 iaitu Kerajaan Prihatin. Di dalam Kerajaan Prihatin ini ada dinamakan Kerajaan Prihatin, Pembangunan Pekerja Ladang dan Bantuan NGO. Bagi saya selepas mengetuai dan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan, saya dapati bahawa agenda Pembasmian Kemiskinan ini tidak ada fokus dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan kami Jawatankuasa telah mencadangkan satu cadangan penyata kepada kerajaan untuk menyusun agar program-program pembasmian kemiskinan ini diagendakan sebagai satu tema yang selaras. Dia mungkin bersepah, merata dalam portfolio-portfolio SO yang ada, contohnya kalau di sini kita pergi lihat dalam PK5 – Pendidikan. Ada di situ Program Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang. Itu juga sebenarnya bertemakan kepada agenda pembasmian kemiskinan dan demikian juga kalau wanita bahagian PK5, PK6 – Wanita, Kebajikan dan Kesihatan juga ada program kebajikan. Ini juga menyentuh tentang pembasmian kemiskinan. Jadi, saya ingin mencadangkan agar semua program-program yang menyentuh tentang Kerajaan Prihatin yang bertemakan berorientasikan untuk membasmi kemiskinan hendaklah disusun segalanya supaya



objektif-objektifnya dapat diselaraskan. Dan, dengan itu apabila kita bercakap tentang bantuan kepada NGO, bantuan itu hendaklah dalam bentuk kolaborasi. Kolaborasi ini kita akan lihat contohnya pihak-pihak NGO telah membuat laporan-laporan yang sangat berguna seperti C4, mencadangkan Polisi Perolehan Malaysia yang ada kaitan besar dengan apa yang diamalkan di Selangor dan begitu juga dengan satu laporan terbaru yang dibuat oleh Greenpeas Malaysia, satu penemuan yang sangat memeranjatkan yang akan saya huraikan kemudian. Dengan itu kita berharap peruntukan tentang NGO ini hendaklah kita luaskan bukan hanya dalam bentuk bantuan-bantuan secara runcit-runcit tapi satu kolaborasi yang menghasilkan gerak kerja yang baik hingga satu NGO yang baru-baru ini iaitu Pusat Komus telah mengadakan apa yang kita namakan *Freedom Festival* di mana dalam program itu telah diadakan satu tayangan dokumentari tentang *The Story of Kam Agung*. Kam Agung ini adalah seorang wanita di pedalaman Sarawak yang telah bersalinkan anak yang keenam dalam keadaan yang kemudiannya mendapat sakit yang berat dan dia merupakan satu yang dikatakan sebagai pengabaian, kecuaiannya yang sangat besar daripada Kementerian Kesihatan pada masa itu. Peristiwa ini berlaku 16 tahun yang lalu dan masih lagi keluarga mereka menuntut keadilan kepada keadaan tersebut. Jadi, kita dapati bahawa dalam konteks ini sumbangan yang diberikan oleh NGO yang kita bagikan bantuan amatlah besar kalau kita *approach* dia dengan izin, cara yang kita katakan sebagai kolaborasi kerjasama. Itu pertama. Kemudian, saya ingin menyentuh tentang program alam sekitar. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada PBT khususnya PBT MBPJ, MBSJ di mana dalam program kitar semula sisa, kitar semula bahan buangan termasuk berbagai-bagai aktiviti, contohnya kalau kita ambil MBSA keuntungan dan hasil pendapatan yang mereka lakukan daripada program kitar semula adalah pada tahun lalu adalah RM12,744.00. Selepas itu MPK RM16,000.00, MPAJ RM5,000.00. Tapi bagi kutipan kitar semula di seluruh kawasan MBSJ, Subang Jaya adalah sebanyak RM1,105,668.00. Ini merupakan satu pencapaian yang patut kita puji dan kita sanjung. Jadi, dengan itu kita lihat program ini kalau kita gerakkan dengan betul, dengan kempen yang betul, dengan edukasi yang betul, semuanya akan berjalan dengan baik dan akan berjalan dengan lebih sempurna dari semasa ke semasa. Dan saya ingin menarik perhatian bahawa peruntukan ini hendaklah dikawal selia kerana ada satu perkembangan baru dalam konteks apa yang kita namakan sebagai pemulihan, pemuliharaan tapak pelupusan. Mungkin ini berkaitan dengan yang sah ataupun yang tidak sah. Tapi ada yang baru iaitu pengimportan plastik-plastik dalam bilangan yang besar itulah yang berlaku dari Negara China ke Malaysia. Tempat yang jadi sasarannya adalah Selangor. Tempatnya adalah Pulau Indah, Jenjarom dan Teluk Panglima Garang di mana hari ini kita dapati banyak kilang-kilang yang terbiar telah menjadi pusat pada pelupusan dan akhirnya mereka upaya untuk melupuskan cara betul mereka membakarnya. Dan itu adalah satu perkara yang menakutkan kita kerana kalau tidak dikawal, maka plastik-plastik yang akan datang ke Malaysia itu akan

melebihi puluhan billion kilometrik setahun. Jadi ini adalah satu *report* yang terbaru yang saya akan minta NGO Greenpeas Malaysia menyerahkannya kepada setiap Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor. Jadi itu yang kedua. Yang ketiga saya ingin menyatakan bahawa P14 – Perpustakaan di mana membina baru perpustakaan desa yang telah menjadikan peruntukan RM2,250,000.00 saya jangkakan sebahagiannya hendaklah digunakan di Hulu Kelang kerana itu yang telah diuar-uarkan dan telah *diestimate* telah dua kali pihak Perpustakaan Negeri datang untuk membuat tinjauan dan membuat semakan kepada tapak yang ada yang sudah ada bangunan yang perlu di baik pulih sedikit. Dia tidak merupakan menaik taraf kerana dia bukan perpustakaan lagi tetapi dia telah *ditarget* untuk menjadi satu perpustakaan yang boleh kita gunakan sebagai perpustakaan desa yang baru di Hulu Kelang. Tuan Speaker, seterusnya bagi Jabatan Menteri Besar, saya ingin menyentuh tentang PK17 – Kem Ghaffar Baba Gombak. Peruntukan yang telah diberikan pada tahun...dalam kos telah dinyatakan kosnya RM6 juta. Saya mahu tahu apakah statusnya dan adakah ini akan digunakan sebagai rancangan awal di bawah EXCO Pendidikan dulu yang mana dia akan menjadi pusat latihan bagi guru-guru dan pelajar? Bagi saya kalau kita sinergikan dengan rancangan yang kami cadangkan yang telah dicadangkan oleh Hulu Kelang kepada EXCO Pelancongan iaitu untuk menjadikannya sebagai kawasan pelancongan yang bersepadu dengan kepentingan nasional, Zoo Negara dan bisnes di kampung, Kampung Kemensah destinasi adanya Kem Ghaffar Baba kita jadikannya satu perkampungan yang lebih padu untuk membolehkan kemudahan tersebut digunakan sebagaimana untuk pendidikan dan sebagaimana untuk pelancongan. Tuan Speaker, saya beranjak ke seterusnya Jabatan Pertanian Negeri. PK8 – Pembangunan Tanaman Herba dan Rempah Ratus. Saya tertarik untuk menarik perhatian Tuan-Tuan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian tentang peruntukan RM2 juta untuk membangunkan Taman Herba. Sekiranya pilihan itu belum dilakukan, saya menarik perhatian kepada Tuan-Tuan, kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan EXCO agar memilih satu herba yang cukup istimewa di Negara Jepun di sebuah pulau mereka telah mengetahui pokok ini mereka tanam banyak-banyak dan makan sebagai makanan asasi mereka, manusianya sihat-sihat. Pokoknya adalah di atas mana kalau di Malaysia ini tempatnya adalah di Batang Berjuntai yang kita namakan sebagai Bestari Jaya. Orang segan nak sebut Batang Berjuntai dia bunyi macam tak sedap. Kalau Bestari Jaya tu macam ok sikit. Tapi orang yang tanam pokok ni dia kata patutlah nama dia batang berjuntai dikekalkan. Pokok merengga itu adalah pokok yang...merengga. Dan pokok merengga ini rupa-rupanya pokok yang sangat istimewa. Bagai, berbagai khasiat. Empat kali tinggi *content* vitamin A berbanding dengan karot, tujuh kali daripada limau, oren, empat kali kalsium berbanding dengan susu, tiga kali potasium berbanding dengan pisang dan berbagai-bagai-bagai kelebihannya termasuklah sembilan kali zat besi lebih daripada *spinach*, bayam. Dan, dia melibatkan berbagai-bagai kemudahan keistimewaan lebih daripada 56 nutrisi terkandung di dalamnya dan dia sangat mudah ditanam, mudah



diproses dan banyak khasiatnya dan kalau nak dikatakan hari ini komuniti yang berada di Bestari Jaya ataupun Batang Berjuntai ingin menjadikan ini sebagai satu dan mereka telah berunding dengan beberapa agensi, jabatan di PBT untuk membolehkan ditanam di tempat-tempat yang boleh mereka jaga dan dikawal dengan baik. Jadi, saya mencadangkan agar Jabatan Pertanian memilih projek ini sebagai satu projek pilot dan menjadikan dia sebagai satu projek yang akan memberi manfaat kepada kita semua. Dan, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang Jabatan Perhutanan, yang mana dalam PK6....PK3 ya? Tanaman Herba, herba lagi sekali tapi peruntukan RM50,000.00 bagi saya, saya telah dalam sesi yang lepas saya bertanya ini adalah peruntukan *research* untuk mengenal pasti benih-benih herba daripada hutan yang belum dibawa lagi ke kampung, ke luar daripada hutan untuk dimajukan. Jadi, saya ingin mengetahui apakah kemajuan dan apakah *report-report*, laporan-laporan yang pernah dibuat berkenaan dengan tanaman herba yang sebegini lebih untuk R & D? Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Sila Ijok. Nak ulas Batang Berjuntai tadi ke? Silakan. Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Boleh saya bahas terus?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, silakan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker memberi Ijok peluang untuk membahaskan tentang bajet pembangunan Negeri Selangor. Ada beberapa isu saya nak bangkitkan. Yang pertama, isu Jabatan Pengairan dan Saliran. Ini isu besar. Banjir ialah salah satu masalah besar di kawasan Ijok dan juga di Selangor. Kalau kita tengok peruntukan untuk pembangunan JPS kalau kita rujuk pada muka surat 235, PK2 dan muka surat 237, PK5 dari segi naik taraf dan pembangunan saluran tengok di situ Kuala Selangor 0. Saya hairan kenapa tidak ada peruntukan langsung kepada Kuala Selangor pada hal Kuala Selangor ialah satu kawasan-kawasan yang melandai masalah perairan dan saluran. Jadi, saya harap Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan JPS Selangor akan memberi penjelasan kenapa peruntukan untuk masalah ini tak adakah ada apa-apa perancangan untuk membina membina? Itu satu. Yang kedua, saya nak sentuh peruntukan untuk Jabatan Agama Islam Selangor. Kalau rujuk pada muka surat 246, PK1 – Pembangunan Sekolah. Saya telah bangkitkan banyak kali di sini untuk membina satu sekolah agama menengah sebab di Ijok tu sekolah agama rendah ada tujuh. Tiap-tiap kali warga Ijok kalau nak melanjutkan dalam pendidikan agama mereka kena pergi ke sekolah di Jeram atau ke Kuala Selangor. Saya harapkan Kerajaan Selangor akan membina satu sekolah agama menengah di kawasan Ijok. Jadi, tak perlulah anak-anak kita berhijrah jauh untuk mendapatkan pendidikan selanjutnya. Tuan Timbalan Speaker, saya nak

sentuh dengan tentang IPR, Inisiatif Peduli Rakyat. Saya mengucapkan tahniah kepada Negeri Selangor telah memberi manfaat, banyak inisiatif kepada rakyat Negeri Selangor. Tetapi saya nak sentuh satu jelah tentang Kesihatan dan Pembangunan Wanita dari segi PK6, muka surat 198, PK18201. Banyak inisiatif telah diberi pada kaum wanita dari segi kesejahteraan, kesihatan, saringan, macam-macam, dari kesihatan mental pada kaum wanita tetapi saya haraplah Kerajaan Negeri Selangor jangan lupa kaum lelaki. Kaum lelaki walaupun saya seorang doktor wanita tapi prihatin tentang masalah lelaki sebab bila saya di hospital saya, bila wanita tu datang ada masalah kita kena kaji dari segi pihak suami, soal lelaki. Sebab kadang-kadang masalah tu dia ada berkaitan. Jadi, apa yang nak saya sarankan lelaki ni sekarang ada dari segi kesihatan pun mereka ada masalah sendirian macam prostat *cancer*, sakit hati, sakit paru-paru, itu satu dari segi kesihatan. Dari segi sosial pun sekarang kita punya *structure social* kita pun dah bertukar. Untuk ibu tunggal, untuk suri rumah tangga ada skim-skim untuk membantu. Tapi sekarang dah mula dengan izin, kita ada *househusband not housewife*. Banyak perempuan dah bekerja tetapi suaminya duduk di rumah menjaga anak. Tetapi adakah program kita membantu lelaki yang jadi *househusband*? Mereka menghadapi masalah sama dengan kaum wanita. Jadi, saya tengok dalam IPR tidak apa-apa, kosong untuk kita nak membantu kaum lelaki untuk menjaga keluarga kita sendiri. Setuju tak?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ijok, Ijok nak mencadangkan ada EXCO lelaki?

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Ya. Mungkin. Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Ijok ingin juga nak sentuh tentang pembinaan hospital tadi. EXCO telah membangkitkan apa saya tahu, diberitahu ada satu hospital akan dibina di Rawang tetapi dia punya *detail* butirannya dia kita tak tahu. Inilah satu projek Anak Syarikat Negeri Selangor. Pada pendapat saya sebagai seorang doktor berpengalaman bekerja dan mengurus hospital, Hospital Pantai Bhd. sejak 1990 saya jadi EXCO dan juga jadi Ahli Lembaga dan membina hospital satu seluruh Malaysia dari Penang, Ipoh, Melaka, saya dapati melabur dalam hospital, pembinaan hospital ni kita kena berjaga-jaga. Apa nawaitu kita? Apa objektif kita? Kita melabur hospital untuk mendapat keuntungan atau memberi khidmat kesihatan kepada rakyat Negeri Selangor? Sebab kalau kita melabur dalam hospital, membina hospital untuk mendapatkan keuntungan, dalam lima tahun dengan izin, *return of investment almost zero*. Kalau nak dapat lagipun kita kena menampung bayaran *maintenance*. Banyak hospital-hospital di negara ini macam Subang Jaya Medical Centre diambil alih oleh Sime Darby. Prince Court mula oleh Petronas sekarang sudah dijual. Tropicana Medical Centre sudah diambil alih. Banyak lain-lain misalnya hospital-hospital telah dibina diambil alih. Kalaulah kita ada duit lebih macam *access fund* hendak membina hospital *thats ok*, kalau kita mahu membina hospital bahasa Inggeris CSR hendak

membantu rakyat *thats ok*. Kalau kita duit terhad kita hendak membina hospital untuk mendapat keuntungan saya harap Kerajaan Negeri kena berjaga-jaga sedikit sebab kalau kita menggunakan duit rakyat saya dapati ini inisiatif oleh satu syarikat, Anak Syarikat Negeri Selangor dan mana peruntukan untuk membina hospital ini. Dia punya *source, is it* guna duit rakyat atau pakai duit yang kita ada lebih *accses fund*. Itu sebab saya hendak beri tahu saya berharap dari awal dahulu saya telah memberi kata, apa keutamaan kita *what are our priorety* dengan izin. Kita kena *outline what of our parties for* untuk Negeri Selangor apa, dia masalah apa, pembangunan apa, jalan raya, paritan ataupun sekolah, pendidikan, pembangunan modal insan *but* pembangunan hospital masalah kesihatan *is the main responsibility* tanggungjawab Putrajaya, *State* membantu. Itu sebab saya berharap Kerajaan Negeri Selangor wujudkan satu *priorety* apa kita akan nak membangun untuk Negeri Selangor pada tahun hadapan. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sementa ingin membahaskan VOT P01 muka surat 198 Kod Projek PK6 Wanita Kebajikan dan Kesihatan dengan Kod 06001 Program Pemerdayaan Wanita dan Keluarga sebanyak RM4,940,000.00 yang mana ia antaranya ialah peruntukan bagi Program-program PWB. Jadi alhamdulillah Program-program PWB masih lagi diteruskan untuk kita terus memperdayakan wanita-wanita di Negeri Selangor dan saya kira peruntukan sebanyak RM50,000.00 setahun untuk para Penyelia di setiap DUN di seluruh Negeri Selangor iaitu di 56 DUN ia adalah satu peruntukan yang amat baik untuk para wanita-wanita ini melaksanakan program-program pemerdayaan wanita di kawasan masing-masing. Juga mungkin kini para Penyelia PWB akan mempunyai tugas yang lebih lagi iaitu dengan mengenal pasti dan juga mencari penama-penama ibu-ibu KISS ini untuk di berdayakan melalui Program *Work From Home*. Jadi saya ingin mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri juga dapat berkolaborasi dengan pihak Swing World Gallery yang mana galeri ini satu syarikat yang melaksanakan ataupun membuat produk-produk berasaskan jahitan kraf tangan. Kraf tangan berasaskan jahitan dan produk-produk daripada Swing World Galery ini memang sangat menarik. Jadi saya kira mungkin boleh di kolaborasi ibu-ibu KISS ini untuk bersama-sama membuat kraf tangan bagi dijadikan produk yang kita boleh namakan sebagai *made in* Selangor. Produk-produk macam *toys* dan juga yang berwajahkan Selangor contoh, *toys firefly, toys* haiwan-haiwan tropika kita katak ke macam-macam lagi jadi yang sangat comel. Jadi ia boleh dijadikan sebagai cenderahati dan dijenamakan atas nama Selangor. Jadi saya melihat dan sebenarnya sebelum ini ramai daripada Wanita-wanita PWB kita telah melawat Swing World Gallery ini dan mereka juga diberikan sedikit latihan ataupun kursus. Jadi sekiranya kita dapat

berkolaborasi ia akan menjadi lebih cantik lagi untuk *maybe* kita membuat produk-produk yang tertentu untuk dijadikan cenderahati untuk Negeri Selangor. Sementara itu saya juga ingin melihat agar PWB Shop ini dapat dilaksanakan agar ia menjadi satu *one stop* agensi bagi mengumpulkan produk-produk seluruh Negeri Selangor daripada hasil tangan wanita sama ada produk-produk makanan, sama ada produk-produk kraf tangan yang mana PWB Shop ini boleh kita jadikan sebagai tempat kunjungan oleh para pelancong yang turun di Selangor dan kalau boleh kita dapat laksanakan ia sebelum menjelang Tahun Melawat Malaysia dan juga sempena Tahun Melawat Negeri Selangor agar kita dapat memasarkan produk-produk Selangor dan kita ada banyak sangat produk di Negeri Selangor namun kita tidak ada satu-satu produk yang spesifik yang kita boleh tonjolkan ini adalah Selangor. Jadi saya harap PWB Shop ini boleh dijadikan sebagai pelopor untuk kita jadikan *one stop* agensi untuk memasarkan produk-produk *made in* Selangor. Seterusnya untuk B6002 iaitu Kebajikan. Sementara ingin bertanya berapa peruntukan untuk sumbangan peruntukan oleh Kerajaan Negeri untuk sumbangan kepada pusat-pusat EIP ataupun *Early Intervention Program* yang mana Pusat-pusat EIP ini mendidik anak-anak kita yang memerlukan pendidikan khas dan kerana sumbangan EIP kepada Kerajaan Negeri ini yang telah kita laksanakan semenjak tahun lepas ia amat sangat dihargai oleh Pengusaha Pusat-pusat EIP ini kerana secara tidak langsung ia juga dapat membantu mengurangkan beban perbelanjaan pendidikan untuk para ibu bapa yang menghantar anak mereka di Pusat EIP ini. Jadi apakah Kerajaan Negeri akan mengembangkan bantuan EIP ini juga kepada PDK-PDK yang ada di Negeri Selangor kerana PDK-PDK ini juga mengajar anak-anak kita yang berkeperluan khas ini dan mereka juga sangat kurang peruntukan untuk melaksanakan program-program yang diperlukan di pusat mereka. Jadi Sementara berharap agar PDK-PDK ini juga diberikan perhatian untuk mendapat bantuan melalui Program EIP kita. Seterusnya saya ingin pergi kepada PK7 iaitu 07003 iaitu Pembangunan Sukan. Kita maklum bahawa Kerajaan Negeri memang memfokuskan kepada bidang-bidang sukan tertentu cumanya ada beberapa bidang-bidang sukan atau jenis-jenis sukan yang kurang mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri ataupun masyarakat. Antaranya, ini ada di Sementara dan jaguh-jaguhnya ada di Sementara antaranya *Arm Wrestling* Sementara kita ada jaguhnya yang telah pergi ke mengikuti pertandingan-pertandingan hingga di peringkat luar negara dan seterusnya sukan seperti Muay Thai, Ragbi, Sukan Bermotor dan juga basikal berpasukan, Lumba Basikal yang mana sukan-sukan ini sebenarnya juga ada ramai peminatnya, ada ramai *followers* nya, ada ramai orang-orang yang ataupun *talent-talent* yang ada di Negeri Selangor ini. Jadi saya mengharapkan pihak Kerajaan Negeri juga akan melihat dan memberikan perhatian dan juga seterusnya memberikan sumbangan yang sepatutnya untuk memberikan sokongan dan juga agar kita juga dapat menggilap bakat mereka ini agar mereka boleh pergi jauh lagi di peringkat yang seterusnya. Seterusnya PK13 iaitu Adat Melayu dan Warisan, Dato' Selat Klang tidak ada, Sementara ada 12 buah kampung

sekarang ini dan apabila saya pergi ke kampung-kampung yang baru dimasukkan dalam Sempadan DUN Sementa sebelum itu saya ada 8 kampung sekarang saya ada 12 kampung. Jadi bila kita masuk ke kampung-kampung ini kita dapat lihat pelbagai khazanah-khazanah warisan tradisi yang ada di kampung-kampung ini yang ia adalah asli milik Selangor. Jadi saya kira ia perlu diberikan suntikan oleh pihak PADAT agar seni budaya kita ini tidak lapuk dik hujan tak lekang dik panas. Agar mereka akan terus bergiat aktif untuk melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti untuk menyemarakkan lagi seni warisan yang ada antaranya adalah seni silat yang mana ada pelbagai jenis silat dan ia juga anak-anak muda terlibat memberikan mereka bagaimana untuk seni mempertahankan diri antaranya Silat Cekak, Silat Gayung, Silat Cemendi dan Silat Saudara. Ini yang saya dapati antara silat-silat yang ada dan sebenarnya ada banyak lagi jenis-jenis silat dan kita mohon agar Kerajaan Negeri terus memberikan sokongan agar ia akan terus disuburkan seni-seni warisan yang masih ada di Negeri Selangor ini. Selain daripada itu satu lagi seni warisan yang ada di Kampung Bukit Kapar iaitu permainan Gasing Pangkah Tradisi. Saya kira hanya satu dua kampung sahaja yang masih ada permainan Gasing Pangkah Tradisi yang mana gasing itu dibuat sendiri oleh mereka orang yang sudah tua, mereka membuat gasing ini sendiri tidak jual pun gasing ini di pasaran dan mereka ini sentiasa aktif untuk dan juga disebar luaskan kepada anak-anak muda. Jadi saya harap pihak PADAT juga akan mengambil kira seni warisan ini yang mungkin dah hampir pupus. Kalau pakcik ini dah tidak ada mungkin dah tidak ada orang yang boleh buat Gasing Pangkah Tradisi ini dan juga bagaimana untuk bermain gasing ini. Jadi ini antara yang ingin saya harapkan daripada pihak PADAT tentang seni warisan yang masih ada dan kita tidak mahu ia hilang ditelan zaman. Seterusnya untuk Jabatan Pertanian Negeri Selangor PK11 iaitu Pembangunan Golongan Sasar dan Belia Tani. Jadi saya ingin mendapatkan maklumat, maklum balas tentang siapakah golongan belia-belia ini yang layak dan boleh terlibat untuk mereka dapat menjadi salah seorang ahli untuk bersama melaksanakan dalam Program Belia Tani ini dan di manakah program-program ataupun tempat-tempat Program Belia Tani ini di adakan di Sementa, adakah di mana? Jadi inilah yang ingin saya ketahui kerana ramai di kalangan para belia-belia ini juga berminat dalam ilmu pertanian. Jadi saya kira bila ada peruntukan untuk Pembangunan Golongan Sasar dan Belia Tani ini saya kira ini adalah peluang yang baik bagi para belia kita untuk turut serta dan juga bersama dalam program ini. Jadi seterusnya saya juga ingin ke Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor iaitu tentang PK4 menaik taraf jalan 4301 iaitu Menaik Taraf Laluan B1 dan B202 dari Pekan Meru ke Puncak Alam yang mana peruntukan hanya RM500,000.00 sahaja. Saya hanya ingin tahu apakah statusnya sekarang dan bilakah ianya akan *fully* disiapkan kerana ada beberapa *scratch* di jalan-jalan tersebut yang menyebabkan banjir kilat kepada penduduk kampung apabila ianya belum betul-betul selesai pembinaan. Jadi itu antara yang ingin Sementa ajukan. Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Yang Berhormat Sementa. Cuma saya nak sebut beberapa hal sedikit yang Sementa yang buat hal perkataan asli. Semalam dalam perbahasan Dengkil menyebut dalam perbahasan Dengkil sebut Orang Asal katanya. Saya pernah ditegur oleh pegawai JAKOA dalam program bila saya menggunakan perkataan JAKOA. Sebenarnya Akta Orang Asli 1954, dia spesifik menyebut perkataan Orang Asli. Sebab itulah Yang Berhormat-Yang Berhormat bila kita turun padang jangan guna perkataan Orang Asal, sebab Orang Asal merujuk kepada peribumi Sabah dan Sarawak. Ini adalah untuk sama-sama kita manfaat mungkin Yang Berhormat Bukit Lanjan lebih mengetahui dalam hal ini. Ye saya silakan Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker. Pelabuhan Klang ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan Pembangunan 2019. Dengan memulakan muka surat 198 VOT P01 KOD Projek PK1313004 iaitu Penyelidikan Adat Melayu Bahasa Kesenian Budaya Dan Warisan. Di kawasan DUN Pelabuhan Klang seperti Sementa juga kita terdapat banyak kampung dan salah satu kampung yang menjadi perhatian saya ialah di kawasan Kampung Tradisi Pulau Indah. Di mana di dalam kawasan Kampung Tradisi Pulau Indah ini terdapat 4 buah kampung iaitu Kampung Sg Pinang, Kg Sg kembang, Kg Teluk Nipah dan juga Kampung Perigi Nenas. Dan kesemua kampung-kampung ini mempunyai warisan dan tradisinya yang tersendiri dan asalnya sebuah pulau sebelum adanya Pelabuhan Barat ataupun West Port. Mereka hanyalah tinggal di sebuah pulau yang tiada apa-apa kemudahan dan banyak sejarah yang terdapat di kawasan Kampung Tradisi Pulau Indah ini. Dan atas ilham yang dicetuskan oleh mantan Ketua Kampung ataupun mantan Pengerusi JKK iaitu Dato' Zulkifli Wahab yang juga merupakan mantan Setiausaha JKK yang sebelum itu merupakan Setiausaha kepada Ketua Kampung yang kedua, ayahanda Osman Lazim yang sekarang ini masih hidup lagi berumur 84 tahun. Kita telah membina ataupun membuat sebuah Muzium Warisan Pulau Indah di Kampung Perigi Nenas. Muzium ini merupakan sebuah bangunan lama iaitu bangunan balai raya yang dibina pada tahun 1974, iaitu setahun selepas saya dilahirkan. Balai raya ini dibina ia merupakan balai raya zaman dahulu di mana menggunakan kayu dan seni binanya masih cantik lagi. Walaupun ianya telah tidak digunakan sebagai balai raya dan kita telah membaiki dan menyiapkannya dan sekarang ini telah menjadi sebuah muzium. Mendapat sedikit pertolongan daripada Muzium Negeri sebelum ini dan saya juga telah dilantik sebagai penaung untuk menguruskan Muzium Warisan Pulau Indah ini. Jadi saya memohon daripada pihak Kerajaan Negeri melalui PADAT untuk membantu Pelabuhan Klang bagi memastikan muzium ini diberikan sedikit peruntukan supaya kita boleh terus memajukannya. Sebab sekarang ini ia telah menjadi sebagai salah sebuah tempat dikunjungi oleh pelancong-pelancong bukan hanya daripada dalam negeri tetapi juga daripada luar negara.



Pelancong yang turun di *Star Cruise* dan mereka telah membawa pelancong-pelancong ini datang ke muzium ini. Sebab di dalam muzium ini terletak banyak bahan-bahan artifak yang lama dan juga sejarah Pulau Indah itu daripada asalnya sebuah pulau dan sekarang ini telah berkembang pesat di sekelilingnya ada pelabuhan dan juga kawasan industri. Bagaimana kehidupan mereka tanpa ada air yang bersih daripada paip air tanpa ada jalan raya, tanpa ada kenderaan tetapi mereka boleh hidup dahulu dan ini perlu dikenang oleh generasi yang akan datang. Dan saya beruntung sebab ayahanda Osman Lazim, 84 tahun masih lagi hidup walaupun sedikit uzur dan sentiasa memberikan saya semangat untuk terus memastikan muzium ini akan terus mendapat perhatian daripada banyak pihak yang ingin membantu. Dan untuk seterusnya, saya pergi ke masih lagi VOT P01 muka surat 198 KOD Projek PK707002 iaitu Menaik Taraf Infrastruktur Sukan. Saya berharap agar Pelabuhan Klang juga diberikan perhatian supaya kita tidak tertinggal juga di dalam pembangunan sukan ini. Saya ada kawasan di Kompleks Sukan Kampung Teluk Nipah Pulau Indah tetapi kemudahan sukan yang ada di kawasan kompleks ini semuanya telah uzur dan perlu dilakukan penambahbaikan ataupun menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan yang ada di Kompleks Sukan Kampung Teluk Nipah Pulau Indah ini. Semua keempat-empat kampung ini menjadikan kawasan Kompleks Sukan Kampung Teluk Nipah ini sebagai tempat tumpuan untuk anak-anak muda terutamanya beriadah dan bersukan ada padang bola, ada gelanggang takraw. Tetapi kemudahan-kemudahannya semua telah uzur dan mohon supaya ianya dipertimbangkan pada masa akan datang untuk di naik taraf oleh pihak Kerajaan Negeri. Begitu juga saya ada sebuah padang bola sepak di Pandamaran Jaya, Pelabuhan Klang Jalan 9 dan Jalan 100. Tetapi padang bola sepak ini dijadikan juga sebagai kolam tadahan sementara semasa hujan lebat. Maknanya sentiasa bertakung dengan air dan perlu ada teknologi terkini untuk memastikan ianya boleh digunakan juga sebagai kolam tadahan sementara tetapi juga mesti memastikan air yang ditakung itu segera dialihkan keluar kelongkang-longkang yang besar sebaik sahaja hujan lebat berhenti. Tetapi sekarang ini selepas hujan tiga hari pun padang ini air masih lagi tidak surut sebab mungkin ada masalah tersumbat sana dan sini. Dan saya berharap sangat-sangat padang ini akan di naik taraf demi kemudahan untuk anak-anak muda kita bermain bola sepak. Dan untuk yang seterusnya, saya pergi ke muka surat 219 VOT P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor iaitu Membina Jambatan dan Jejantas. DUN Pelabuhan Klang ingin memohon agar satu kajian dibuat di hadapan Sekolah Kebangsaan Kampung Pendamar agar difikirkan untuk diadakan sebuah jejantas bagi kegunaan anak-anak murid kita yang bersekolah di situ. Sebab jalan di sini sangat sibuk sehinggakan Jalan Kampung Pendamar ini ada sehingga 9 bonggol. Sebab itu orang panggil Jalan Kampung 9 Bonggol sebab ada 9 bonggol. Jalan ini dan saya rasa ini bonggol ini mungkin cara yang lama la dan sudah sampai masanya diadakan sebuah jejantas bagi kemudahan anak-anak kita untuk menyeberang jalan. Dan seterusnya, PK4 pecahan kepada PK4

Menaik taraf Jalan muka surat 223, saya juga memohon pihak Kerajaan Negeri supaya menimbangkan seperti yang saya ucapkan di dalam perbahasan awal iaitu Menaik taraf Jalan Kampung Pendamar daripada 2 lorong kepada 4 lorong kerana kepadatan pembangunan yang baru yang berada di sekeliling kawasan Kampung Pendamar seperti Bandar Parklands, Kota Bayu Emas, Greenville dan ini menjadikan jalan raya tersebut sangat sibuk. Sebab pembangunan di kawasan Bandar Parklands, Kota Bayu Emas dan Greenville ini jalannya 4 lorong tiba-tiba bersambung hanya 2 lorong sahaja Kampung Pendamar. Jadi sudah sampai masanya Jalan Kampung Pendamar ini dinaik taraf daripada 2 lorong kepada 4 lorong sama seperti jalan yang ada di Bandar Parklands dan juga Kota Bayu Emas. Dan seterusnya saya, Pelabuhan Klang juga memohon supaya jalan-jalan yang berada di kawasan Kampung Tradisi Pulau Indah seperti Jalan Rahman, Kampung teluk Nipah, Jalan Dato' Ahmad Razali, Kampung Sg Kembang, Jalan Dato' Hormat, Sidang Mohd Noor, Jalan Dato' Harun, Jalan Dato' Mohd Taib, Jalan Sidang Sidin, Persiaran Masjid Sultan, Jalan Imam Yusuf, Jalan Sidang Osman, Jalan Uda Aziz, Jalan Uda Habib semua ini di bawah tanggung jawab JKR dan mohon supaya pihak JKR memikirkan supaya jalan-jalan ini di naik taraf dan dipasang papan-papan tanda jalan dan juga nama kampung iaitu kampung Sungai Pinang, Kampung Sg Kembang, Kampung Teluk Nipah dan juga Kampung Perigi Nenas. Perlu ada papan-papan tanda jalan dan juga difikirkan satu kajian aspek keselamatan disebabkan pertambahan penduduk kalau dulu kurang sekarang ini dah mencecah sehingga 10,000 orang sebab banyak pembangunan perumahan-perumahan baru mula naik di kawasan kampung Pulau Indah ini. Perlu diadakan satu kajian aspek keselamatan terutama di simpang-simpang jalan sebab banyak sudah yang berlaku kemalangan mungkin perlu ada bonggol ataupun lampu-lampu isyarat di simpang-simpang yang berada di dalam kawasan Kampung Pulau Indah ini. Dan seterusnya saya pergi ke VOT P13 muka surat 230 Jabatan Pengairan Dan Saliran KOD Projek PK02 Menaik taraf Saliran dan juga PK7 Pembangunan Infrastruktur Mekanikal dan Elektrik. Seperti yang semua sedia maklum Pelabuhan Klang ini terletak di kawasan tepi laut dan selalu terdedah dengan masalah fenomena banjir. Terutama sekali semasa pertembungan air pasang tinggi serentak dengan hujan lebat menjadikan kawasan-kawasan kampung di Pelabuhan Klang ini akan terlibat dengan banjir kilat. Jadi ianya banyak menyusahkan penduduk dan merosakkan harta benda. Dan saya ingin memohon kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran supaya mengkaji semula kawasan-kawasan yang perlu dibina pintu kawalan air ataupun kunci air di sungai-sungai seperti Sungai Tengkorak, Kampung Perajurit, Telok Gong. Di sini ada sebuah pintu kawalan air ataupun kunci air tetapi ianya sudah lama dan perlu di naik taraf. Dan perlu ada juga kunci air di kawasan pangkalan Sungai Udang Kg Baru, Telok Gong dan juga membina juga kunci air baru di Lorong Udang Galah 2, Jalan Udang Galah Telok Gong, Sg Pendamar dan juga menaik taraf kunci air dan perlu disediakan juga sebuah rumah pam kekal berkapasiti tinggi di Kampung Sg Kembang dan juga di Kampung



Sungai Pinang, Pulau Indah. Ini bagi mengatasi masalah banjir kilat yang sentiasa berlaku apabila hujan lebat bertembung dengan air laut pasang tinggi dan juga saya memohon kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran tadi seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat EXCO Y.B. Batu Tiga berkenaan dengan satu kajian yang akan dibuat mengenai sistem perparitan dan longkang di dalam kawasan kampung-kampung dan saya memohon kepada pihak Y.B. EXCO supaya membantu Pelabuhan Klang di dua kawasan kampung yang besar iaitu Kampung Pulau Indah, iaitu Kampung Sungai Pinang, Kampung Sungai Kembang, Kampung Teluk Nipah, Kampung Perigi Nanas juga termasuk kampung Teluk Gong yang ada lima buah kampung iaitu Kampung Nelayan, Kampung Baru, Kampung Hamid Tuah, Kampung Perajurit dan Kampung Tengah supaya dikaji juga di kawasan kampung-kampung ini dan perlu ada perancangan untuk menaik taraf longkang-longkang yang kalau boleh ditukar kepada longkang *calvet* pada masa akan datang dan seterusnya, saya pergi ke VOT B14 muka surat 244 iaitu Jabatan Agama Islam Selangor iaitu PK30300 iaitu membina masjid, Pelabuhan Klang ingin memohon dan meminta pihak Jabatan Agama Islam Selangor untuk membuat kajian di kawasan ada tiga kampung yang Pelabuhan Klang ingin memohon supaya difikirkan bagi membina masjid baru iaitu di kawasan Masjid Pendamar kerana masjid yang sedia ada sekarang sudah tidak mampu menampung jemaah kerana hanya ada 500 orang sahaja kapasiti yang boleh dimuatkan semasa solat Jumaat. Memandangkan pembangunan yang sangat pesat sekarang ini di sekeliling di kawasan Kampung Pendamar ini seperti pertumbuhan bandar-bandar baru seperti bandar Park Land, Kota Bayu Emas dan juga Green Vill dan ini menjadikan ramai jemaah untuk hadir menunaikan solat terutamanya solat Jumaat di Kampung Pendamar ini tetapi masjid ini sudah tidak mampu lagi untuk menampung p jemaah yang ramai jadi ingin mencadangkan di sini supaya tanah dah ada, tetapi masjidnya belum ada dan mohon supaya dibina masjid di Kampung Pendamar ini yang boleh memuatkan 3,000 orang jemaah dalam satu-satu masa dan juga Pelabuhan Klang ingin memohon juga sebuah masjid baru di Kampung Sungai Pinang. Tanah pun dah ada kerana masjid yang sedia ada sekarang ini pun sudah tidak mampu menampung pertambahan jemaah yang ada, kerana ada juga pertambahan kawasan-kawasan perumahan yang baru di Kampung Sungai Pinang, Pulau Indah ini jadi diharapkan pihak Jabatan Agama Islam boleh untuk memberikan keutamaan untuk pembinaan masjid baru di Kampung Sungai Pinang ini. Begitu juga di kawasan Pandamaran Jaya, masjid yang ada sekarang juga sudah tidak boleh menampung jemaah yang semakin ramai dan perlu ada menaik taraf masjid di Pandamaran Jaya ini sebab tanah pun ada tetapi memerlukan peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi merealisasikan hasrat Ahli Jawatankuasa Masjid untuk membina masjid yang baru di kawasan-kawasan ini dan seterusnya saya pergi ke yang terakhir iaitu VOT P16 muka surat 254 PK1 Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor iaitu PK 1- Perancangan Pembangunan, PK2 Perancangan Dasar, PK3

Projek Khas Perancangan. Jadi saya di sini ingin mencadangkan kepada pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor, kita dengar banyak masalah-masalah yang dibangkit oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan masalah infrastruktur terutamanya di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan Pelabuhan Klang di mana kawasan-kawasan ini bercampur-campur ada kawasan industri, kawasan perumahan dan saya memohon kepada pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa di Negeri Selangor akan mengkaji semula dasar-dasar yang sedia ada, adakah masih sesuai lagi kawasan-kawasan industri itu diletakkan berdekatan dengan kawasan perumahan. Jangan fikirkan keuntungan semata-mata ataupun cadangan pemaju semata-mata tetapi perlu diambil kira aspek-aspek keselamatan, aspek-aspek masalah infrastruktur pada masa akan datang. Saya ambil contoh masalah yang timbul di Kampung Pendamar. Okay pada masa gudang ini dibina, aktivitinya pada masa itu ialah berasaskan kayu kayan dan dia menggunakan sungai Kampung Pendamar itu untuk mengangkut hasil kayu kayan itu ataupun orang kata untuk digunakan sebagai laluan logistik tetapi apabila perniagaan kayu kayan itu sudah tidak boleh mendatangkan keuntungan maka ditukar kepada aktiviti yang lain iaitu menjadi gudang tempat menyimpan baja-baja dan sekarang ini kesan kepada penduduk di sekeliling, ada sekolah agama di situ, ada masjid di situ, ada perumahan kampung di situ dan kesan sekeliling di situ adalah ada kacau ganggu di mana habuk-habuk baja ini berterbangan di kawasan satu kampung dan sudah beberapa kali dilaporkan di dalam TV3 tetapi sehingga sekarang pun masih tiada tindakan dan sekarang ini apabila hendak memasukkan barang-barang seperti baja ini ke dalam gudang tersebut menggunakan lori-lori kontena. Lori-lori kontena ini melalui jalan-jalan yang berdekatan dengan taman perumahan dan juga jalan kampung di situ dan akhirnya ada masalah lain pula yang timbul seperti jalan-jalan rosak dan kita pula hendak membaiki jalan-jalan tersebut. Bila ada gudang kat situ ada pula lagi tanah lapang dibelah itu dan sekarang sudah pula jadi depo lori kontena. Jadi sampai bila isu ini nak selesai, kita bincanglah panjang lebar dalam dewan ini tetapi kalau tiada dasar yang jelas, sebab apabila saya berbincang dengan pihak Jabatan Perancang di Majlis Perbandaran Klang alasan yang diberikan adalah tanah tersebut boleh dibuat sebab zonnya memang ada, dibenarkan. Jadi mereka memang ada hak pun hendak membina atau pun memajukan kawasan tersebut. Sebab itu perlu dikaji semula zon-zon kawasan-kawasan yang sesuai untuk dibuat industri, yang sesuai untuk dibuat gudang...

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Ya.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat, apakah cadangan Yang Berhormat nak memindahkan semua gudang ini keluar ? Nak Kerajaan bayar pampasan untuk mengambil alih tanah? Apa sebenar yang diminta?

**Y.B. TUAN TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Kalau kita hendak menyelesaikan perkara yang sedia ada ini memang sedikit sukar sebab ianya melibatkan kos, melibatkan undang-undang dan banyak perkara, cuma saya nak pada masa yang akan datang. Saya ambil contoh, saya ambil contoh perancangan yang baru, saya ambil contoh yang baru...

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH :** Yang Berhormat, bagi masa.

**Y.B. TUAN TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Saya ambil contoh yang baru. Ada cadangan juga membuat sebuah gudang di kawasan Kota Bayu Emas atas tanah komersial dan ia telah dibawa ke Majlis Perbandaran Klang dan ianya telah diluluskan secara dasar dengan syarat. Sekarang memanglah sebuah gudang yang besar untuk kenderaan atau pun kereta tetapi pada masa akan datang dan ia bersebelahan Kota Bayu Emas taman perumahan dan penduduk dah bantah pun tetapi apabila kita merujuk kepada pihak Jabatan Perancang ianya tanah komersial dan ianya dibenarkan sebab *zoningnya* betul tetapi adakah kita masih lagi hendak meneruskan dasar yang lama dengan hendak meletakkan tanah-tanah komersial ini bersebelah dengan tanah-tanah perumahan. Selagi dia ada spesifik kat situ tanah komersial selagi itu dia akan ada permohonan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Jadi Yang Berhormat apa cadangan sebab kita tahu tanah itu sudah *zoning* dia komersial, nak ambil balik tanah tersebut?

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Sekarang kalau kita hendak ambil balik tak mungkin lah, kalau saya cakap siapa nak ambil, siapa nak bayar, siapa nak keluar kos, cuma perancangan yang akan datang, perancangan yang akan datang. Kita perlu satu kawalan sebab saya bagi tahu pada dia orang kalau kata gudang kereta, saya dah *check car carrier* ataupun *treller* yang boleh mengangkut kereta untuk mengangkut lapan kereta dalam satu masa beratnya pun dah 30 tan ini akan melalui jalan taman tersebut. Jalan taman boleh kapasiti paling tinggi pun 10 tan jadi kalau diteruskan dasar ini maka sampai bila pun tak selesai dah sampai satu tahap kena ada kalau kawasan perumahan adalah kawasan perumahan, kalau kawasan industri ialah kawasan industri maknanya *zoning* ini yang nak kena ubah.

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH :** Yang Berhormat, minta mencelah.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Ya.

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH :** Saya amat tertarik dengan isu ini dan di kawasan saya, di kediaman saya sendiri turut berlaku kejadian seperti yang disuarakan oleh Pelabuhan Klang dan kita minta seperti yang Bukit Gasing nyatakan tadi apakah cadangan yang lebih khusus untuk Pelabuhan Klang selesaikan isu ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ini macam ulangan daripada Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Sebab itu saya bawa dalam dewan yang mulia ini sebab saya rasa dah sampai satu tahap apabila bincang dengan pihak PBT Pihak Berkuasa Tempatan ianya perlu ada dasar baru daripada Kerajaan Negeri untuk diberikan kepada semua PBT yang ada di dalam Negeri Selangor ini tentang kawasan-kawasan yang boleh dibangunkan industri dan kawasan yang hanya untuk taman perumahan dan kalau kata komersial itu jangan ambil atas dasar tanah komersial itu boleh suka-suka hendak bina komersial. Maknanya kalau komersial itu apa industri ringan, industri berat, rumah kedai, ianya ada banyak. So maknanya kalau atas kawasan taman perumahan ini cuma ada rumah kedai sahajalah, janganlah bila ambil nama komersial itu sudah boleh bina sampai gudang besar sekarang betul kereta tapi pada masa akan datang bila kereta dah tak laku, gudang tu dah sedia ada, dia akan isilah dengan aktiviti-aktiviti yang lain. Saya ambil contoh sekarang di Taman Teluk Gedung Indah, taman perumahan berkongsi jalan keluar masuk, sebelah itu ada pula Semi-D industri, sekarang ini dah ada pula depo kecil lori kontena kat situ bawah tangki air. Jadi saya rasa macam mana hendak kawal benda ini sebab kita yang membenarkan aktiviti ini secara tidak langsung berlaku. Jadi hendak kena ada satu garis panduan yang jelas diberikan kepada PBT kawasan-kawasan mana yang boleh diluluskan untuk aktiviti-aktiviti industri ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Satu minit Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Okay, jadi saya rasa cukup sampai di sini sahaja pun dah nak habis pun sebenarnya tapi tadi ada mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Habiskan sampai jam satu, ada seminit lagi. Silakan celah Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Mengikut *Planning Country Act 1976* memanglah adalah tanggungjawab PBT untuk buat rancangan tempatan, Yang Berhormat dulu pun Ahli Majlis Klang yang bertanggungjawab untuk membuat rancangan tempatan dan rancangan tempatan itu butirkan zoning tu apa? Kalau jenis

komersial jenis apa, Komersial Jenis1 hanya untuk *shoplots*, Komersial Jenis 2 hanya boleh gudang, Komersial Jenis 3 boleh restoran dan sebagainya, mungkinkah Yang Berhormat sudah berbincang dengan MPK tak?

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Saya suka soalan itu sebabnya memang kita ada buat rancangan tempatan sebab itu saya kata dia *zoning* perniagaan, *zoning* komersial tetapi aktiviti perniagaan itu yang perlu dikawal dah betul dah. Ya saya memang Ahli Majlis, memang dekat PBT memang kita tahu tetapi semasa kebenaran merancang dimasukkan pada masa itulah baru kita tengok dan pada masa itu dia gunakan kesempatan atas dasar nama perniagaan itu bina gudanglah, bina apa itu yang jadi tak betul.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat hendak sambung ke hendak tamatkan?

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Saya hendak tamatkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** *Okay* jadi saya harap sangat selepas ini macam yang ini jangan ambil kesempatan, satu ambil contoh lagi..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Satu contoh lagi Yang Berhormat? Tamatkan, tamatkan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Satu minit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Tak boleh Yang Berhormat. Tamatkan.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Tamatkan ya. Kebenaran merancang buat kerja tanah tapi tak buat kerja tanah ambil kesempatan atas kelulusan kebenaran merancang tapi digunakan untuk menimbus sampah-sampah ke tanah-tanah ini. Itu satu contoh lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Sekian, terima kasih.

**4 DISEMBER 2018 (SELASA)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang, dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)**

**(Dewan Disambung Semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Selamat petang Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Dewan bersambung semula. Silakan Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang Bandar Utama untuk turut membahaskan Usul Peruntukan Pembangunan 2019. Tuan Speaker, pada perbahasan kali ini saya cuma ingin fokuskan kepada seperkara kerana saya rasa perkara ini penting dan saya ingin menghabiskan masa untuk membahaskan isu ini iaitu di bawah tajuk VOT P01 Muka Surat 200 Kod Projek 150005 di bawah Projek Perumahan Rumah Selangorku. Saya difahamkan peruntukan Skim Ceria termasuk di bawah Kod Projek ini walaupun tiada perpecahan angka yang terperinci di dalam anggaran Belanjawan Negeri Selangor.

Jadi, pertama sekali saya ingin mengucapkan penghargaan saya kepada kerajaan negeri Selangor kerana di bawah Skim Ceria kali ini tiada lagi wujudnya perkongsian kos di antara kerajaan negeri dan penduduk kerana kerajaan negeri sudi menanggung keseluruhan kos kerana memahami kepayahan penduduk yang sukar membayar kos. Kerana kadang-kadang caj penyelenggaraan pun susah nak bayar apatah lagi dengan kos-kos tambahan. Oleh itu, sebenarnya kami amat menghargai Skim Ceria namun saya juga telah difahamkan peruntukan Skim Ceria juga sebenarnya telah dikurangkan. Jadi, mungkin boleh dibetulkan, saya sekiranya saya silap tetapi sekitar pada tahun 2017, skim ini mempunyai anggaran peruntukan sebanyak RM25 juta. Tahun 2018 RM13 juta tetapi tidak termasuk Skim Smartlife yang berjumlah RM12 juta dan Indah Smart Selangor yang berjumlah RM10 juta. Pada tahun 2019 hanya RM10 juta diperuntukkan dan ia termasuk segala peruntukan ataupun bantuan kebajikan yang ditawarkan oleh kerajaan negeri Selangor khususnya kepada pangsapuri kos rendah. Tetapi sehingga kini terdapat lebih 300 permohonan di bawah Skim Ceria termasuklah kerja sivil seperti mengecat, memperbaiki bumbung, memperbaiki tangki air dan sebagainya. Keduanya, penyelenggaraan lif dan yang ketiganya paling penting, pada saya lah migrasi meter pukal ke meter individu. Oleh itu, saya sebenarnya agak prihatin, adakah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10 juta ini mampu membantu kita sekiranya tidak menyelesaikan kos, pangsapuri kos rendah di Selangor tetapi sekurang-kurangnya kebanyakan masalah pangsapuri-pangsapuri yang memang sedang berhadapan dengan isu yang sangat serius tentang kebajikan dan persekitaran pangsapuri mereka. Jadi, saya rasa kita ni, dalam dewan yang mulia ini, kita pun semua faham, sepatutnya sebarang penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur adalah tanggungjawab pihak JMB, ini saya rasa tidak boleh dipertikaikan. Namun,

sekiranya kita tidak mempunyai cara, jalan penyelesaian untuk isu-isu pangsapuri kos rendah yang tertimbul ini, pada pendapat saya, akhirnya kerajaan negeri perlu menghabiskan lebih banyak peruntukan dalam menyelesaikan semua permasalahan ini. Sekiranya kita mengambil DUN Bandar Utama sebagai contoh, apabila salah satu pangsapuri kos rendah di bawah DUN Bandar Utama iaitu Pangsapuri Damai tidak mampu membayar bil air dan SYABAS mengambil keputusan untuk memotong air di pangsapuri tersebut, adakah kita benar-benar dapat ataupun mampu menutup mata dan tidak mengakui isu ini timbul? Kerana, adakah kita benar-benar mampu melihat ratusan keluarga yang tinggal di situ hidup tanpa air? Dan apakah tanggapan masyarakat terhadap kerajaan negeri Selangor terhadap insiden itu, walaupun kita semua mengakui itu sepatutnya tanggungjawab JMB. Memang JMB seharusnya menyelesaikan isu ataupun isu-isu seperti ini. Jadi, pada saya seharusnya kita mencari jalan penyelesaian secara serius untuk isu ini.

Saya sedar sebenarnya kerajaan negeri banyak membantu warganya yang berpendapatan rendah dengan menawarkan rumah mampu milik ataupun kos rendah yang sememangnya diperlukan lah. Untuk itu, saya memang ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana benar-benar berkhidmat untuk warga Selangor. Namun, di sini tertimbulnya juga satu isu. Selepas rumah-rumah ini disediakan tetapi sekiranya penduduk-penduduk di rumah ini tidak mampu ataupun enggan membayar kos penyelenggaraan. Apakah tindakan lanjut yang akan diambil oleh kerajaan negeri. Saya rasa ini satu isu yang perlu kita pertimbangkan kerana di bawah kerajaan negeri Selangor ini sebenarnya banyak rumah-rumah kos rendah ataupun pangsapuri kos rendah jadi adakah kita akan mencadangkan jalan kepada pihak berkaitan untuk memudahkan ataupun mempercepatkan pemprosesan kes tribunal ataupun adakah kuasa tambahan akan diberikan kepada pihak JMB iaitu mereka akan diberikan hak untuk memotong air penduduk sekiranya penduduk enggan membayar bil air pada mereka yang menggunakan meter pukal. Saya rasa segala isu-isu ini harus diperbincangkan dengan serius dan diperbincangkan dengan teliti kerana sekiranya kita tidak membincangkan isu ini, dan apa itu, peruntukan Skim Ceria ini juga dikurangkan pada masa yang sama, saya timbang selepas ini, kerajaan negeri Selangor akan menanggung kos yang lebih serius di kemudian hari apabila banyaknya pangsapuri-pangsapuri kos rendah tidak mampu membayar kos penyelenggaraan seperti ini dan apabila sekali gus pada satu masa nanti kita perlu menyelesaikan semua isu-isu ini. Seperti yang saya katakan tadi, sebab saya rasa kebanyakan isu ini tidak kiralah air, ataupun lif. Sekiranya lif di kawasan itu rosak, sebagai contoh, tapi bangunan di kawasan itu 10 tingkat takkan kita nak suruh nenek, atuk naik tangga? Jadi, saya harap sementara kita mencari jalan penyelesaian ini, saya harap peruntukan untuk skim seperti ini, pada masa hadapan, tidak akan dikurangkan. Supaya kita mempunyai peruntukan untuk menyelesaikan isu-isu yang serius ini. Kerana pada saya



sekiranya kita tidak mempunyai peruntukan untuk isu-isu ini, apakah yang akan terjadi sekiranya satu kawasan itu memang tidak mampu membayar bil air ataupun mereka tidak mempunyai inisiatif untuk menggalakkan mereka untuk membayar bil air. Dan selepas itu, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan negeri Selangor bila isu itu berlaku. Adakah kita memang boleh tidak memberikan bantuan apabila SYABAS memotong air dan adakah ini bermaksud hak asasi itu terhalang? Jadi, dengan ini, saya harapkan pendapat Bandar Utama akan dipertimbangkan dan saya akan mengakhiri perbahasan saya di sini. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberi ruang kepada Subang Jaya untuk membahaskan. Subang Jaya ingin membangkitkan empat isu daripada Belanjawan 2019. Pertama kali, adalah isu berkenaan air. Saya merujuk kepada Muka Surat 200 di PK16 Berkenaan Pembangunan Projek Bekalan Air Selangor. Saya prihatin bahawa peruntukan ini merupakan peruntukan yang paling besar, bawah Bajet Pembangunan bawah Pejabat Menteri dan Kerajaan Negeri. Saya percaya bahawa usaha ini adalah untuk meningkatkan margin rizab air di Selangor. Selain menumpukan perhatian kepada infrastruktur-infrastruktur utama iaitu di loji-loji air. Saya juga harap bahawa kerajaan Selangor akan juga memperhatikan dua lagi perkara. Yang pertama ialah masalah *non revenue water*, dengan izin. Di Selangor, masalah *non revenue water* ini boleh mencapai tahap 35%. Ini bermaksud, untuk setiap 100 liter air yang dihasilkan di loji rawatan air, hanya 65 liter sampai kepada pengguna akibat kebocoran paip, akibat pencurian air dan meter-meter yang rosak. Saya harap bahawa fokus akan diberikan kepada pembaikan yang sewajarnya, itu yang pertamanya.

Yang keduanya, kita juga ada masalah permintaan. Maksudnya, *demand* daripada pengguna-pengguna di Selangor. Di Selangor terdapat masalah pembaziran air yang amat-amat serius. Pengguna-pengguna kita menggunakan 231 liter setiap orang, setiap hari. Tetapi kalau kita bandingkan kepada standard antarabangsa iaitu statistik daripada *World Health Organization*, dengan izin, mereka hanya gunakan 160 liter, 165 liter setiap orang, setiap hari. Ini bermaksudnya, pengguna-pengguna Selangor menggunakan 40% air yang lebih daripada *counter part-counter part* kita di tahap antarabangsa. Dan bagi saya, kita juga kena tumpukan perhatian untuk membuat kempen-kempen kesedaran macam apa yang sedang dilakukan di United Kingdom di mana *teams water*, badan yang mengurus air di UK membuat kempen seperti mandi 4 minit. Dan ini berkesan sebab ia mengurangkan penggunaan air. Kalau kita dapat mengurangkan penggunaan air, margin rizab air ini juga akan ditingkatkan sebab ia ada hubungan. So, saya berharap selain daripada tumpuan kepada infrastruktur, kita juga

tumpukan kepada *soft development*, dengan izin. Itu berkenaan air. Yang kedua, saya merujuk kepada Muka Surat 197 bawah PK1 berkenaan *Smart Selangor Delivery Unit*. Saya ingin mencadangkan daripada Subang Jaya supaya *Smart Selangor Delivery Unit* mengkaji untuk membuat satu *app*, dengan izin, untuk memusatkan, *centralised* aduan-aduan daripada PBT. Di Subang Jaya ada masalah di mana pengadu-pengadu ingin mendapatkan maklum balas daripada mereka yang mengendalikan aduan mereka. Tetapi, maklum balas yang diterima mereka hanya maklum balas automatik iaitu e-mel menyatakan bahawa aduan anda sudah diterima dan didaftarkan sebagai nombor ini, ini macam. Tetapi, selepas itu, mereka tidak tahu apa yang berlaku kepada aduan mereka. Bagaimana ia diselesaikan? Dan kalau ia diselesaikan, apakah kualiti pembaikan tersebut ya? Saya rasa bahawa, sekarang memandangkan kerajaan negeri Selangor nak masuk terutamanya Industri 4.0 bahawa kita perlu melabur dalam aplikasi-aplikasi seperti ini supaya semua PBT boleh guna aplikasi yang sama sebab walaupun ada PBT-PBT yang mempunyai aplikasi, ia berselerak. Pembangunan aplikasi itu juga tidak sama. So, kalau kita boleh samakan pembangunan aplikasi, saya rasa semua warga Selangor dapat memanfaatkan daripada teknologi tersebut. Itu perkara kedua berkenaan *Smart Selangor Delivery Unit*.

Perkara ketiga, saya merujuk kepada Muka Surat 199 PK14 berkenaan Perpustakaan. Saya mengambil perhatian bahawa pelaburan untuk perpustakaan dilakukan, di kawasan desa tetapi saya juga berharap mungkin pada Belanjawan yang akan datang bahawa penumpuan juga boleh dibuat di kawasan bandar seperti Subang Jaya. Di Subang Jaya terdapat tumpuan penduduk yang padat dan terdapat memang permintaan untuk perpustakaan. Sekarang, apa yang penduduk-penduduk buat adalah untuk mendirikan perpustakaan di taman sendiri, di mana mereka akan derma buku dan membuka perpustakaan mungkin satu minggu setiap kali sahaja. Memandangkan terdapat permintaan dan memandangkan juga di Subang Jaya ada 27 sekolah dan tambah pula 4 universiti utama, 4 universiti swasta iaitu *INTI College*, *Sunway University*, *Monash University*, *SEGI College* dan juga *Taylor's College*. Maaf, 5. 5 Kolej dan universiti ya. Saya rasa satu perpustakaan awam memang boleh memanfaatkan warga-warga di Subang Jaya. Yang keempat, saya merujuk kepada Muka Surat 219 bawah PK1 berkenaan JKR tentang Pelbagai Rancangan. Saya telah memohon melalui Soalan Pertanyaan-Pertanyaan Bertulis, berkenaan *Subang-Kelana Link*. Difahamkan bahawa ia merupakan jalan Persekutuan dan tiada rancangan untuk menaik taraf jalan tersebut. Saya sedikit kecewa berkenaan jawapan ini sebab ini bukan soalan untuk menyelesaikan masalah tetapi soalan untuk rancangan masa panjang. Mengapa saya cakap macam itu sebab kalau sesiapa yang turun kepada Subang Jaya dan memerhatikan reka bentuk jalan Subang Kelana Link ini, sesiapa pun akan rasa bahawa reka bentuk jalan ini memang ada masalah sebab daripada satu lebuh raya ia masuk dan turun kepada jalan tempatan. Lepas itu terdapat satu *traffic*

*light* di mana mereka perlu menunggu untuk keluar kepada satu lebuhraya lagi. So, memandangkan kita perlu fikirkan *traffic* yang masuk daripada satu lebuhraya kepada satu lebuhraya yang tunggu di satu jalan tempatan dan ini akan membangkitkan masalah jangka masa panjang. Saya difahamkan juga terdapat usaha penguraian *traffic* oleh MPSJ dan itu telah meringankan sedikit beban. Tetapi jawapan daripada JKR bahawa isi padu *traffic* dalam keadaan biasa dan mencukupi, saya rasa tidak berapa betul sebab mengikut Jabatan Kejuruteraan di bawah MPSJ jalan tersebut Persiaran Kewajipan iaitu jalan tempatan hanya boleh menampung 2,000 kereta setiap jam tetapi sekarang *load* nya telah mendadak sehingga 4,000 kereta setiap jam. Maksudnya terdapat peningkatan 100% tanpa penguraian *traffic* oleh MPSJ. Masalah itu akan timbul tetapi *point* saya adalah bahawa bila kira membuat reka bentuk untuk apa-apa jalan kita perlu fikirkan jangka masa panjang. Kita perlu fikirkan *traffic* untuk masa jangka panjang kita bukan hanya bina jalan untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi sekarang. Sebab kalau kita selesaikan masalah tahun ini bila *traffic* tambah pada tahun depan ia akan timbulkan masalah sekali lagi. So, saya berharap bahawa sekarang mengikut JKR ia adalah mustahil untuk menaik taraf jalan Subang Kelana Link sebab terdapat kekangan dari rizab jalan kos pengambilan tanah yang amat tinggi dan lain-lain. Dan *point* saya adalah bahawa kalau kita rancangkan secara betul-betul dari mula lagi ia tidak akan menimbulkan masalah-masalah seperti ini di mana kita ada masalah rizab jalan masalah pengambilan tanah dan lain-lain sebab kita akan fikirkan masalah ini daripada mula-mula lagi. So, bagi saya memandangkan kita adalah kerajaan yang prihatin dan ingin memimpin negara Malaysia ke tahap yang lebih maju, kita maksudnya kita sebagai semua agensi ya, saya rasa perlu lebih proaktif daripada reaktif. Kita tak nak sahaja selesaikan masalah semata-mata. Tetapi kita mahu proaktif dari segi kita mahu fikir jangka masa panjang apakah tindakan pada hari ini yang kita perlu ambil untuk selesaikan masalah 20 tahun 10 tahun yang akan datang? Itu akan meringankan beban kami sekarang. Tetapi betullah kita perlu sebagai ADUN-ADUN sebagai Agensi-agensi perlu berkeras kerja sekarang dan saya percaya bahawa dengan daya usaha dan dengan fokus yang kita ada dalam kerajaan yang baru ini bahawa kita boleh mencapai impian tersebut. Itu sahaja daripada Subang Jaya Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Seri Setia dulu.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Timbalan Speaker. Saya ada beberapa perkara yang saya bawa petang ini. Yang pertamanya PK9 vot P01 muka surat 198 berkenaan dengan Kemudahan Asas PBT. Kita di negeri Selangor ni dah satu negeri yang maju tapi kita masih ada lagi yang mana kemudahan-kemudahan asas yang lama yang mana yang tidak diperbaharui walaupun kita dah maju nampak ke depan. Jadi saya mengharapkan sesuatu yang harus dibuat dalam vot ini memang ada

peruntukannya. Tetapi kalau boleh harus ditekankan perkara ini harus dibuat pembaharuan pada setiap PBT-PBT dalam negeri Selangor ini. PK3 vot P01 Usahawan. Berkenaan dengan usahawan. Saya terpanggil untuk menyentuh tentang usahawan ini. Cuma yang nak saya perkatakan pada petang ini adalah tentang usahawan-usahawan yang harus juga dilihat usahawan di dalam bandar. Kadang-kadang jangan kita terlalu lihat usahawan di luar bandar sebutannya usahawan di luar bandar tetapi kita harus ingat juga bahawa usahawan-usahawan di dalam bandar ini juga banyak. Contoh yang saya ambil kawasan di Seri Setia ini. Seri Setia merupakan kawasan di bawah kemiskinan bandar dan ada usahawa-usahawan yang berada dalam kawasan ini yang kadang-kadang mereka sendiri tak diberi pendedahan tentang usahawan-usahawan ini. Bila saya bertanya kepada mereka, mereka hanya berkata bahawa banyak program usahawan ini usahawan tumpuan pada luar bandar. Itu yang saya mengharapkan supaya usahawan-usahawan di dalam kawasan kemiskinan bandar ini juga harus diperhatikan dan diberi perhatian. Vot P01 muka surat 199 Perpustakaan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan negeri Selangor, kepada Perpustakaan Awam Selangor, kepada pihak MBPJ, Majlis Bandar Raya Petaling Jaya kerana telah mewujudkan satu Perpustakaan Komuniti di kawasan saya. Dan saya sarankan perpustakaan komuniti ini harus ada juga di kawasan masing-masing. Cuma saya nak minta satu penambahan. Saya nak minta satu Perpustakaan Komuniti diwujudkan di kawasan Lembah Subang. Kawasan Lembah Subang ini adalah kawasan yang kita tahu keadaannya yang daif, penduduknya ataupun anak-anak yang kadang-kadang terbiar. Terbiar daripada segi pembelajarannya. Keadaan sosialnya. Jadi saya mengharapkan satu perpustakaan harus wujud dalam kawasan-kawasan yang begini. Sebab kita bila ada perpustakaan ini saya ambil contoh perpustakaan yang telah dibuat di Kampung Lindungan ini memberi kesan yang cukup besar. Anak-anak kita pontengnya adalah ponteng di perpustakaan komuniti. Kadang-kadang bila mak bapak sendiri yang ada masalah tentang penghantaran anak atau masalah-masalah lain dia akan hantar anaknya ke Perpustakaan Komuniti. Jadi saya mengesyorkan supaya satu Perpustakaan Komuniti juga diwujudkan di kawasan Lembah Subang. Insyaallah dengan adanya perpustakaan komuniti ini masalah-masalah anak-anak, gejala-gejala yang sosial akan dapat dibendung.

Kemudiannya PK2 vot P01 muka surat 197 Projek Pembangunan Desa. Di kawasan Seri Setia ada satu kawasan kampung yang juga namanya Kampung Hamid Tuah. Sama juga dengan sahabat saya di Pelabuhan Kelang. Kawasan Kampung Hamid Tuah ini adalah kawasan yang di dalam yang dikategorikan di dalam bandar tetapi kawasan kampungnya nampak macam dipinggirkan. Kampungnya terletak di belakang Taman Mesra Batu 3 dan kita melalui kawasan itu yang dengan semak samunnya, keadaan longkangnya yang saya tengok tidak terurus. Penduduknya masih ada tetapi tanahnya itu besar mungkin antara satu rumah ke satu rumah ini agak jauh. Saya

mengharapkan supaya kampung ini Kampung Hamid Tuah Ini diberi perhatian juga daripada segi infrastrukturnya dan kemudahan-kemudahannya yang lain.

PK18 vot P101 muka surat 196. PK18 tentang Insentif Peduli Rakyat. Saya mungkin agak keliru kalau boleh perbetulkan tentang insentif peduli rakyat ini adakah program *back to school* pemberian beg percuma ini di dalam ini? Kalau kita lihat sebelum ini ada pemberian beg percuma yang kita beri kepada setiap adun-adun ada kuota-kuotanya. Tetapi kali ini tidak ada. Apakah memang tidak ada perancangan ataupun memang tidak ada pemberian beg percuma ini yang diberi pada setiap Adun-Adun untuk kita beri kepada penduduk kita. Mungkin tidak cukup memang betul mungkin ada kuota itu sedikit. Setidak-tidaknya dapat mengurangkan bebanan kita dan menambahkan lagi daripada jumlah yang kurang yang diberi oleh kerajaan negeri Selangor.

Dan PK Vot P13 muka surat 231, saya nak ucapkan terima kasih kepada pihak JPS kalau kita tengok dalam buku belanjawan ini dimasukkan tentang projek menaiktaraf ataupun yang melibatkan kawasan Taman Mesra. Banjir kawasan ini merupakan kawasan yang banjir yang dah lama. Saya kira kawasan ini adalah satu kawasan dalam bandar yang banjir. Cuma saya mengharapkan projek ini dapat dipercepatkan. Memang betul tahun depan tapi kalau boleh dipercepatkan projek ini sebab dah bertahun-tahun. Saya rasa Exco kita dari Pandan Indah pernah menjadi ahli majlis di situ. Dan beliau tahu masalah ini masalah dah lama ini. Bila hujan sahaja akan banjir. Banjir di dalam bandar dan dia melibatkan kawasan-kawasan yang lain. Saya mohon supaya dapat dipercepatkan projek ini dan memudahkan masalah mereka di situ. Itu sahaja Timbalan Speaker. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberikan ruang kepada Dusun Tua untuk berbahas. Saya hanya ingin menyentuh hanya beberapa perkara. Yang pertama sekali di bawah P1 kod projek PK7. Jika dilihat pada peruntukkan untuk generasi muda dan sukan hampir RM10.2juta diperuntukkan untuk hal-hal berkaitan dengan sukan tidak kiralah sama ada pembangunan ataupun infrastruktur. Namun hanya RM4.9juta diperuntukkan untuk pembangunan generasi muda secara keseluruhan. Saya percaya kerana ini kerana kita sering menyangka apabila kita salurkan peruntukkan kepada sukan maka secara automatik ianya juga adalah untuk generasi muda. Sedangkan saya yakin generasi muda pada hari ini mempunyai minat yang pelbagai dan kecenderungan yang pelbagai dan tidak kesemuanya tertumpu hanya pada sukan. Dengan itu sentiasa meletakkan sukan dan generasi muda dalam satu bakul yang sama adalah bagi saya perbuatan

yang ketinggalan zaman. Dan memerlukan satu reformasi supaya kita benar-benar memberikan tumpuan kepada pembangunan menyeluruh generasi muda. Saya berharap lebih peruntukkan dapat diberikan kepada pembangunan generasi muda dan seterusnya peruntukkan itu dapat disalurkan untuk program-program melibatkan kemahiran inovasi dan juga kesihatan. Bukan kesihatan orang lelaki sahaja ya untuk Ijok. Kesihatan untuk anak-anak muda bukan sahaja kesihatan fizikal dan seperti yang telah dibangkitkan oleh kawan-kawan yang lain juga kesihatan mental melibatkan generasi muda pada hari ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh PK dalam vot yang sama PK10 yang mana kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM3.5juta untuk promosi dan acara pelancongan. Apa yang saya lihat di Selangor kita mempunyai banyak tempat-tempat tumpuan pelancongan yang sebenarnya tidak kurang hebatnya kalau nak dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Tapi apa yang perlu dipertingkatkan sebenarnya adalah cara kita mempromosikan produk-produk pelancongan kita. Betul kita mempunyai papan-papan iklan besar milik Pihak Berkuasa Tempatan yang boleh kita gunakan. Namun papan sahaja tanpa penjenamaan yang berkualiti dan konsisten adalah sia-sia. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan negeri cuba membelanjakan peruntukkan promosi ini untuk terlebih dahulu mewujudkan satu penjenamaan yang menarik, segar dan kreatif. Pengalaman saya pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Teknikal Pelancongan di peringkat PBT melihat sendiri bagaimana kita kadangkala kurang memberi penekanan terhadap penjenamaan itu sendiri. Biasanya rekaan grafik dibuat ala kadar dan comot. Serta biasanya tiada konsep yang jelas. Seolah menjadi kebiasaan yang harus diterima, malah di kalangan kami yang biasa terlibat dalam industri rekaan dan sebagainya, kita selalu membuat jenaka di mana kalau sesuatu rekaan *design* atau sebagainya tidak berapa cantik kita namakan itu sebagai rekaan kerajaan. Jadi itulah jenaka di kalangan mereka penggiat-penggiat industri. Kerana ini kadangkala berlaku kerana kita lebih rela membiarkan sesiapa sahaja yang boleh mengguna alat-alat rekaan grafik meskipun lemah dalam kemahiran mencipta konsep rekaan untuk membuat rekaan berbanding betul-betul mengeluarkan sedikit belanja mencari pakar-pakar untuk membantu kita. Saya berharap ini tidak berlaku di peringkat negeri kerana saya yakin dengan peruntukkan yang sedia ada kita boleh menghasilkan penjenamaan yang baik. Sekiranya kita betul-betul memberikan tugas itu kepada yang benar-benar pakar.

Saya juga ingin menyentuh vot P01 lagi kod projek PK13 Penyelidikan Adat Melayu, Bahasa, Kesenian, Budaya Dan Warisan. Saya berminat sebenarnya untuk tahu perincian kepada kajian ataupun penyelidikan yang sedang dijalankan atau bakal dijalankan yang menerima peruntukkan ini. Saya percaya sebelum ini juga telah ada penyelidikan-penyelidikan dijalankan dan di nandai oleh peruntukkan daripada negeri.



Namun adalah rugi jika semua penyelidikan ini hanya tersimpan di menara-menara gading atau muzium-muzium sahaja. Saya ingin mencadangkan agar hasil-hasil penyelidikan ini diterbitkan sama ada dalam bentuk buku, dokumentari atau apa sahaja medium-medium baru supaya manfaatnya sampai kepada masyarakat kebanyakan. Lantas meningkatkan lagi penghayatan dan penghargaan terhadap adat Melayu seni budaya dan warisan Selangor. Maka harapnya tambahan peruntukkan di masa akan datang dapat membantu usaha memastikan hasil-hasil penyelidikan ini dapat dihayati masyarakat. Dan saya rasa juga perlu adanya satu kerjasama antara pihak-pihak yang bertanggungjawab dan Dun-Dun di Selangor untuk sama merencanakan projek-projek penghayatan adat Melayu seni budaya dan warisan.

Seterusnya masih lagi di P01 di mana kod projek PK16 projek penggantian paip air. Saya sedikit ralat apabila dilihat tiada peruntukkan untuk projek penggantian paip air bagi tahun 2019. Saya ingin membawa contoh dari kawasan saya sendiri di Hulu Langat. Sering kali berdepan dengan masalah tekanan air rendah dan apabila kita membuat aduan, kita meminta dinaikkan sedikit tekanan air dan sebagainya alasan yang biasa diberi yang lazim diberi adalah paip-paip di kawasan Hulu Langat ini adalah paip-paip lama. Jika dinaikkan tekanan airnya akan mengakibatkan paip pecah rosak dan sebagainya. Jadi tekanan air yang rendah ini biasanya mengganggu bekalan air terutamanya di kawasan-kawasan yang sedikit tinggi. Paip-paip yang sudah wujud berdekut lama ini sudah sepatutnya diganti dan dinaik taraf. Jadi saya mencadangkan agar paip-paip air yang berusia terlalu lama diberi perhatian sewajarnya oleh kerajaan negeri untuk penggantian. Bukan itu sahaja, malah kawasan-kawasan yang masih belum dapat bekalan air terawat sama ada kerana masih tiada paip atau yang lebih lucu paipnya dah ada tapi airnya tak ada. Harus juga ditangani segera. Saya juga harap kerajaan negeri dapat memberi perhatian terhadap perkara ini kerana dalam kita sering mengatakan Selangor negeri termaju, terhebat dan sebagainya, tanggungjawab kita dalam memastikan air terawat yang merupakan hak asasi rakyat benar-benar dapat dinikmati oleh rakyat. Di bawah Vot P12 pula, saya ingin menyentuh PK1 yang mana juga sedikit ralat kerana tiada peruntukkan untuk memasang lampu jalan. Sedangkan masih banyak terdapat kawasan-kawasan jalan negeri seliaan JKR yang tidak mempunyai lampu jalan memadai atau tiada lampu jalan langsung. Saya berikan contoh misalnya sekali lagi di kawasan saya jalan-jalan seperti Sungai Tekali dan yang paling mungkin ada yang pernah laluinya jalan menaiki Bukit Ampang dari Hulu Langat masih bergelap dan tidak berlampu. Dan ini membahayakan pengguna-pengguna jalan raya bukan sahaja pada waktu malam tetapi juga yang keluar pada awal pagi. Subuh-subuh gelap. Jadi saya berharap kerajaan negeri boleh mempertimbangkan peruntukkan untuk memasang lampu jalan kerana masih terdapat jalan-jalan negeri seliaan JKR yang memerlukan lampu jalan. Dan harus diingatkan juga kawasan Hulu Langat inilah kawasan mereka yang berbasikal. Jadi mereka yang berbasikal ini biasa

keluar pada awal pagi gelap-gelap berbasikal berjalan hingga ke Sungai Lui. Untuk perincian mungkin boleh tanya Seri Setia. Dia rajin berbasikal. Jadi ini juga berbahaya untuk penunggang-penunggang basikal sedangkan ini antara tarikan pelancongan yang utama di kawasan Hulu Langat itu. Dan bercakap soal lampu ini sebenarnya ada cerita yang agak sedih kerana pernah sekali di waktu malam saya menerima mesej *whats app* daripada Timbalan Menteri Wanita bekas speaker Mantan Speaker Yang Berhormat Hannah Yeoh dia bertanya kepada saya kenapa kawasan Hulu Langat ini kelihatannya seperti pedalaman Sarawak gayanya walaupun terletak di Selangor. Jadi beginilah keadaannya. Jangan kita bila mengatakan negeri kita maju kita sering memfokuskan kepada kawasan-kawasan bandar sedangkan banyak kawasan-kawasan pinggiran bandar kadang-kadang kelihatan macam kawasan pedalaman. Kerana kekurangan infra-infra asas macam lampu sahaja. Kita tak payah cerita lain lah lampu sahaja. Jadi ini adalah perkara-perkara yang saya harap mendapat perhatian daripada kerajaan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya rujuk kepada *Vot P* muka surat 200 *sorry* muka surat 198. Tahun 2020 adalah tahun melawat Selangor. Ada lebih kurang 13 bulan lagi. Kita adakah kita adakan kempen-kempen sempena... Kita minta kalau saya Sentosa minta mesti kita perlu adakan kempen-kempen untuk menjayakan tahun melawat Selangor terutamanya dari segi pembersihan. Banyak PBT-PBT tidak ada jentera-jentera khas untuk membantu untuk membersihkan keadaan. Walaupun kita ada KDEB yang tolong membantu memberikan ro-ro dan *garbage truck* dengan izin tetapi kita tidak ada. PBT tidak ada jentera-jentera macam apa ni *water jigger* dan juga mesin-mesin lain *like foresee road sweeper* dengan izin. Ini adalah satu kalau kita tengok negara-negara maju di *street* daerah-daerah kecil dibantu dengan mesin *like road sweeperr* dan sebagainya. Kita perlu mendapat bantuan daripada PBT ataupun kerajaan negeri perlu membantu PBT-PBT yang kurang berkemampuan supaya kita boleh terus maju dari segi pembersihan daerah-daerah, Dun-Dun masing-masing.

Yang kedua ialah berkenaan dengan muka surat rujuk kepada muka surat 222 PK404202 ini berkenaan dengan JKR. Memang saya sentiasa bercakap dengan Exco berkenaan dan beliau banyak membantu saya walaupun begitu adalah ada proses kerja yang mengambil masa misal kata di Rawang di B27 kontraktor telah dilantik dah lebih dari 3 tahun. Sampai hari ini kerja tidak dapat dijalankan kerana kontraktor sudah lari. Dan bila kita hubungi JKR mereka pula ada *problem* masing-masing di mana kontraktor tidak dapat dilantik kerana EOT telah diberikan dan sebagainya. Jalan dah rosak-rosak teruk tetapi kita tidak ada macam.. saya apa yang saya cadangkan ialah



Kalau boleh kita luluskan atau daripada belanjawan ini kita ada dana khas yang diberikan kepada Exco. Di mana bila Exco nampak kerja tu perlu diselesaikan dengan cepat kita perlu dapatkan kebenaran dan kelulusan untuk terus turap jalan itu. daripada menunggu kontraktor yang akan dilantik daripada SOP yang telah ditetapkan dan sebagainya. Memang saya faham tentang SOP dengan izin yang ada di peringkat daerah dan sebagainya.

Yang ketiga ialah berkenaan dengan VOT P12 pelbagai rancangan muka surat 219. Kerja-kerja bersangkut paut berkenaan dengan lampu jalan. Memang kawan-kawan saya Yang Berhormat telah membangkitkan tentang lampu jalan. Dan saya dalam minggu lalu pun dalam perbahasan saya telah beritahu bahawa kerja penyelenggaraan lampu perbaiki lampu dan sebagainya agensi yang terbaik ialah Tenaga Nasional kerana dia ada SOP dia dalam 24 jam dia akan selesaikan masalah lampu. Tetapi di peringkat PBT dan JKR memang saya tak nak bagi tahu tak nak beritahu bahawa mereka tidak ada *expertise* dia tetapi mereka perlu melantik kontraktor dan sebagainya. Kalau kita ada satu agensi seperti TNB yang boleh memperbaiki mereka ada semua *expertise* dia, jentera dia dan sebagainya, mengapa kita tidak boleh menggunakan kepakaran mereka?

Yang keempat ialah Vot P01 muka surat 200 PK 17 projek khas negeri. Di Dun Sentosa pengundinya adalah lebih kurang 50,444 dan di Taman Sentosa khususnya kita ada lebih kurang 20,000 dalam dari segi perumahannya dia banyak perumahan ada tetapi kita tidak ada satu dewan serba guna. Saya memohon kerajaan negeri untuk membantu membina satu dewan serba guna untuk kegunaan masyarakat setempat. Dan juga di Taman Sentosa ada satu pondok polis yang telah dibina dah beberapa tahun tetapi tidak diguna pakai. Bangunan itu nampak macam sudah dibakar dan tidak digunakan. Saya minta kalau boleh kita boleh memperbaharui ataupun mengguna pondok polis ini untuk kegunaan peronda-peronda yang harus turun masuk ke kawasan Taman Sentosa. Kalau boleh mereka boleh gunakan tempat tu untuk perondaan ataupun menempatkan satu unit di sana. Iaitu berkenaan dengan pondok polis.

Akhirnya usahawan. Memang kita tengok banyak program-program telah dilancarkan dan amat berjaya. Tahun ini saya tak nampak dalam buku belanjawan berkenaan dengan usahawan, dana untuk usahawan India di mana tahun lalu dengan usaha Dun, dana ini kita telah melatih golongan B40 kerana pendapatan satu pendapatan itu tidak mencukupi. Kita perlu tunjuk mereka cara-cara untuk berniaga supaya golongan B40 ini boleh mendapat pendapatan kedua dan seterusnya. So, itu jelah perbahasan saya. Saya harap negeri Selangor terus maju dan berharap agensi kerajaan dan PBT boleh akan boleh dan akan memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana memberi peluang untuk membahaskan belanjawan pembangunan negeri Selangor 2019 ini. Yang pertama saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kuang. Kuang ataupun dalam slogan yang terbarunya dipanggil Kuang Sejahtera. Kerana sewaktu saya mengambil ataupun menang di Kuang dulu. Dua bulan selepas saya menang, saya mengambil pendekatan untuk melancarkan program ataupun dipanggil *stakeholder*, dialog *stakeholder* ke arah Kuang Sejahtera. Maka kita telah melalui lebih daripada 19 dialog *stakeholder* daripada seluruh Kuang. Dan daripada input-input yang kita perolehi maka saya garapkan di dalam Dewan ini untuk perhatian kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat Exco. Ahli-Ahli Yang Berhormat Exco dan ada sebahagiannya mungkin akan melibatkan kementerian-kementerian di peringkat pusat. Pertama sekali adalah berkenaan saya merujuk berkenaan dengan peruntukkan yang telah diberi ataupun yang telah disebut di dalam belanjawan berkenaan dengan pengambilan alih tanah. Di dalam peruntukkan tersebut ia hanya menyebut satu jumlah sahaja. Namun Kuang ingin mengambil pendekatan agar sebahagian daripada peruntukkan itu dapat disalurkan untuk mengambil sebahagian daripada tanah di Lorong Melati bagi melebarkan jalan yang sedia ada sekarang. Di persimpangan tersebut sudah pihak JKR sedang melaksanakan pembaikan ataupun pembesaran jalan tetapi akhirnya besok ia tidak mencapai maklumat untuk menguraikan *traffic* yang semakin lama semakin bertambah di Lorong Melati dan juga di persimpangan tersebut. Oleh itu saya mohon pihak JKR Gombak terutamanya agar mengemukakan permohonan untuk mengambil alih ataupun membeli sebahagian daripada tanah tersebut untuk pembesaran Lorong Melati di Kuang.

Tuan Speaker,

Saya juga ingin menyebut bahawa Kuang ini untuk makluman semua Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Exco bahawa Kuang ini tidak mempunyai jalur lebar. Kampung-kampung tradisi masih jauh bukanlah jauh ketinggalan tetapi masih tidak mempunyai jalur lebar yang mampu memberikan perkhidmatan *Wi-Fi* dan sebagainya. Jika adapun hanyalah cukup untuk kita layari tetapi ia tidak boleh dikongsi bersama kerana *router* ataupun *device* yang ada dibekalkan oleh TM itu tidak mencukupi untuk kita layari bersama di dalam satu bangunan pun. Oleh itu saya ingin meminta supaya jalur lebar ataupun *fiber optic* ini dipasang ataupun dipasang di seluruh Kuang terutama di kawasan-kawasan perkampungan. Kita di Kuang ini ada lebih daripada 7 kampung dan kampung-kampung ini amat memerlukan *Wi-Fi* ini ataupun perkhidmatan *Wi-Fi* ataupun Internet di kawasan tersebut.

Berkenaan dengan untuk menaik taraf jalan-jalan kampung ini. Seperti yang telah saya sebutkan dalam perbahasan yang lalu adalah berkenaan dengan jalan-jalan kampung yang sedia ada di Kuang ini. Di kawasan-kawasan Kuang yang kita sedia maklum bahawa ia dibangunkan tanpa mengikut kemudahan ataupun kebenaran merancang mengikut peraturan yang sedia ada. Walaupun begitu, ia telah dibangunkan lebih awal daripada yang ada sekarang. Maka saya telah di dalam dialog tersebut, saya telah mengesyorkan supaya tuan-tuan tanah mengemukakan kemudahan kebenaran merancang di lot-lot mereka bagi memisahkan lot tersebut kepada geran-geran individu yang akhirnya akan menjadi mutlak kepada rumah-rumah yang ada berkenaan.

Berkenaan dengan Tasik Biru. Ini adalah satu kawasan pelancongan yang dulu pernah diadakan pertandingan jet ski di peringkat kebangsaan dan juga ada sebahagiannya di peringkat antarabangsa. Dan jet ski ini adalah (Tasik Biru) ini adalah *man made* (tasik buatan manusia). Tasik buatan manusia yang begitu dalam. Saya dimaklumkan begitu dalamlah. Tapi saya belumlah lagi menyelam. Kalau ada masa esok, ada cukup peralatan, kita pun nak ajak juga Templer menyelam bersama di Tasik Biru tersebut. Sama ada nak tengoklah siapa yang timbul dan siapa yang tenggelam. Jadi saya minta supaya Tasik Biru ini diberikan perhatian oleh Exco (YB Exco Pelancongan) supaya beberapa kemudahan diberi dan dinilai tambah untuk menarik lebih ramai lagi pelancong untuk hadir ke Kuang dan *especially* di Tasik Biru.

Di dalam dialog yang telah saya adakan di Kuang ini, kita telah mengesyorkan supaya tanah-tanah yang berkongsi geran ini diusahakan ataupun dimajukan dengan mengemukakan pelan pemecahan sempadan. Jadi yang bila saya sebut begitu, mungkin dia akan menyebabkan kos yang begitu tinggi kepada pemilik-pemilik di atas tanah tersebut. Mungkin dengan keprihatinan dalam perbelanjaan pembangunan kali ini, saya bermohon sedikit pelepasan daripada PBT ataupun sedikit pelepasan daripada Pejabat Daerah dan Tanah untuk memberikan ruang yang secukupnya bagi membenarkan kemudahan merancang itu dengan keadaan yang sedia ada tanpa memberikan syarat-syarat yang ketat seperti yang biasa kita lakukan di dalam sesuatu kawasan pembangunan.

Di kawasan Bandar Tasik Puteri adalah sebahagian daripada Kuang juga. Bandar Tasik Puteri ini dibangunkan satu bandar yang besar (yang agak besar), yang mempunyai kapasiti penduduk yang lebih daripada 70,000 orang setakat ini dan masih lagi banyak kawasan-kawasan yang akan dibangunkan pada akhirnya dan itu menyebabkan kesesakan sekolah berlaku di Bandar Tasik Puteri ini. Bandar Tasik Puteri ini (untuk makluman YB Speaker dan YB Exco) hanya ada mempunyai sekolah kebangsaan, dua sekolah rendah kebangsaan. Sekolah kebangsaan ada dua dan satu

sekolah menengah kebangsaan. Dan sekolah ini tidak dapat menampung penambahan penduduk dan juga pelajar pada tahun-tahun yang akan datang. Oleh itu, saya memohon supaya Bandar Tasik Puteri ini diberi keutamaan untuk diadakan ataupun dibina sebuah sekolah lagi. Sekolah menengah bagi menampung pelajar-pelajar yang makin bertambah.

Dan juga dari segi keselamatan, Bandar Tasik Puteri juga memerlukan balai polis kerana balai polis yang ada ini bukanlah standardnya balai polis tetapi ia hanyalah satu tempat ataupun apa ini sahaja untuk servis (untuk memberi perkhidmatan keselamatan dan sebagainya) di Bandar Tasik Puteri. Oleh itu, saya bermohon supaya satu lagi balai polis dibina untuk memastikan keselamatan penduduk kita di kawasan tersebut mendapat jaminan seterusnya.

Berkenaan dengan Bas Smart Selangor. Saya telah dimaklumkan oleh PBT ataupun Majlis Perbandaran Selayang bahawa Bas Smart Selangor ini telah diluluskan dan sekarang ini di peringkat tender. Saya pun tidak tahu bila tender itu akan dipanggil tapi saya berharap supaya Bas Smart Selangor ini dapat menjalankan perkhidmatannya selewat-lewatnya pada bulan ini ataupun awal bulan Januari 2019. Ini adalah kerana Bandar Tasik Puteri memerlukan Bas Smart Selangor ini. Kerana saya tahu betapa sukarnya penduduk di kawasan Bandar Tasik Puteri ini untuk menggunakan bas untuk pergi kerja pada awal pagi dan jika bas itu lewat datang pada waktunya, maka dia (penduduk ini) akan datang lewat juga ke tempat kerja dan akhirnya separuh daripada gaji mereka terpaksa dipotong. Dan kerana itulah, apabila saya buat *survey* terhadap laluan-laluan Smart Selangor ini baru saya tahu bahawa untuk mendapatkan bas ini mereka terpaksa berjalan sehingga 3 ataupun 4 kilometer jauhnya untuk mendapatkan satu stesen bas ataupun tempat bas yang berhenti itu. Kerana bas tersebut dia tidak berpusing di seluruh Bandar Tasik Puteri untuk mengambil penumpang. Tetapi hanya duduk di satu kawasan (duduk di satu tempat) dan situlah semua penumpang-penumpang akan mula datang untuk mendapatkan perkhidmatan bas yang ada sekarang.

Berkenaan dengan *reconstruction of taught* yang disebutkan di dalam pembentangan YAB Menteri Besar. Saya tertarik kerana *reconstruction of taught* ini merupakan satu perubahan terhadap beberapa perkara yang melibatkan pentadbiran. Pentadbiran ini harus dimulakan dengan (pembinaan semula ini harus bermula dengan) pentadbiran. Dan saya melihat bahawa Pejabat Daerah Gombak ini nampaknya sedikit sebanyak sudah mendahului dalam pembinaan semula dari segi pentadbirannya apabila saya melihat Ketua (Pegawai Daerah) mula menyusun pentadbiran mereka pentadbiran di Pejabat Daerah untuk memastikan servis ataupun perkhidmatan untuk diberikan kepada rakyat itu dapat diberikan dengan secukupnya. Dan saya melihat juga

bagaimana beliau mula menyelongkar fail-fail permohonan tanah yang sudah berkurun lamanya di dalam Pejabat Tanah yang tidak diambil tindakan. Saya lihat ada fail-fail yang berumur 10 ataupun 15 tahun daripada pengaduan yang saya terima, langsung tidak dijawab oleh Pejabat Tanah. Jadi kali ini, saya melihat ke depannya tindakan Pegawai Daerah dan Tanah Gombak ini memperlihatkan dan mula melakukan *reconstruction of taught* seperti yang disarankan oleh YAB Menteri Besar.

Saya ada sikit lagi Tuan Speaker,

Saya ingin menyentuh berkenaan Sabak Bernam. Kerana Sabak Bernam ini adalah sebahagian daripada datangnya saya. Datangnya saya ke Kuang berasal daripada Sabak Bernam. Maka Sabak Bernam ini saya nak sentuh sikit sebagai menyokong kawan kita daripada N02 ini iaitu Sabak dalam proses seterusnya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Tapi Sabak tak berucap lagi. Nak sokong macam mana?

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Tak apa. Saya sikit saja. Tak lama. Saya tak tahu dia nak cakap ke tidak hal ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ha ha ha. Baik.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Saya agak tidak bersetuju apabila YAB Menteri Besar menamakan Sabak ini ataupun daripada Kuala Selangor ke Sabak Bernam sebagai 'anjung utara' kerana ayat yang sebenarnya yang patut dibuat adalah 'gerbang utara'. Kerana apabila kita letak 'anjung', makna kita duduk sajalah di anjung (makan-makan angin). Tapi ia tidak menepati dengan kehendak orang Sabak Bernam khususnya. Mungkin Tuan Speaker tak ada di sini. Kalau dia ada, dia mungkin menyokong saya kerana dia adalah sebahagian daripada Sabak Bernam. Jadi kita harus melihat Sabak Bernam ini adalah sebagai satu anjung ataupun gerbang. Bukan anjung lagi. Gerbang. Gerbang utara yang akan memberi manfaat dan limpahan kepada keseluruhannya pada penduduk Sabak Bernam.

Saya maklum bahawa berlaku penghijrahan daripada penghijrahan keluar daripada Sabak Bernam berjumlah 15,000 pada tahun 2013. Dan tahun-tahun yang berikutnya, sudah tentu penghijrahan ini lebih bertambah. Dan saya harap sesuatu dapat dilakukan di Sabak Bernam ini terutama yang saya mencadangkan agar tanah-tanah estet yang sekarang ini dalam pajakan yang mungkin akan tamat tempoh dalam beberapa tahun lagi supaya tidak disambung semula. Ia harus diambil dan dilupuskan dan dikembalikan tanah tersebut kepada kerajaan negeri kerana mungkin daripada pemilikan tanah itu,

kerajaan negeri ataupun Pejabat Tanah ataupun Majlis Daerah Sabak Bernam dapat melakukan pembangunan untuk Sabak Bernam khasnya kerana di Sabak Bernam ini 95% tanahnya adalah milik pemilikan kekal ataupun pemilikan yang sedia ada. Tanah-tanah kerajaan saya rasa tidak cukup untuk membangunkan Sabak Bernam. Selain daripada apa yang telah dilakukan di Sungai Lang kerana di Sungai Lang ini pun dulu saya dengar nak buat pelabuhan maritim. Tetapi saya harap supaya pelabuhan maritim itu dapat dilakukan atau dibuat di Sungai Lang kerana di waktu kerajaan Barisan Nasional nak tumbang di Perak dulu dan seluruh Malaysia, memang ada perancangan yang tergesa-gesa saya nampak untuk membangunkan Sungai Rungkub sebagai satu lagi pelabuhan maritim yang ada di Perak.

Untuk makluman Tuan Speaker (Yang Berhormat),

Rungkub dan juga Sungai Lang ini tidak jauh kedudukannya. Dan saya percaya jika kita menggunakan segala aset ataupun kewangan (sumber kewangan) kita sendiri, kita mampu membangunkan sebuah lagi pelabuhan yang saya harap ia berada di Sungai Lang.

Berkenaan dengan penempatan penduduk ataupun penempatan bagan-bagan yang ada di pesisir pantai daripada Sekinchan hinggalah ke Bagan Parit Baru. Saya harap satu perubahan juga akan berlaku. Kita tidak mahu membangun, kita mahu melihat bahawa bagan-bagan tersebut dibangunkan dengan satu industri perikanan yang lebih tersusun dan lebih maju untuk mengeluarkan bahan-bahan dari perikanan untuk memacu ekonomi mereka sendiri di sana. Jadi itulah dua perkara.

Dan satu lagi saya ingin menambah berkenaan dengan kedudukan ataupun harga sawit yang begitu merudum sejak kebelakangan ini. Di antara (dengan) harga tawaran yang ada ini yang ditentukan oleh pasaran dunia, kebanyakan pekebun-pekebun kecil agak ketara keluhannya. Jadi untuk perkongsian itu, saya mohon supaya PKPS membina sebuah kilang penapis minyak sawit di Sungai Panjang ataupun sebagainya ataupun di tempat yang lain berhampiran untuk agar pekebun-pekebun kecil ini dapat menjual terus kepada kilang yang dibangunkan kemudian ini dan mereka daripada situ akan dapat *cost saving* sebanyak RM10 untuk satu meter (satu tan) dan akhirnya satu tan ataupun 8 tan satu hari sekurang-kurangnya mereka akan mendapat nilai tambah sebanyak RM80 daripada *transportation cost saving*.

Jadi itulah akhirnya. Dan berkenaan dengan pertanian. Saya cadangkan kepada Exco (YB Exco) supaya menggazetkan sepanjang-panjang jalan ataupun sepanjang-sepanjang *ban canal* di sebelah jajaran Hutan Simpan Sungai Panjang diberikan bukan pemilikan tetapi diberi kebenaran untuk dibangunkan untuk ditanamkan jagung dan

sebagainya. Kerana di sepanjang *ban canal* ini (lebih daripada 40 kilometer), jika ia terus dimanfaatkan ia akan menyumbang kepada industri jagung ternakan untuk ternakan. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Saya, Tuan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Terima kasih Timbalan Speaker. Kota Damansara ingin mengucapkan terima kasih kerana dengan izin membenarkan Kota Damansara dalam sesi perbahasan perbekalan pada petang ini.

Saya ingin mulakan tajuk di bawah tajuk P01-PK19 (pelbagai). Saya difahamkan bahawa di bawah PK ini melibatkan Institut Pemberdayaan Pekerja. Saya mengucapkan terima kasih kerana kerajaan negeri begitu prihatin akhirnya kita telah ada institut berkaitan dengan pekerja. Sebagaimana yang saya telah maklumkan sebelum ini bahawa beberapa akta perlu diikuti dalam mempromosikan institut ini. Antaranya Akta Kerja, Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan. Selain daripada itu juga, ada dua *ILO Convention 87/98* dan satu dokumen yang sangat-sangat penting untuk dipromosikan iaitu (dengan izin) *code of conduct of industrial harmony*. Saya bercakap ini berulang kali kerana perkara ini sangat penting Timbalan Speaker. Kerana rata-rata hari ini kita melihat ramai pekerja tidak tahu hak mereka. Contoh ya. Contoh. Satu orang dibuang kerja ataupun dipecat atau dianiaya tanpa pekerja tersebut mengetahui bahawa mereka ini mempunyai hak iaitu di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1997 iaitu di bawah Seksyen 20 "*pekerja berhak selama 60 hari berhak untuk mengadu pada pihak kerajaan supaya mereka di rein takes semula*" di bawah Seksyen 20. Perkara ini walaupun mudah, remeh tapi hak ini kalau tak digunakan oleh kaum pekerja maka mereka tidak ada lagi kata platform ataupun cara untuk mereka dibela. Dan ini adalah di bawah Peruntukan Akta Perhubungan Perusahaan 1997. Saya mengharapkan sangat dengan adanya institut ini bahawa akta tersebut dapat di promosi kepada seluruh kaum pekerja. Memang kita kata bahawa pekerja kerajaan di bawah takluk di bawah *general order*. Tetapi kita ramai pekerja swasta terikat dengan akta tersebut. Jadi kalau mereka ini tidak diperkenalkan dengan akta tersebut, akhirnya mereka ini akan dianiaya, keluarga mereka akan dianiaya dan sebagainya. Jadi Kota Damansara mengharapkan dengan adanya Institut Pemberdayaan Pekerja ini, maka perkara ini dapat dimaklumkan (dipromosikan) pada semua kaum pekerja terutamanya di kalangan pekerja swasta.

Tuan Timbalan Speaker,



Saya juga menyentuh hari itu tentang lambakan kaum pekerja. Lambakan kaum pekerja adalah merupakan isu nasional. Kita semua maklum Selangor mendahului dalam berbagai-bagai-bagai bidang (baik bidang industri, perkilangan dan sebagainya). Namun Kota Damansara mengharapkan sangat supaya kerajaan negeri mendahului dalam usaha memperjuangkan hak pekerja. Kita mungkin kata program tivet RI4.0 kita kata bidang industri yang mahir. Sebagaimana saya sebutkan sebelum ini, kita ramai pekerja-pekerja asing bukanlah tenaga mahir pun. Bukanlah kita katakan dalam kata orang kategori *dangerous, dirty and difficult* (dengan izin). Mereka ini bekerja kata orang di stesen minyak, depan kaunter, di restoran dan bidang-bidang kerja ini tidak sepatutnya kita benarkan di negeri Selangor ini. Kita perlu kurangkan. Kita perlu kurangkan pekerja asing di negeri Selangor. Kita perlu ada usahakan untuk memastikan mereka ini terutamanya di negeri Selangor, kita mendahului negeri-negeri lain dalam usaha untuk mengurangkan pekerja asing. Jadi saya mengharapkan institut tersebut akan memberi cadangan walaupun kita tahu bahawa bidang kuasa kerja ini (kuasa hak kerja ini) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Tetapi saya mengharapkan supaya kerajaan negeri Selangor mendahului negeri-negeri lain dalam usaha mengurangkan pekerja asing di samping mempromosikan akta-akta yang telah saya sebutkan tadi *ILO Convention* dan juga dokumen *code of conduct of industrial harmony* (dengan izin). Peruntukan RM1juta untuk institut-institut tersebut. Saya mengharapkan supaya lebih peruntukan diberikan daripada RM1juta itu, tambahkan peruntukan walaupun kita tahu kita adalah permulaan tetapi golongan kaum pekerja sangat penting kerana mereka inilah tulang belakang membina ekonomi negara khususnya di negeri Selangor. Saya mengharapkan supaya peruntukan itu dapat ditambah supaya kita boleh melibatkan terutama ketua-ketua ataupun kesatuan-kesatuan ketua-ketua *union* dapat dilibatkan dalam dengan institusi tersebut. Dua perkara itu yang saya harap dapat diambil berat oleh kerajaan negeri dalam hal peruntukan tersebut.

Perkara seterusnya Timbalan Speaker,

Saya pergi kepada vot P12-PK2. Kita telah bercakap pasal banjir dan saya pun dah maklum. Ini membina jambatan dan jejantas ini. Kita ada RM9juta diperuntukkan. Saya pun kurang arif bagaimana peruntukan ini akan digunakan. Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan sekali lagi bahawa masalah banjir di Kampung Melayu Subang melibatkan pembinaan jambatan di Kampung Pekan Subang yang menghubungkan Pekan Subang dan juga Subang Perdana. Saya mengharapkan supaya peruntukan yang ada itu dapat dipertimbangkan dan diberi keutamaan kepada jambatan tersebut supaya penyelesaian jangka panjang masalah banjir Kampung Melayu Subang dapat diselesaikan.

Seterusnya kepada saya rujuk kepada P (di bawah vot P12-PK3 iaitu membina jalan). Kampung Melayu Subang adalah kampung yang lama, jalan dia pun yang dah lamalah tak ditukar, tak digantikan beberapa jalan yang telah pun saya sebutkan terutama Jalan Bukit Badak, Jalan Jati dan ada juga nama dia Jalan PKNS pun (nama dia PKNS) tetapi tidak di selenggara (tidak dibaiki) ataupun tidak dinaikkan taraf. Ada juga satu jalan (itu saya melibatkan sebut itu Jalan Bukit Badak). Jalan Bukit Badak ini dulu dah dibaiki, dah dinaikkan taraf namun di tengah-tengah jalan itu ada juga tiang elektrik. Jadi saya mengharapkan dengan adanya tiang elektrik di tengah jalan itu memberi kesukaran kepada kenderaan-kenderaan untuk jalan dengan lancar dan sebagainya. Saya mengharapkan di bawah peruntukan ini supaya Jalan Bukit Badak terutama di kawasan Taman Subang Baru dapat dinaiktarafkan supaya tiang elektrik di tengah-tengah jalan itu dapat diubah dan akan beri keselesaan kepada penduduk-penduduk Kampung Melayu Subang dan Taman Subang Baru.

Selain daripada itu, kita tahu kawasan Kota Damansara merupakan kawasan pertengahan yang menghubungkan di kawasan untuk Kuala Lumpur dan juga Paya Jaras. Kita tahu kesesakan lalu lintas kerap berlaku kerana mereka ini merupakan jalan pintas untuk mereka-mereka bergerak daripada (terutama daripada) Paya Jaras, Kuala Selangor, mereka akan melalui Kota Damansara dan akan melalui salah satu jalan yang dipanggil Jalan Persiaran Cakerawala.

Timbalan Speaker,

Persiaran Cakerawala ini jalan dia memang dah dua lorong. Kesesakan lalu lintas kerap berlaku tetapi sebelah itu memang kosong. Maknanya kita boleh lebarkan lagi jalan itu. *Insyallah*. Sebab kalau kita lebarkan daripada dua kepada empat, masalah itu tak boleh (boleh) selesaikanlah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya rasa itu bukan daripada Paya Jaras ke Kota Damansara. Itu daripada Kota Damansara

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Paya Jaras ke Kuala Lumpur.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Itu daripada Kota Damansara ke Paya Jaras.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Dua-dualah. Dua-dua.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Hahahahaha

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Dua-dua. Tapi Persiaran Cakerawala itu perlu dinaikkan taraf dan daripada dua kepada empat ya.

Saya ingin menyentuh lagi satu berkenaan dengan P14-PK1. Ini tanah ini memang dikhususkan untuk buat sekolah rendah agama iaitu di Persiaran Fajar. Dulu pun dah ada dia punya *sign board*, pun dah dirasmikan tapi sampai sekarang tak nampak lagi apa pun tak nampak selain daripada semak samun. Jadi tapak itu di Persiaran Fajar diharap di bawah PK1 keutamaan dapat diberikan kepada sekolah rendah agama di Subang Bestari. Juga di bawah PK3. Kita semua maklum supaya adanya peruntukan dua masjid yang dijanjikan oleh kerajaan negeri iaitu di Kota Damansara (satu di Subang Bestari, satu lagi di Kota Damansara) dapat diutamakan masjid tersebut.

Seterusnya di bawah P16-PK1 (rancangan pembangunan). Saya dah sebutkan sebelum ini iaitu menaikkan taraf dewan yang dah lama iaitu di Dewan Kampung Melayu Subang Tambahan. Sekian, perbincangan saya. Terima kasih. Assalamualaikum W.B.T.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI** : Satu dua ekor kucing berlari, terima kasih Tuan Speaker atas peluang membahas hari ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Macam tak kena saja pantun itu. Hahahahaha.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI** : Saya merujuk kepada muka surat 197 (vot T01 di bawah Pejabat Menteri Besar dan kod projek ialah 01003 berkenaan dengan *Smart Selangor Delivery Unit*). Saya ingin bertanya kepada kerajaan negeri, apakah projek yang dirancang di bawah pembangunan ekonomi yang akan dibawa oleh SSDU? Saya di sini (Kampung Tunku) menyokong baik usaha SSDU, tapi saya juga ingin menyebut dalam ucapan bahas belanjawan saya pada hari itu. Saya rasa hala tuju Smart Selangor berlandaskan *Blue Print* Smart Selangor yang diterbitkan pada tahun 2016 perlu diteliti semula dari segi ekonomi. Misalnya Smart Selangor Fasa Dot Com yang membenarkan orang ramai membeli barangan segar secara dalam talian macam tidak kenampakan *value add* (dengan izin) kepada hala tuju Smart Selangor. Jadi saya berharap kerajaan negeri dapat mempertimbangkan semula dan menjalankan projek pembangunan yang bermanfaat dan juga mempunyai KPI yang boleh kita tunjukkan dengan jelas kepada rakyat.

Seterusnya, saya merujuk kepada muka surat 199 ke PK13-13004 (Penyelidikan Adat Melayu, Bahasa, Kesenian, Budaya dan Warisan). Sebab itu saya berpantun tadi. Saya berharap kerajaan negeri dalam usaha ini akan mempertimbangkan supaya berkongsi hasil penyelidikan dengan Adun-Adun kawasan berkenaan. Misalnya YB Hulu Kelang cukup prihatin dengan topik ini. Dan saya ingin mencadangkan agar kerja-kerja penyelidikan ini jangan lupa kawasan Petaling Jaya di mana DUN Kampung Tunku juga terletak. Misalnya di DUN Kampung Tunku, Allahyarham Usman Awang pernah menetap di situ, anak-anaknya masih memiliki rumah di situ yang pernah dilawat oleh pemimpin-pemimpin seperti Dato' Seri Anuar Ibrahim. Di DUN Kg Tunku juga terdapat Kg Baru Cina Sg Way yang mempunyai sebuah masjid yang kira-kira usianya 60 tahun dan juga sekolah Kebangsaan Kg Tunku di rasmikan oleh tidak lain selain bapa kemerdekaan kami Allahyarham Tengku Abdul Rahman dan juga mempunyai kumpulan tarian iaitu bernama Pawana Tari yang mereka menari joget, tarian tradisional Jawa dan menyertai pertandingan di Perancis dan mendapat medal. So saya kira penting untuk kerja-kerja penyelidikan ini, mengambil kira juga kawasan bandar dan kita dapat menonjolkan *living heritage* dengan izin. Ini juga kan mewujudkan satu sinergi antara hasil penyelidikan dengan usaha-usaha pelancongan supaya kita boleh tunjukkan tonjolan negeri Selangor yang unik.

Perkara ketiga saya ingin merujuk kepada muka surat 202 PK – 18 Kod Projek 18005 Mengenai Kesedaran Kenegaraan. Kg Tunku menyambut baik usaha ini namun Kg Tunku mempunyai soalan berkenaan inisiatif peduli rakyat ini iaitu siapakah yang akan menjadi perancang dan pengendali inisiatif kesedaran kenegaraan ini. Adakah ia akan dilakukan *in house* dengan izin atau *out house* dengan izin. Apakah projek yang akan dilakukan dan unsur-unsur di dalamnya dan adakah Kerajaan Negeri akan menjalankan usaha bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan pengumuman Menteri Pendidikan pada hari ini tentang *civic education* dengan izin. Dan perkara ke empat dan terakhir saya ingin merujuk kepada muka surat 255 Vot P16 di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Kod projeknya PK 2 Perancangan Dasar 02001 Kawasan Sensitif Alam Sekitar. Kg Tunku hairan kenapa tiada peruntukan pembangunan untuk rancangan dasar berkenaan dengan kawasan sensitif alam sekitar. Saya berpendapat bahawa kelestarian alam sekitar kita tidak patut lihat sahaja kepada pewartaan hutan kita perlu mempertimbangkan dari segi perancangan bandar dan desa. Dan melihat kepada perubahan pola cuaca atau *global warming* dengan izin hari ini mungkin kita perlu mengkaji semula kawasan sensitif alam sekitar. Mungkin perlu menambah yang baru, jadi saya harap mungkin ada peruntukan untuk tujuan ini. Sekian sahaja perbincangan saya pada hari ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Melawati

**Y.B. PUAN JUWARIYA BINTI ZULKIFLI** : Terima kasih Tuan Speaker, di atas ruang yang diberikan untuk membahaskan usul bajet peruntukan pembangunan 2019. Saya merujuk kepada muka surat 198 Vot 4 P01 Kod Projek PK 7 Generasi Muda dan Sukan 07002 Menaik taraf Infrastruktur Sukan berjumlah 3.24 juta. Saya ingin membangkitkan keperluan yang wajar diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri kepada usaha menangani permasalahan sosial akibat gejala lumba haram dan rempit dengan membangunkan sukan pemotoran khususnya di kawasan luar bandar. Kita mengambil maklum perancangan Kerajaan Negeri untuk membina litar lumba di kawasan Sungai Tua, namun untuk makluman Ahli Dewan sekalian, daerah Kuala Selangor mempunyai sebuah litar pemotoran yang dikenali sebagai Litar Lumba Rakyat di kompleks Majlis Daerah Kuala Selangor sejak tahun 2006 lagi. Litar Lumba Rakyat ini merupakan sebuah platform kepada Sukan Pemotoran Amatur yang telah melahirkan ramai juara anak muda lumba basikal lumba motosikal maaf. Seperti Mohd Sariffudin Azman 17 tahun dari Puchong juara keseluruhan One Make Race Yamaha Petronas Malaysian Cup Prix 2016 dan juga juara keseluruhan KBS Petronas Malaysia Cup Prix 2018. Mohd Akid Aziz dari Gombak, juara keseluruhan CP115 Petronas Malaysian Cup Prix 2016 dan juara keseluruhan under bond 150cc Asean Road Racing 2017. Mohd Husama bin Nazam 16 tahun dari Kapar juara keseluruhan One Make Yamaha Petronas Malaysian Cup Prix 2017. Mohd Zaki Ahmad 16 tahun dari Meru. Mohd Akiq Jumali 27 tahun dari Kapar dan Mohd Aiman Tahiruddin 18 tahun. Mereka ini semua dan ramai lagi anak muda yang telah menjadi juara podium arena sukan pemotoran telah berjaya dilahirkan daripada Litar Lumba Rakyat Kuala Selangor. Selain melahirkan lebih ramai usahawan anak muda dalam bidang pemotoran, oleh yang demikian saya mohon agar pihak Kerajaan Negeri dapat melihat pembangunan sukan pemotoran ini dengan lebih serius kerana ini sebenarnya membantu Kerajaan Negeri dalam membangunkan potensi anak muda dan memajukan industri sukan pemotoran negara selain aspek pencegahan gejala lumba haram di jalan raya. Justeru ada lah wajar untuk pihak Kerajaan Negeri untuk menyediakan sebahagian peruntukan bagi menaik taraf kemudahan dan prasarana serta aspek keselamatan di litar lumba rakyat Kuala Selangor supaya menepati piawaian yang ditetapkan oleh Persatuan Automobil Malaysia AAM demi kelangsungan agenda merakyatkan sukan pemotoran tempatan dan membangun potensi anak muda. Seterusnya Tuan Speaker muka surat 199 Kod Projek PK 14 Perpustakaan 14004 Menaik taraf Perpustakaan Desa dengan peruntukan RM 1 juta. Saya berharap peruntukan dapat disalurkan bagi menaik taraf perpustakaan desa di Kampung Asam Jawa, di DUN Bukit Melawati yang telah amat uzur dan kurang ceria koleksi buku juga amat sedikit dan tidak pelbagai maka tidak dapat menarik minat anak-anak khususnya untuk meluangkan masa lapang untuk membaca serta menjalankan aktiviti berkaitan serta menjalankan kerana perpustakaan sewajarnya harus lebih kondusif dan selesa serta dilengkapi dengan kemudahan wifi agar dapat menarik pengunjug terutamanya pelajar dalam memupuk tabiat membaca

dalam kalangan masyarakat. Dan seterusnya saya merujuk kepada muka surat 232  
Vot P13 Jabatan Pengairan dan Saliran Kod Projek PK 1 Pembangunan Projek  
Tebatan Banjir 01403 Lembangan Sungai Selangor daerah Kuala Selangor. Tuan  
Speaker saya menyambut baik, peruntukan untuk Projek Tebatan Banjir sebanyak RM  
3 juta di Kampung Rantau Panjang di Daerah Kuala Selangor. Untuk makluman Ahli  
Dewan terdapat beberapa buah kampung berhampiran dengan Sungai Selangor di  
daerah Kuala Selangor, sering dilanda banjir akibat limpahan air Sungai Selangor  
terutamanya apabila berlaku hujan lebat dan air pasang antara kampung yang terlibat  
adalah Kampung Asahan, Kampung Tanjung Buah dan Kampung Tanjung Siam.  
Malah pada ketika ini juga Kampung Asahan Batu 8 sedang dilanda banjir yang telah  
menjejaskan hampir 20 rumah kediaman, apabila hujan lebat yang berlarutan selama  
beberapa hari kebelakangan ini, malah setiap kali musim tengkujuh setiap tahun.  
Selain daripada kelewatan projek naik taraf pam air di Kampung Asahan, yang  
sepatutnya siap pada Ogos 2018 kini dijangka siap pada Mac 2019. Saya difahamkan  
banjir di kawasan ini dikatakan turut berpunca daripada muara Sungai Selangor yang  
semakin cetek kerana banyak lumpur yang terkumpul dan menyebabkan aliran keluar  
air Sungai Selangor ke laut menjadi perlahan. Jadi belum atau belum pernah kerja-  
kerja pengorekan lumpur di dilaksanakan di kawasan tersebut sejak dari dahulu lagi.  
Oleh itu saya minta satu kajian dapat dibuat untuk mengkaji ke dalam muara Sungai  
Selangor dan satu peruntukan disediakan untuk tahun 2019 bagi kerja-kerja  
pengorekan lumpur muara Sungai Selangor ini sebagai salah satu langkah pencegahan  
banjir di kawasan daerah Kuala Selangor. Jadi setakat itu sahaja Tuan Speaker, itu  
sahaja. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Rawang

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT** : Terima kasih kepada Timbalan Tuan Speaker.  
So saya ingin menyentuh beberapa perkara yang pertama adalah merujuk kepada  
muka surat 198 P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri PK 7  
Generasi Muda dan Sukan. Projek Kod adalah 07002 Menaik taraf Infrastruktur Sukan  
yang berjumlah 3 juta 2 ratus 4 puluh ribu ringgit. So di sini nak menyentuh disebabkan  
sebelum ini memang ada banyak inisiatif daripada portfolio untuk perkampungan,  
empangan dan juga tradisi yang kita nampak sentiasa menaik taraf atas infrastruktur  
sukan, ada diadakan di kampung-kampung menyebabkan penduduk di taman-taman  
mereka kekurangan infrastruktur untuk bersukan dan di sini, saya nampak dia perkara  
dia butiran dia adalah menulis naik taraf infrastruktur sukan, saya mencadangkan selain  
menaik taraf sukan infrastruktur kita juga memerlukan untuk membangunkan yang  
infrastruktur yang baru kepada anak-anak muda. Dan kedua adalah yang jumlah 3  
ratus 3 milion 2 ratus 40 ribu ini saya rasanya perlu tambahan untuk kawasan-kawasan  
di taman tersebut supaya anak-anak muda mendapatkan satu tempat yang lebih baik  
untuk infrastruktur sukan. Yang kedua saya ingin menyentuh adalah muka surat 202



P01 PK 18 Inisiatif Peduli Rakyat Kod Projek adalah 18004 Skim Latihan Semula Pekerja. So dalam sidang dewan ini dah dengar banyak perkara berkenaan dengan IR 4.0 dan di sini nampak skim latihan semula pekerja ini walaupun ada butiran tersebut tiada bajet berkenaan tersebut dan saya nampak ada kepentingannya disebabkan di Selangor ini kita mengatakan Selangor Negeri yang maju dan kita memerlukan banyak *skill worker* untuk industri yang akan datang. Yang seterusnya adalah kod projek muka surat yang sama 18005 Kesedaran Kenegaraan. So saya diambil maklum memang dalam 10 IPR program IPR yang kita ketahui dan hanya Kesedaran Kenegaraan ini mungkin boleh dapatkan penjelasan daripada pihak Kerajaan apa program yang telah dijalankan untuk Kesedaran Kenegaraan ini, saya rasa ramai ADUN-ADUN di sini tidak dimaklumkan berkenaan tersebut atau yang ini adalah merupakan program yang baru. Seterusnya adalah berkenaan dengan infrastruktur yang tadi beberapa hari ini ada banyak menyebutkan muka surat 222 P12 Jabatan Kerja Raya PK 4 Kod Projek 04202 Menaik taraf B27 Jalan Rawang Batang ke Batang Berjuntai Fasa 2 dan dalam bajet ini menyebut seramai sebanyak 1 juta ringgit diperuntukkan tapi untuk projek ini seperti yang tadi ADUN Sentosa mengatakan yang jalan tersebut memang dijadikan satu isu yang besar disebabkan kawasan Bandar Country Home terdapat dua EXCO dua ADUN dan juga 1 setiausaha untuk Menteri duduk di kawasan tersebut, so memang jalan tersebut ramai orang dan ramai orang penting di kawasan tersebut. Cuma yang projek dimulakan pada 2013 sehingga kini projek ini tidak disiapkan lagi, so saya harap dapat tumpuan daripada pihak Kerajaan supaya isu dapat diselesaikan disebabkan sentiasa kita dapat dalam *facebook whatsapp* saya penuh dengan aduan yang sama. Dan seterusnya berkenaan B27 juga Kod Projek 04204 Menaik Taraf B27 Jalan Rawang ke Batang Berjuntai cuma yang ini adalah fasa 3 saya telah berbincang dengan pihak JKR so nampaknya yang keperluan untuk menaik taraf fasa 3 tersebut tidak mendesak kalau berbandingkan dengan *missing lane* yang sentiasa berlaku banjir. So saya berharap mungkin Kerajaan boleh meneliti atau memasukkan butiran tersebut yang bernama *missing link* dalam B27 dan berkenaan projek B27 salah satu sebab yang menyebabkan penangguhan selama panjang ini adalah berkenaan dengan kekurangan utiliti map yang sentiasa mereka membuat projek lepas buat korekan baru nampak ada utiliti so saya mungkin nak dapat pandangan daripada pihak Kerajaan adakah kita ada menyediakan satu utiliti map yang lengkap supaya pada masa depan di seluruh kawasan Selangor dapat menyelesaikan naik taraf projek dengan senang.

Yang akhirnya saya nak sentuh adalah berkenaan dengan muka surat 248, P.K 3 - Jabatan Agama Islam Selangor, P.14, kod projeknya adalah 03204 Masjid Taman Pelangi. Saya nampak memang ada perkara ini disebut dalam butiran cuma tiada bajet lagi yang diberikan so memohon penjelasan daripada pihak Kerajaan. Itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih.



**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Jeram. Silakan.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ada tiga perkara. Yang pertamanya berkenaan dengan P.K 3 iaitu Usahawan. Tempohari saya pernah cadangkan kepada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan pasar malam ataupun satu pasar untuk golongan belia di mana kita boleh ujudkan satu budaya perniagaan di kalangan golongan belia di seluruh Selangor. Maknanya

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dengan izin ya, dengan izin.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI** : sebab apa ada belia yang datang berjumpa dengan saya kata Y.B masa saya sekolah rendah sampai sekarang ni saya dah kahwin yang berniaga di pasar malam pakcik yang sama aje dia kata jadi bila kami nak ambil alih dia kata. Saya kata, peluang tu boleh kita adakan pada golongan belia dengan adanya EXCO keusahawanan kita in shaa Allah saya pasti boleh ada satu ruang kepada golongan belia di mana yang berniaga tu mungkin umur 30 tahun ke bawah. Maknanya di tapaknya mungkin tapak pasar malam tetapi waktu pasar malam yang tak ada lah maknanya golongan tua yang berniaga orang muda aje. Sama ada dia berniaga yang pastinya benda yang halal aje lah. Sama ada dia berniaga *online* ke ataupun berniaga makan ke apa ke. Janji ada ruang untuk mereka berniaga dan benda tu berlaku di seluruh Selangor (dengan izin). Jadi secara tidak langsung kita membawa budaya keusahawanan kepada mereka saya rasa untuk nak mencari peniaga tu agak senang dengan adanya Program Hijrah kita dah ada dia punya data untuk nak memberikan ruang dan peluang kepada golongan muda ini jadi itu pandangan saya harap dapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak Yang Berhormat EXCO.

Yang kedua, berkenaan dengan P.K 15 ataupun dia boleh juga dikaitkan dengan P.K 17 projek khas ataupun Perumahan Hartanah berkenaan dengan pembinaan surau. Tempohari sidang yang lepas saya pernah bangkitkan berkenaan tapak surau disediakan oleh pemaju tetapi suraunya tidak dibina. Saya juga mendapat jawapan daripada Yang Berhormat EXCO menyatakan pemaju menyatakan kita tidak tahu siapakah yang pembelinya. Betul juga, kita jangan terlalu mesra pemaju kita juga kena ambil kira mesra masyarakat. Di mana kita boleh buat klausa sekiranya pembeli lebih daripada 50% adalah Melayu beragama Islam maka kita boleh syaratkan pemaju wajib menyediakan surau. Pembinaan surau. Kalau tak ada Kerajaan Negeri perlu menambah projek khas iaitu terpaksa menggunakan duit Kerajaan Negeri untuk membina surau sebab di kawasan saya banyak perumahan sedang giat membangun. Pemaju-pemaju hanya menyediakan tapak surau. Ada juga yang sedang menunaikan solat dalam kontena sebab mereka tidak ada kemudahan yang lengkap jadi itu cuma cadangan daripada saya untuk Pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan dan mengenakan syarat itu supaya pemaju dapat menyediakan tapak surau.

Yang ketiga berkenaan dengan P.K 19 dia am. Kalau tengok ada pecahan dia lebih kepada tanah. Mengambil alih tanah dan sebagainya. Untuk makluman Timbalan Speaker dan Yang Berhormat banyak isu-isu berkenaan dengan tanah lot ataupun tanah Kerajaan Negeri di kawasan saya ada tiga tempat ada perebutan tanah. Dua datangnya daripada Ijok, Kg. Seri Aman, Kg. Seri Sentosa dan Felda Bukit Cherakah. Jadi kita sedia maklum seperti mana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menyatakan penambahan hasil pendapatan kita melalui tanah. Jadi disebabkan perkara itu minta jasa baik Pihak Kerajaan Negeri, Pejabat Tanah dan juga PTG tolong minta pendapat daripada ADUN sebab apa ada tiga hingga 5 kumpulan dalam satu-satu kawasan di mana mereka mengakui mereka adalah persatuan-persatuan yang telah dipilih oleh kampung-kampung. Jadi apabila kita menyokong satu-satu persatuan penduduk kampung itu, persatuan lain pula menyatakan kita ni ambil rasuah, kita telah dibeli dan kita ada kepentingan dan sebagainya.

Jadi bendanya menjadi tohmahan, buat bantahan, naikkan banner macam-macam sedang berlaku di kampung-kampung yang ada tanah. Jadi saya dengan rendah diri minta jasa baik daripada Kerajaan Negeri dan juga Pejabat Daerah, begitu juga PTG minta tolong pertimbangkan sekiranya ada surat sokongan daripada ADUN Kawasan begitu juga sekiranya ADUN Kawasan menyatakan tidak menyokong kerana alasan-alasan tertentu minta juga di KIV kan tidak diberikan kerana sekiranya diberikan yang akan menjadi masalah itu yang akan memikul bebannya ialah ADUN Kawasan itu mungkin Pihak Kerajaan Negeri setelah luluskan akan dapat hasilnya tetapi yang menunggunya bala kepada ADUN Kawasan. Jadi saya minta sangat-sangatlah di dalam Dewan yang mulia ini minta beri ruang dan peluang kepada ADUN Kawasan untuk menyokong ataupun tidak dalam isu-isu tanah di kawasan tersebut. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik, ya Sabak.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Pada dasarnya saya tidak berniat untuk berbahas tentang Belanjawan Pembangunan 2019 tetapi apabila Kuang menyebut tentang Sabak jadi saya tercabar seolah ADUN Sabak tidur. (Ketawa). Saya bersetuju dengan pandangan daripada Kuang supaya Anjung Utara itu ditukar kepada Gerbang Utara tapi dengan syarat ada pintu gerbang masuk di antara Perak dengan Sabak Bernam iaitu di seberang jambatan Sabak kalau itu boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri maka saya setuju Anjung Utara itu ditukar kepada Gerbang Utara.

Yang Berhormat Timbalan Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sabak anak yang baik mereka tahu ayahnya kekurangan kewangan dan juga sedang berusaha untuk memantapkan pentadbiran negeri. Sabak cuma ingin memberitahu bahawa industri sawit, kelapa dan padi sudah hampir runtuh di Sabak Bernam jadi saya

bersetuju sangat kalau Anjung Utara ini sama gugusannya daripada Kuala Selangor dijadikan sebagai kawasan pelancongan. Saya nak menyebut tentang P.13 Pengairan dan Saliran di belakang Pekan Sabak Bernam itu sungai yang indah di situ sudah ada jeti, sudah ada Istana Raja Sehari iaitu Laman Perkahwinan. Sudah ada pejabat pelancongan DUN Sabak, sudah ada Rumah Warisan, sudah ada Muzium Pertanian dan Perikanan. Ada juga rumah rehat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Ada juga resort tetapi malang begitu banyak kemudahan tapi tak ada pelancong yang datang dan semasa kunjungan Menteri Besar dan EXCO ke Sabak Bernam. EXCO Pelancongan saya tunggu untuk hadir ke kawasan itu. Tunggu punya tunggu EXCO Pelancongan tak datang kerana ada urusan yang lebih penting (ketawa) jadi saya harap dapat diulangi oleh EXCO Pelancongan untuk datang ke kawasan sungai di belakang Pekan Sabak Bernam itu kerana potensinya sangat baik untuk menarik pelancong datang ke Sabak Bernam. Subang Har Resort yang telah hancur kerana pengurusan yang lemah saya harap supaya dapat segera diperbaiki kerana Har Resort itu menjadi tumpuan kepada pelancong untuk menginap di Sabak Bernam.

Yang Kedua, saya juga rasa sedih kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam kunjungan ke Sabak Bernam hendak melihat Projek Rumah Selangorku di Air Manis tetapi malang sekali lagi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga ada hal yang lebih penting tidak dapat ke kawasan yang hendak dilawati jadi saya minta supaya Projek Rumah Selangorku di Air Manis yang saya sebutkan dahulu, pecah tanahnya 2008, tambak tanahnya 2013, rumah contohnya 2018 dan rakyat menyatakan bahawa Pilihan raya yang ke lima belas baru lah projek ini akan dilaksanakan. Saya rasa anggapan ini (ketawa) dapat dinafikan dan ia akan dapat dilaksanakan segera.

Yang ketiga saya nak menyebut tentang penternakan. Di Sabak Bernam banyak penternak lembu sehinggakan semasa EXCO datang ke hospital Sabak Bernam saya diberitahu bahawa ada laporan lembu sering berkeliaran di hospital Sabak. Saya rasa begitu, hah begitu, betul kata Yang Berhormat EXCO jadi saya minta supaya lembu ini tidak dianggap sebagai haiwan liar kerana di Sabak Bernam lembu ini sudah dianggap sebagai haiwan liar kerana dia mengganggu ketenteraman manusia terutama di jalan raya dan juga di premis-premis Kerajaan atau premis-premis swasta. Jadi saya harap supaya dipermudahkan. Mereka bukan tak hendak menternak di tanah yang ada tetapi dipermudahkan kepada penternak untuk mendapatkan tanah bagi mereka menternak lembu dengan keadaan yang lebih baik. Bila ditanya dia buat kandang di rizab-rizab JKR akhirnya pada tiga minggu lepas Pihak Pejabat Tanah merobohkan hampir berlaku bukanlah pertumpahan darah, hampir berlaku pergaduhan akhirnya dapat diselesaikan. Alhamdulillah atas kebijaksanaan ADUN Sabak lebih kurang begitulah (ketawa). Ini saya sebut, ini bukan cubaan ini memang betul-betul kejadian. (Ketawa). Jadi begitulah.

Yang ketiga saya minta supaya yang disebut oleh Kuang tadi bahawa memang ada cadangan dulu bersama YB yang sekarang jadi Speaker kita nak buat satu di Sungai Lang itu satu pelabuhan kecil yang disebut oleh Kuang dan dikatakan bahawa jika projek itu dapat dilaksanakan Majlis Daerah Sabak Bernam serta-merta akan bertukar kepada Majlis Perbandaran Sabak Bernam itu yang dijanjikan saya rasa enam tujuh tahun yang lepas tetapi oleh kerana Sabak Bernam ini merupakan kawasan yang tidak disukai oleh pelabur jadi saya rasa kepada Barisan EXCO jadikanlah Sabak Bernam ini akhirnya disayangi dan disukai oleh pelabur asing. Wanita yang kurang cantik pun kalau di solek akhirnya menjadi rebutan jejaka. Sabak Bernam yang pada dasarnya pelabur tak suka asyik datang ke Seri Setia tapi kalau diwarkankan-warkankan dikatakan Sabak Bernam ini satu kawasan yang menjadi lubuk emas kepada pelabur, in shaa Allah dan saya akhiri dengan satu nyanyian daripada saya mudah-mudahan nyanyian ini memberi kesan kepada Dato' Menteri Besar. (Ketawa).

Putih-putih Melati  
Merah-merah Delima  
Apa yang ku hajati  
Pasti Dato' MB terima

Sekian, terima kasih. (tepek meja).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih. (Ketawa). Saya hampir tutup telinga tadi. (Ketawa). Templer untuk berbahas. Ya. Saya bagi yang terakhir pada Yang Berhormat Templer sebelum Kerajaan menggulung.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Terima kasih Timbalan Speaker. Kita bagi tiga bintang untuk Sabak. Yang Pertamanya soal berkaitan dengan pembinaan masjid baru di dalam DUN Taman Templer kita nak minta kepada Pihak Kerajaan kalau nanti akan ada surat permohonan ataupun surat mohon bajet daripada DUN Taman Templer kita harap sangatlah pihak Kerajaan supaya dapat mempertimbangkan untuk kelulusan dua projek masjid baru ni yang pertama di Kampung Selayang Pandang, masjid yang nak dibina baru kemudian dengan izin *upgrade* surau Al Furqan untuk dijadikan masjid kemudian perkara kedua soal berkaitan dengan generasi muda dan jugak sukan. Ada 3 padang permainan ataupun 3 padang bola di Taman Templer yang memerlukan pembaikan segera kerana padang ini berombak. Padang ini tidak rata. Padang ini permukaannya pada saya apabila kita turun untuk melawat ketiga-tiga padang ini boleh saya katakan padang ini tidak sesuai untuk digunakan oleh anak-anak muda kita untuk mengadakan program ataupun aktiviti-aktiviti sukan. Padang yang pertama adalah di padang bola sepak di Kampung Melayu, Rawang Batu 16 yang pertama. Kemudian yang keduanya di padang Taman Bidara kemudian yang ketiganya untuk menaik taraf Padang di Kampung Selayang Indah yang mana kalau boleh tempat untuk penonton ataupun kaki kambing dia panggil

tempat bangku. Panggil apa. Hah *grandstand* tu kalau boleh di *upgrade* dan di bina bumbung sebab sekarang ni memang tak ada bumbung dekat situ. Jadi kita mengharapkan Pihak Kerajaan Negeri dapat melihat perkara ini kemudian yang ketiganya soal berkaitan dengan taman permainan di Bandar Baru Selayang itu sendiri yang pada hemat dan pandangan saya juga memerlukan pembaikan dan juga naik taraf daripada Kerajaan Negeri.

Yang keempat permohonan daripada satu team ragbi sebab dua malam yang lepas saya merasmikan pejabat team ragbi ini iaitu Team Rainos King yang memohon kepada pihak Kerajaan Negeri agar dapat menyediakan satu padang ragbi kepada mereka untuk tujuan latihan. Kemudian saya nak ucapkan jutaan terima kasih kepada ADUN Bukit Lanjan yang menyuarakan hal berkaitan dengan Hutan Simpan di Bukit Lagong yang kita semua mengetahui bahawa akan ada projek perumahan yang akan dibina di sana. Saya senada dan juga seirama dengan Bukit Lanjan kerana kita tahu Hutan Simpan Bukit Lagong ini ada beberapa tempat di sana yang merupakan tempat peranginan ataupun tempat pelancongan kita takut nanti kalau projek pembangunan ataupun projek perumahan di bina di situ nanti boleh menyebabkan berlaku pencemaran alam sekitar dan saya merasakan bahawa Pihak Kerajaan Negeri harus melihat semula soal berkaitan dengan projek perumahan yang dibina ataupun yang akan dibina di Hutan Simpan Bukit Lagong dan yang terakhirnya soal berkaitan dengan budaya ataupun adat. Saya nak mencadangkan kepada Pihak Kerajaan Negeri supaya kita memperbanyakkan wacana-wacana soal berkaitan dengan adat dan juga budaya bukan sahaja kepada orang Melayu tetapi kepada bangsa-bangsa ataupun kaum-kaum yang lain yang terdapat dalam negara kita contohnya seperti kaum Tionghoa, masyarakat India, Singh dan sebagainya sebab saya nampak contohnya apabila kita menziarahi mereka yang meninggal dunia bukan daripada kalangan orang yang sebangsa ataupun seagama dengan kita. Kita, kadang-kadang kita terlepas pandang soal-soal berkaitan dengan adat ataupun budaya. Perkara yang ada kalanya tak boleh semasa kita menziarahi tu perkara-perkara yang tak boleh ataupun perkara-perkara yang menyalahi adat ataupun budaya ataupun pantang larang sesuatu kaum itu. Jadi saya mengharapkan agar Pihak Kerajaan Negeri dapat memperbanyakkan wacana-wacana untuk kita lebih mengetahui pantang larang, adat dan juga budaya bangsa-bangsa lain yang terdapat dalam negara kita. Jadi itu sahaja daripada Taman Templer. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. Oleh kerana Urusan Dewan ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa Usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian saya ingin membawa Usul yang berbunyi seperti berikut, "Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan

11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 6.00 petang.”

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Usul ini dipersetujui.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Yang Berhormat Pihak Kerajaan Sungai Tua untuk memberikan respon dan penggulungan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas sepanjang sesi Dewan khususnya untuk Usul Pembangunan yang melibatkan P.K-P.K ataupun kod-kod pembangunan yang tertakluk di dalam Buku Belanjawan Negeri Tahun 2019 ini dan sudah pasti saya merakamkan penghargaan ini kerana dapat melihat satu keterlibatan yang sangat kukuh dan jitu khususnya di kalangan Ahli-ahli Dewan dalam mengemukakan pandangan-pandangan di samping menerapkan beberapa perkara-perkara yang dirasakan perlu untuk memastikan pembangunan di dalam negeri kita ini bukan sahaja pembangunan yang mencatatkan keuntungan dan pertumbuhan yang signifikan tetapi dalam masa yang sama ia juga melibatkan kebajikan dan nasib rakyat khususnya bagi mereka-mereka yang perlu dibantu dan bagi memastikan segala aspek-aspek pembangunan di dalam negeri kita ini adalah pembangunan yang *sustainable* dengan izin ataupun pembangunan yang lestari.

Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Saya mulakan dengan mencatatkan kutipan daripada kata-kata Almatersian dalam bukunya “*Development as freedom, the freedom to enter market's can it self a be significant contribution to development*”. Maknanya kebebasan untuk menyertai pasaran kepada rakyat merupakan sumbangan mustahak kepada agenda pembangunan.

Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Justeru dengan kod tersebut saya masuk kepada dasar pertama iaitu berkenaan dengan persejajaran IPR ataupun Inisiatif Peduli Rakyat yang turut menarik perhatian ramai Ahli-ahli Dewan sepanjang perbahasan di dalam Dewan. Kata-kata di luar Dewan mahupun spesifiknya ataupun secara lebih terperinci di dalam Usul Pembangunan yang kita bincangkan.



Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Suka saya menyebutkan dalam pensejajaran kali ini beberapa strategi yang telah kita tetapkan sudah pasti adalah untuk memastikan adanya anjakan dasar ini daripada pemberian ataupun *gift* kepada *empowerment* ataupun pemerksaan. Itu yang pertama.

Yang kedua, sudah pasti kita ingin memastikan setiap program-program yang diadakan, yang dianjurkan Pihak Kerajaan Negeri serta dilaksanakan Kerajaan Negeri bersifat lestari dan *sustainable* dengan izin dan tidak merupakan satu bebanan kepada pentadbiran yang akan datang. Saya selaku Menteri Besar Negeri Selangor sangat bertanggungjawab terhadap kedudukan dan kesihatan, kedudukan kewangan pentadbiran Kerajaan Negeri supaya ia lebih *sustainable* mampu menanggung dan tidak ada gunanya jika kita bermewah-mewah sekarang tetapi di masa depan kita terpaksa menanggung beban dan pentadbiran isu dan kewangan yang besar yang akhirnya ia akan menggagalkan hasrat-hasrat pembangunan lain.

Dan yang ketiganya sudah pasti sesuai dengan semangat 9 Mei 2018 pensejajaran ini sudah pasti cuba untuk mengabung jalinkan apa yang disebut oleh Gombak Setia sebagai usaha-usaha bersama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat supaya tidak berlakunya *overlapping* dengan izin ataupun *redundancy* dengan izin terhadap dasar-dasar yang dilakukan dan akhirnya kita dapat memberikan fokus kepada pihak-pihak yang terbabit dan bagi pihak-pihak yang terlibat.

Sesuai dengan penggulungan ketiga Dasar Belanjawan yang lepas saya sebutkan setiap segmen di dalam negeri kita kalau kita boleh asingkan di antara T20 ataupun mereka yang sudah *established* dan boleh dikatakan kaya. Golongan pertengahan M40 dan B40 sentiasa mendapat perhatian oleh Pihak Kerajaan Negeri cuma fokusnya agak sedikit berbeza dan proses itulah yang kita katakan pensejajaran supaya ia tidak hanya memberikan sesuatu yang dianggap kurang bernilai kepada kelompok-kelompok tertentu. Saya bagi contoh kalau kepada kelompok B40 yang diperlukan ialah bantuan suntikan kewangan memastikan mereka mengurangkan bebanan kos sara hidup, mengurangkan bebanan-bebanan bulanan dan harian *overhead* mereka setiap bulan dan ia dilaksanakan oleh Pihak Kerajaan Negeri dalam pensejajaran ini.

Untuk M40 fungsi dan tugas kita ialah untuk mempertingkatkan kemampuan mereka dengan menambah skill dan kemahiran. Menambah bantuan modal dalam Hijrah sebagai contoh ataupun program-program pendidikan supaya mereka boleh meningkatkan kualiti perkhidmatan, skill dan kemampuan yang mereka adakan.

Dan T20 sudah pasti melalui Yang Berhormat Perindustrian dan Pelaburan kita menganjurkan hubungan-hubungan komunikasi *business* dan perniagaan dalam SIBS sebagai contoh. Ataupun Selangor International Expo dan tahun depan kita ada R & D



Expo. Ini semua adalah untuk menggabungkan dan membugarkan lagi kekuatan-kekuatan setiap segmen yang sedia ada.

Tidak adil bagi kita bagi saya konsep keadilan ya kalau saya rasa ustaz boleh jelaskan konsep keadilan ialah menempatkan sesuatu pada tempatnya tidak ada kurang maknanya kalau kita berikan suntikan kepada golongan M40 sedangkan yang diperlukan oleh M40 ini ialah *empowerment* ataupun pemerksaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Suka saya menyebutkan setakat ini yang ada perubahan dan penggubalan terhadap MES ataupun IPR kita dari 42 hanyalah beberapa dasar-dasar yang kita laksanakan.

Pertama, sudah pasti air percuma kerana air percuma ini kita fokuskan kepada golongan B40 dan saya jelaskan kalau ikut takrifan B40 yang ada di dalam Negeri Selangor boleh sampai kepada mereka yang berpendapatan di bawah RM6,000.00 tetapi kita tak akan mengambil keseluruhan RM6,000.00 dan ke bawah kerana kita tidak ada database itu. Databasenya kita kenakan di dalam E-Kasih dan kemudian kita akan sejajarkan dalam beberapa perkara supaya pihak-pihak tertentu dapat dibantu dan mengurangkan kos.

Dan saya lupa sebutkan kenapa kita letakkan 25 meter padu? Hari tu Sungai Panjang bukan Sungai Panjang. Sungai Air Tawar ada menyebutkan bahawa 25 meter padu ini kurang maknanya. Ada maknanya kerana daripada data yang kita perolehi kadar purata penggunaan air di Negeri Selangor ialah pada kadar 25 hingga 26 meter padu setiap isi rumah di dalam Negeri Selangor. Maknanya dengan kadar ini boleh dikatakan hampir semua kelompok B40 yang menerima air percuma akan membayar kosong ringgit untuk setiap penggunaan air mereka pada tiap-tiap bulan. Itu makna yang kita buat.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Yang Amat Berhormat, mohon penjelasan kalau kita tidak pakai *actual* takrifan B40 apakah angka *cut off* yang akan kita gunakan untuk menentukan keluarga mana yang dapat air percuma?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih. Ini yang masih lagi belum dimuktamadkan. Saya akui dan sebab itu saya katakan pelaksanaannya mungkin tidak mungkin akan berlaku Januari. Saya percaya ia akan buat dalam bulan tiga atau bulan empat paling awal untuk kita laksanakan kerana kita hendak sediakan *cut off* pendapatan namun begitu juga kita boleh tengok daripada kawasan, rumah kos rendah kita juga boleh tengok kawasan kampung sebagaimana contoh dan sebagainya.

Itu semua kita akan lalui perbincangan saya percaya dalam Sidang bulan tiga nanti saya boleh bentangkan apa yang dikatakan tentang pensejajaran air percuma yang kita hendak laksanakan kerana kita dapat mengurangkan kos sehingga 100 juta ringgit Malaysia dan saya hendak ulang sekali lagi bahawa ia tidak ada kaitan sama sekali dengan pengambilalihan SPLASH. Kerajaan Negeri tidak menggunakan sesen pun peruntukan kita untuk ambil alih SPLASH sebaliknya ia diuruskan melalui penstrukturan Air Selangor Sdn. Bhd. sendiri.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Jika kita belum tentukan belum muktamadkan prosesnya boleh saya cadangkan kita tight in dengan satu bantuan yang sedia ada untuk mengelak rakyat daripada perlu pergi ke pejabat SYABAS ataupun mana-mana pejabat lain untuk mendapat daftar kerana ini akan menyusahkan ramai orang kerana kita mensasarkan beratus-ratus ribu keluarga yang perlu mendaftar mungkin bantuan sara hidup di mana pendapatan di bawah RM4,000.00 mungkin boleh kita kaitkan siapa yang automatik siapa yang boleh dapat bantuan sara hidup mungkin automatik boleh dapat air percuma ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Bukit Gasing atas cadangan tersebut kita boleh maklumkan dan saya ambil maklum terhadap cadangan tersebut.

Kedua, sistem ataupun program yang kita sedang sejajarkan dan fikirkan semula ialah tabung anak warisan Selangor. Kenapa program ini perlu sejajar kerana akan belum ada lagi sistem yang signifikan dalam usul pelaburannya. Semalam dalam mesyuarat bersama dengan Yayasan Anak Selangor, kita melihat bahawa perlu ada program khusus untuk memastikan Kerajaan Negeri tidak perlu terbeban tiap-tiap tahun untuk membayar dan menggunakan komitmen terhadap perjanjian yang kita letakkan dalam Tabung Anak Warisan Selangor. Mulai tahun lepas kita telah mula menyimpan 12.5 juta, tahun ini kita simpan 25 juta dan sepanjang 10 tahun ke depan harus simpan 25 juta dan kos untuk 10 tahun daripada 2008 sampai 2018 yang kita telah daftarkan dan Kerajaan Negeri perlu menanggung sekitar 330,000.00 warga yang telah berdaftar dan nilainya ialah RM400 juta. Jadi Kerajaan Negeri cuba melihat sistem yang lebih komprehensif yang lebih konsisten untuk menangani isu ini dan sebab itu dalam ucapan belanjawan, saya sebutkan kita perlu berbincang dengan PNB supaya ada unsur pelaburan yang lebih signifikan dan jelas akhirnya tidak begitu membebankan Kerajaan Negeri kerana pada waktu ini dalam program TAWAS keseluruhan dana 1,500 yang dijanjikan itu datangnya daripada Kerajaan Negeri. Dalam masa yang sama kita ada hadiah IPT mungkin hadiah IPT kita boleh kembangkan kalau kita sebut tadi IPT sahaja ke lepas ini kita nak iktirafkan juga Tibet juga sebagai contoh. Dan kita boleh panjangkan hadiah IPT kepada hadiah Tibet dan hadiah pendidikan tutor "*education*" untuk anak-anak di masa depan. Jadi tidak perlu kerajaan menanggung terlalu besar sampai kos tertentu dan kos-kos yang terlibat dan sebagainya. Itu antara yang kedua

TAWAS dan yang ke tiga program KISS, KISS kita tidak potong tetapi kita tambah nilai, apa yang tambah nilainya iaitu kita tambah program pembudayaan latihan keusahawanan dan “*life skills*” kepada peserta-peserta KISS dan kita memperdayakan PWB Pusat Wanita Berdaya di setiap dun-dun supaya Pusat Wanita Berdaya mengambil kira setiap peserta KISS untuk dididik dan dilatih sebagai “*priority*” utama untuk mengeluarkan mereka daripada cengkaman masalah kemiskinan dan ini nilai yang saya sebutkan mereka bukan menerima sampai ke akhir hayat sebaliknya mereka boleh keluar dalam satu tempoh jangka masa 5 atau 7 atau 10 tahun yang disasarkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Dan seterusnya yang berubah insentif perkahwinan saya tidak hendak ulang lagi nanti banyak lagi perbincangan bila disebut tentang insentif perkahwinan dan yang terakhir ialah skim latihan semula pekerja, skim ini dibuat adalah untuk menangani masalah kemelesetan ekonomi dan pembuangan pekerja-pekerja pada tahun 2010, 2011 begitu pada penggal pertama dan Kerajaan Negeri sudah mempunyai program ikhtisas. Di dalam ikhtisas kita bagi ruang termasuk pekerja yang kurang mahir supaya meningkatkan kemahiran mereka dan kita ada dana-dana yang lain daripada Kerajaan Pusat sebagai contoh HRDF yang begitu banyak yang tidak digunakan mungkin boleh dilaksanakan program-program peningkatan, kemahiran dan kemampuan anak-anak muda mahupun pekerja-pekerja muda juga menjurus kepada apa yang disebutkan oleh Kota Damansara sebentar tadi. Jadi secara keseluruhan inilah semangat yang kita ada dan hanya lima sini sahaja yang berubah. Jadi tidak ada perubahan terhadap dasar-dasar nak ditukar dan lain kerana daripada masa ke semasa kita akan cuba meneliti satu persatu setiap program supaya tidak membebankan kerana sebahagian daripada program-program itu sekarang diletakkan di bawah STANCO masing-masing kerana saya mahu setiap STANCO-STANCO dan EXCO yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri bertanggungjawab di atas “*portpolio*” masing-masing. Sebagai contoh HIJRAH kita letakan di bawah EXCO keusahawanan sebagai contoh program pendidikan tuisyen percuma, tuisyen online percuma diletakkan di bawah EXCO Pendidikan. EXCO Keluarga sebagai contoh akan mengambil tanggungjawab untuk insentif perkahwinan dan pelbagai lagi termasuk kesihatan dan sebagainya terletak di PK-PK di bawah EXCO-EXCO yang berkenaan. Jadi yang sepuluh yang didaftarkan itu yang disebut oleh Gombak Setia adalah program-program yang tidak ada bertuan lagi diletakkan di bawah PK 18 supaya selepas ini kita boleh sejajarkan semula. Yang Berhormat sekalian sebagai contoh program SMUE skim mesra usia emas kita masih teruskan tetapi dia tersembunyi di dalam vot pelbagai yang mempunyai bajet 19 juta dan daripada 19 juta, 10 juta sebagai mana tahun-tahun sebelum ini kita tetap peruntukan skim mesra usia emas. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian saya kira setelah menjelaskan sedikit sebanyak penyejajaran program IPR ini yang saya percaya tidaklah mendapat respons yang begitu baik ada pelbagai macam pandangan tetapi kembali saya sebutkan ini untuk selaraskan, itu untuk kodinasi memastikan kedudukan kewangan kita stabil dan mampu bertahan

untuk 10, 20 tahun, 30 tahun yang akan datang dan dalam masa yang sama kita juga akan memastikan setiap pemberian yang diberikan itu benar-benar sampai kepada mereka yang kita maksudkan dan benar-benar memperkasakan dan mengupayakan rakyat dan masyarakat dalam negara kita. Saya beralih kepada tajuk-tajuk spesifik yang dibangkitkan.

**TUAN SPEAKER:** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tahniah kepada pihak kerajaan kerana inisiatif untuk menjajarkan semula program-program IPR dan juga pemerksaan manfaat insentif Peduli Rakyat itu. Saya menjangkakan ada sesuatu dalam perancangan ini kerana saya antaranya saya lihat adalah program mesra usia emas yang saya juga yang saya sedikit sentuh sedikit kerana ini antara yang dibincangkan di peringkat diutarakan oleh masyarakat warga emas terutamanya. Apabila mereka mendapat insentif ini, apabila mereka sudah tidak ada di muka bumi ini lagi, mereka sudah meninggal dunia dan juga kita pernah memikirkan bagaimana salah satu usaha untuk memberikan masa hayatnya dan sebab saya lihat dan ini antara perkara yang mungkin akan memberikan manfaat kepada usia emas masih ada lagi hayatnya saya kira antara insentif daripada Kerajaan Negeri untuk mengadakan program rumah warga tua ataupun pusat warga emas. Saya kira antara yang terbaik mungkin daripada peruntukan 2,500 yang ada pada hari ini punya kita rasakan bahawa ia akan memberi manfaat untuk pengurusan jenazah. Tetapi hakikatnya mereka akan menerima lewat pada itu mungkin sebulan mungkin dua bulan, ada yang lebih daripada itu baru manfaat usia emas ini diterima oleh waris mereka. Saya memikirkan melihat mungkin ada satu penajajaran ataupun pemerksaan manfaat IPR ini dalam bentuk mungkin kursus-kursus ataupun institut untuk pemahaman agama dalam pelbagai agama sebagai orang Islam mungkin ada program-program peringkat masjid untuk mereka-mereka yang sudah berusia ini untuk persediaan kematian sebagai contoh ataupun program-program memberikan manfaat kesihatan kepada warga emas untuk pembelian peralatan-peralatan yang tertentu dan sebagai salah satu daripada penajajaran yang mungkin pihak Kerajaan Negeri. Saya cadangkan supaya ada program-program seperti ini yang lebih manfaat dalam program mesra usia emas ini, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih saya boleh memaklumkan kepada Jawatankuasa sektariat untuk mengambil kira pandangan tersebut dan sememangnya kita tengah bersedia untuk warga emas yang agak ramai kerana "*life spend*" dengan izin saya telah sebutkan berulang kali di Negeri Selangor telah meningkat daripada 65 kepada 75 tahun dan memang kita telah bersedia dan kita sudah mulakan dengan kewajipan menyediakan satu Pusat warga emas kepada pusat pembangunan yang berlaku. Kita telah mendapat kertas kerja-kertas kerja tertentu daripada pihak terbabit untuk membuat satu program khas untuk Pusat warga emas

namun kita sedang menilai balik kosnya sebab kita bimbang ia akan meningkat dan kalau kita boleh kembangkan sebahagian daripada program SMUE saya kira boleh dipertimbangkan dan boleh dipertimbangkan namun kita hendak tengok kosnya supaya ia tidak boleh mampu bertahan.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM:** Terima kasih kepada penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi saya kira kita mengambil positif hasrat Kerajaan Negeri untuk melakukan penyejajaran terhadap program IPR tetapi sebagaimana Yang Amat Berhormat sebutkan tadi bahawa program ini penyejajaran ini belum lagi di formulakan secara mutakhir dan saya minta kalau boleh melibatkan dan juga melibatkan pandangan daripada adun-adun supaya kita juga beri juga pandangan kita dan juga kedua saya kira dalam usaha penyejajaran ini kalau boleh saya ingin cadangkan pada Kerajaan Negeri supaya juga mengintegrasikan pelaksanaan sistem IPR. Misalnya kalau hari ini ada dua sistem IPR kita iaitu program KISS dan juga Peduli Sihat yang mana masing-masing menggunakan kad yang berbeza-beza jadi kalau boleh selepas ini mungkin kalau ada lagi program-program Kerajaan Negeri mungkin kita boleh adakan satu program yang lebih "*integrated*" atau pun integrasi dengan izin supaya akhirnya kita ada seakan mungkin ada seperti "*citizen card*" apa juga manfaat ataupun "*benefit*" yang datang daripada Kerajaan Negeri kita boleh gunakan melalui kad yang bukan berkenaan dan ini juga membantu mempermudah kita menyelaraskan program-program IPR khususnya di setiap kawasan-kawasan, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Pasti kita akan mengambil pandangan semua pihak sesuai dengan konsep maju bersama saya sebut tadi, kita akan menerima pandangan semua pihak sebahagian daripada ucapan dan pandangan dalam dewan juga. Kita akan mengambil kira untuk memutakhirkan serta memuktamadkan program-program yang dikatakan penyejajaran IPR. Ahli Yang Berhormat sekalian saya teruskan tentang isu pembangunan orang asli daripada Dengkil dan Bukit Lanjan. Ahli Yang Berhormat sekalian peruntukan dari pembangunan orang asli melibatkan pembangunan infrastruktur orang asli dan mempromosi produk orang asli. Peruntukan yang disediakan akan memfokuskan kepada kerja-kerja pembangunan infrastruktur yang mendesak mana kala keperluan lain akan diselaraskan dengan bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli ataupun JAKOA Negeri Selangor daripada masa ke semasa. Ini adalah sebahagian daripada kodinasi ataupun pelarasan yang kita buat semula yang melibatkan EXCO dan juga STANCO-STANCO dan portpolio-portpolio yang mempunyai hubungan dengan Kerajaan Pusat yang sebelum ini kita tidak dimaklumkan terhadap perkara tersebut.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker saya minta penjelasan dari Yang Amat Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Silakan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tadi Yang Amat Berhormat telah maklum dalam dewan ini bahawa kita akan selaraskan dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli. Cuma saya ingin tahu siapa yang menetapkan "*priority*" di peringkat JAKOA Selangor. Sebagai contohnya Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam dewan yang mulia ini boleh mencadangkan apa yang perlu di naik taraf dan sebagainya kerana sebelum ini kita dimaklumkan bahawa projek-projek yang dijalankan dalam kampung-kampung tersebut oleh Kerajaan Pusat bukan projek yang diminta itu sebagai contohnya. Jalan tidak boleh diguna lubang besar dan sebagainya sudah minta bertahun-tahun tapi tidak ada orang baiki hingga mereka maklum kepada Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Sudah pasti dengan suasana Malaysia baru sekarang ini bukan sahaja komunikasi di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat hubungan feudalisme yang bertambah baik, saya percaya juga hubungan dengan rakyat dengan keterbukaan kita akan lebih baik, sudah pasti dengan konsep musyawarah yang ada di antara jabatan. Kita ini sekarang kerajaan yang bersama di pusat dan juga di negeri, saya percaya Yang Berhormat Kajang akan berjaya menkodinasi bersama dengan EXCO berkenaan di peringkat pusat untuk memastikan setiap projek adalah projek yang diminta dan berkeperluan di kawasan-kawasan orang asli ataupun di kawasan-kawasan perkampungan, di kawasan rayau orang asli yang telah ditetapkan. Ahli Yang Berhormat sekalian Gombak Setia pernah membangkitkan tadi berkenaan dengan projek pencerahan atau pun program pencerahan. Kerajaan Negeri telah melaksanakan program pencerahan sejak 2016 sehingga kini di dalam ucapan bajet 2019 program pencerahan ini masih diteruskan dengan peruntukan sebanyak 1 juta daripada Kerajaan Negeri dan menyambut baik cadangan Yang Berhormat Gombak Setia untuk memfokuskan penerbitan yang berkaitan dengan revolusi perindustrian 4.0 pada tahun 2019. Mana kala Bukit Lanjan sebentar tadi membangkitkan tentang Taman Rakyat, Ahli Yang Berhormat sekalian pada ketika ini kita sedang melaksanakan kerja-kerja awalan ataupun "*soil investigation*", penyediaan reka bentuk dan kerja-kerja pembinaan yang dijangka dimulakan pada tahun 2019. Ada dua tapak yang sedang kita fikirkan dan tapak-tapak itu kita akan persembahkan dan termasuk kita bentangkan untuk kita dapatkan kelulusan daripada pihak-pihak Kerajaan Negeri ataupun pihak berkuasa negeri. Ahli Yang Berhormat sekalian saya beralih dalam bidang sukan yang dibangkitkan oleh Dengkil berkenaan dengan akademik merah kuning dan kejayaan besar "*red giant*" Ahli Yang Berhormat sekalian



saya sudah sebutkan berulang kali dan saya nak sebutkan sekali lagi akademik ini daripada segi strukturnya telah dibentuk bagi tiap-tiap daerah dan kita mempunyai satu pusat latihan bersepadu di Puncak Alam. Dan tujuan awal kita laksanakan program ini yang kita mulakan setahun yang lepas kita telah berjaya mengumpul ketika ini 800 pemain-pemain yang berumur daripada 8 sehingga 17 tahun. Mulai tahun ini kita akan selaraskan modul, sekarang ini modulnya belum diselaraskan, kita akan selaraskan modulnya dan kita akan hubungkan mereka dengan pasukan-pasukan yang sedia ada di Negeri Selangor iaitu pasukan PKNS pada ketika ini, Selangor FAS dan juga Selangor United. Bila sekumpulan pasukan ini telah bergabung nanti, tidak menjadi masalah lagi kerana dalam masa yang sama FAM telah memberikan jaminan untuk membenarkan kita menghantar pasukan-pasukan bawah umur 21, 19 dan 17 untuk lebih daripada 1 pasukan dan kita mempunyai ruang untuk melatih dan melihat *performance* dan *benchmark* yang telah terhasil daripada Akademi Merah Kuning. Di masa depan kita sedang membina aplikasi pula, aplikasi pintar untuk merekodkan data base pemain-pemain ini dan kita Insyaallah bukan sahaja akan menjadikan pemain ini untuk bermain di negeri Selangor tetapi pemain-pemain ini juga untuk dijual kepada pasukan lain dengan nilai berdasarkan kemampuan dan rekod data yang kita ada. Pada ketika ini kita tak ada rekod itu, yang ada hanya dua tiga *player* yang sudah *established* dan banyak pemain-pemain yang terlepas pada waktu ini. Ia memang satu kerja jangka panjang tidak popular namun begitu saya percaya kita kena mula dari peringkat akar umbi untuk memastikan kejayaan dan kemampuan kita. Berkenaan dengan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Terima kasih Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sehari dua ini kita digemparkan dengan satu isu ada bekas pemain bola sepak kebangsaan yang katanya tidur di kaki lima untuk mendapatkan rawatan di sebuah

**TUAN SPEAKER** : Ini tidak berkaitan dengan usul perbahasan pembangunan tadi.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Cuma nak tanya sikit je. Nak tanya dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tadi soal berkaitan dengan pembangunan untuk generasi muda yang minat dengan bola sepak. Cuma kita nak tahu maksudnya dari segi aspek kebajikan bekas pemain bola sepak ini. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Pemain yang dimaksudkan itu ialah pemain kelahiran Pulau Pinang, bekas penyerang kebangsaan namanya Salahuddin Che Ros dan antara momen penting perubahan kehidupan beliau ialah selepas beliau pulang daripada Pahang bermain balik ke negeri Pulau Pinang pada



pertengahan tahun 1990an dan di pertengahan tahun 1990an beliau antara orang-orang yang dianggap terlibat pada ketika itu oleh pihak BPR dengan kes penjualan permainan dan dengan sebab itulah antara pengubah momen kehidupan mereka selaku pemain walaupun pada ketika itu dia mula telah dibayar sekitar RM12,000.00 untuk pemain tersebut. Untuk itu, sebenarnya kerajaan negeri mengadakan Akademi Merah Kuning juga untuk mengisi jurulatih-jurulatih di kalangan bekas pemain. Kita ada sembilan pusat di sembilan pusat ini kita ada paling kurang lima enam dan hampir semuanya adalah di kalangan bekas-bekas pemain yang sudah mempunyai lesen awalan ataupun C dan kita harapkan selepas ini kita boleh *upgrade* dan mempertingkatkan pelesenan mereka untuk di tahap B atau A supaya mereka dapat melatih pemain-pemain ini dengan baik. Jadi dengan Akademi Merah Kuning ini sebenarnya kita dapat membantu mereka khususnya bekas-bekas pemain untuk terlibat dalam bidang kejurulatihan ataupun bidang-bidang lain. Pengurusan bola sepak, komentator bola sepak, pentadbiran bola sepak dan sebagainya. Itu saya jawab sikit berkenaan bola sepak.

Seterusnya saya ingin juga memberi maklum balas berkenaan dengan E-Games yang dibangkitkan oleh Dengkil sekali lagi dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa E-Games di sini baru dan kita merupakan di antara *pioneer* ataupun pemula kepada negeri yang terlibat dengan E-Sukan ataupun E-Games ini. Kita mulakan 2014 dan sekarang kita telah mampu menarik lebih daripada 2000 penyertaan 100,000 live telecast di internet, hampir 700,000 ketika ditayangkan di E-GG. Saya kira kita telah sampai ke tahap tertentu dan beberapa hari yang lepas saya terlibat ada merasmikan Persatuan E-Sukan Selangor dan saya harap Persatuan E-Sukan ini berjaya mentadbir, mengurus serta menerbitkan peraturan dan undang-undang serta etika E-Games yang masih lagi boleh dikatakan tidak mempunyai *rules and regulations* dengan izin atau etika yang standard atau piawai sebagaimana sukan-sukan lain dan saya percaya dengan adanya persatuan ini perkara tentang *blue print* rancangan jangka panjang kita dapat lihat dan perkara baru ini saya juga percaya kita kena lihat perkembangannya dan *sustainability* dan kita tidak boleh cepat-cepat masuk saya takut ia menjadi sifat bermusim yang mungkin gagal dan mungkin pelaburan yang kita berikan itu tidak mendatangkan hasil walaupun ia begitu fancy dengan izin ataupun ia begitu menarik pada ketika ini untuk disertai oleh anak-anak muda dan seluruh masyarakat.

Ahli Yang Berhormat sekalian saya seterusnya merujuk kepada pandangan Kuala Kubu Baru berkenaan dengan PEBT dan juga kuota pemilihan PEBT kaedah serta garis panduan pelaksanaan peranan PEBT serta sistem pengurusan PEBT. Ahli Yang Berhormat sekalian kita mula tubuhkan PEBT tahun 2009. Kita ada 6 teras, 2014 kita sudah wujudkan 10 teras dan kita sudah ada buku dasar dan kemudian kita dah mewujudkan peraturan-peraturan perjalanan PEBT ini sejak daripada 2010 ataupun lebih awal daripada itu. Dan daripada masa ke semasa pihak kerajaan negeri sedang

mempertingkatkan pengurusan dan pentadbirannya kerana untuk memastikan akauntabiliti dan juga kewangan yang disalurkan itu dapat dinilai dan dimuktamadkan dengan baik serta diuji dengan akaun yang baik. Jadi bagi pihak kerajaan negeri sebelum ini kita mewajibkan akaun bagi setiap PEBT namun begitu sukar untuk diuruskan. Sekarang kita letakkan akaun di peringkat PEBT dan juga di pihak kerajaan negeri dan saya percaya akauntan akan diaudit oleh pihak terbabit dalaman dan luaran dan kita akan dapat perbelanjaan yang sebenar dan perbelanjaan yang baik. Tentang pemilihan semenjak daripada tahun lepas ada cadangan untuk kita menemu duga dan kali ini tahun ini pelaksanaan kali ini kita tambah selain daripada cadangan daripada sekretariat, cadangan daripada ADUN, cadangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan, kita menemu duga calon-calon ini yang kita nak lihat komitmen keupayaan serta kemampuan beliau untuk menjadi pemimpin tempatan di peringkat akar umbi dengan kos perbelanjaan sekitar RM1.44 juta tiap-tiap tahun untuk membiayai sebahagian daripada elaun dan memang saya akui semenjak daripada mula-mula saya dengar Sijangkang tubuhkan PEBT dulu kita memang ada masalah 20 hingga 30 persen di kalangan mereka yang tidak aktif. Mereka yang dilantik tidak aktif dan kita cuba mengurangkannya daripada masa ke semasa. Namun ada peningkatan. Boleh saya katakan sebelum kita tetapkan dasar-dasar tertentu latihan-latihan tertentu dulu di peringkat 2009, 2010, 2011 hampir 80% programnya adalah sukan. Namun sekarang kalau kita lihat grafnya ia agak seimbang antara satu sama lain dan ia membuktikan adanya partisipasi yang cubaan yang baik daripada pihak PEBT yang diuruskan dan ditadbir di peringkat PBT dapat menstabilkan serta menyusun program yang lebih seimbang di antara teras-teras yang kita telah tetapkan tadi.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Kuala Kubu Baru.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Iya, Yang Berhormat Menteri Besar satu saya nak beri penjelasan ini adalah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balakong tapi mengenai dengan penjelasan itu saya hanya ada satu permintaan iaitu saya harap Yang Berhormat mengekalkan 24 orang di kawasan MDHS dan biarlah saya selesaikan dengan Yang Dipertua MDHS.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR**: Yang Berhormat, terima kasih. Saya tak boleh berikan kelulusan begitu, saya kena rujuk pegawai saya di sana sudah pasti asas kita ialah sama dengan format ketua kampung, sama dengan format pelantikan ahli majlis dan PEBT mempunyai format yang sama. Kalau ada perubahan mesti ada sikit-sikit tapi tak apa nanti kita bincang secara personel antara hari ini dan boleh PM tepi selepas ini. Jadi Ahli Yang Berhormat sekalian, saya teruskan dengan perkara yang berbangkit dengan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Hal Ehwal Islam menyebutkan sebagai contoh Bukit Lanjan menyebutkan tentang sekolah rendah agama Damansara Damai dalam RMK-10 pembinaan SRA Damansara Damai dirancang untuk dibina pada tahun 2015. Namun setelah penilaian semula terdapat terhadap perancangan sekolah-

sekolah JAIS secara keseluruhan meliputi beberapa perkara termasuk isu tanah dan peruntukan dan ia dicadangkan untuk dibawa ke RMK-12 pula. Ia tak dapat dilaksanakan dalam RMK-10 dan RMK-11, kita akan membawa ke RMK-12. Merujuk kepada maklum balas daripada Ijok mengenai keperluan penyediaan sekolah menengah agama di Kuala Selangor keutamaan kerajaan negeri dalam pendidikan agama ialah pendidikan di sekolah rendah supaya seboleh mungkin anak-anak sekolah mempunyai pasak akidah yang kukuh, terdidik dengan kewajipan beribadah dan terpupuk dengan akhlak Islamik. Sebab itu kerajaan negeri sedaya upaya membuka sekolah rendah agama di seluruh negeri yang mana terdapat masyarakat Islam setakat ini berjumlah 227 buah. Keperluan peringkat menengah pula adalah sebagai pelengkap ataupun prinsip itu semua 23 buah sekolah agama menengah yang dibuka JAIS telah diserahkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia daripada jumlah itu dua daripadanya terletak di daerah Kuala Selangor iaitu Sekolah Menengah Agama Jeram dan Sekolah Menengah Agama Seri Desa, Tanjung Karang. Sebaliknya kerajaan negeri memberi fokus baru dalam pendidikan agama menengah iaitu membina Maahad Tahfiz Integrasi yang dinamakan Maahad Tahfiz Integrasi Selangor ataupun MITS. Pada masa ini terdapat empat buah MITS telah beroperasi dan sebuah lagi dalam pembinaan. Kerajaan negeri telah memperkenalkan KAFA menengah dengan jumlah terkini sebanyak 27 buah di mana 12 daripadanya beroperasi di masjid manakala selebihnya di SRA. Saya merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Pelabuhan Klang berkenaan dengan peruntukan masjid. Inshaallah kerajaan negeri sedia mempertimbangkan untuk menaiktaraf masjid sedia ada dan tetapi kita akan lihat kepada keadaan kepadatan dan isu yang sebenar dan sila rujuk dan maklumkan pada pihak kerajaan negeri terhadap permohonan di kawasan yang telah dibangkitkan oleh Pelabuhan Klang sebentar tadi. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin merujuk kepada pandangan terhadap inisiatif kenegaraan. Program ini adalah program baru yang bermula pada tahun 2017 dan 2018 dan disambung pada tahun 2019. Secara asasnya inilah program yang saya sebutkan tentang kesukarelaan ataupun volunteerism dalam program ini kita ingin menarik penyertaan rakyat negeri Selangor supaya menyertai program-program volunteerism supaya kita dapat menyemai semangat kebersamaan di dalam warga dan rakyat di dalam negeri kita. Sudah pasti program ini dipantau oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri dan kita ingin pastikan program yang dilaksanakan akan mengambil kira semua golongan dan mengambil kira semua lapisan kepimpinan bermula daripada Ahli-Ahli Dewan Negeri, Ahli Parlimen, pemimpin tempatan seperti Ahli Majlis, Ketua Kampung dan juga pemimpin seperti PWB dan PBT supaya mereka tidak membuat satu lagi program organisasi sebaliknya mereka hanya menyuburkan dan menggalakkan penyertaan dan aspirasi rakyat supaya menimbulkan kecintaan kepada negeri dan negara. Memahami dasar serta asas perlembagaan yang ada dalam negara dan dalam masa yang sama memahami penyertaan mereka dalam proses demokrasi dalam negara kita dan boleh terlibat

bersama-sama untuk membangunkan negara dan negeri kita. Cita-cita saya, saya ingin melihat di negeri Selangor ini keterlibatan rakyat bagaimana rakyat di beberapa buah kota seperti di Bandung dan Surabaya di mana rakyat sendiri terlibat untuk membangunkan serta terlibat menjaga dan memelihara kemudahan awam. Dan tidak lagi di *outsourc*e serta dipertanggungjawabkan kepada hanya kerajaan negeri sahaja. Dan keterlibatan dan keterujaan ini saya percaya ini bukanlah program yang ingin memaksa sebaliknya mengajar dengan program yang agak santai dan agak baik untuk masa hadapan. Jadi Ahli Yang Berhormat sekalian saya kira saya telah menjelaskan banyak perkara berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan aktiviti sukan dan sebagainya itu saya akan rujuk balik kerana ia melibatkan kos yang agak tinggi terutamanya macam padang yang disebutkan kosnya paling tidak RM150,000.00 setakat ini peruntukan kita RM40,000.00 dan kita akan melihat nanti selepas ini kalau ada kontribusi daripada pihak anak syarikat kerajaan negeri dan daripada situlah kita akan cuba menyalurkan kepada program-program IPR mahupun pembangunan negeri dan itulah yang saya sebutkan sebagai peruntukan dan dana baru pada kerajaan negeri. Terakhir sebelum saya tutup

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Tuan Speaker, tadi saya sebut sekolah rendah agama Subang Bestari, Persiaran Fajar. Minta penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR**: Tentang sekolah yang dimaksudkan oleh pihak Kota Damansara, kerajaan negeri sedang melihat sekembali kesediaan ataupun kepentingan untuk kita membina kawasan itu berdasarkan kepada keperluan-keperluan dan saya rasa perlu dibincangkan kembali pendetailan ini terhadap pembinaan sekolah-sekolah tersebut sebagaimana saya sebut tadi memang tumpuan dan juga fokus kerajaan negeri tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memastikan pembangunan institusi pendidikan di sekolah rendah akan dapat dihasilkan dengan baik. Dan yang terakhir sekali berkenaan dengan Kuang dan juga Sabak Bernam tidak dilupakan Insyallah saya menerima cadangan-cadangan tersebut. Sebab itu kita membuat kluster gugusan ini. Di mana kluster dan gugusan ini, tidak lain dan tidak bukan adalah melihat potensi-potensi yang sedia ada. Tidak semestinya bila kita tak lawat, kita tak ada. Pegawai daerah, ahli majlis, UPEN sedang mendapatkan semua data yang sedia ada dan berkenaan dengan rumah mampu milik di Air Manis itu, kita sedang menilai balik. Sebab harga yang ditawarkan itu agak tinggi. Agak tinggi. Dan saya rasa, tidak mampu dibeli oleh orang ataupun penduduk di kawasan Sabak Bernam pada ketika ini. Jadi tak guna kita bina tetapi ia tidak dibeli. Jadi Kerajaan Negeri memang sedang memikirkan bagaimana kita nak reformat balik atau menguruskan balik, walaupun proses pecah tanah itu kita adakan.

**TUAN SPEAKER** :Silakan, Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya ingin mengambil perhatian berkaitan dengan pendidikan yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri berkaitan dengan pendidikan orang-orang asli.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : InsyaAllah, saya percaya hari ini, kita akan masukkan nanti, saya minta EXCO yang berkenaan, Kajang, untuk melihat berkenaan dengan pendidikan orang asli. Termasuk juga usaha-usaha dakwah melibatkan perkembangan dan pembangunan agama Islam di kawasan tersebut. Yang Berhormat sekalian, untuk mengakhiri, saya ikut jejak Sabak, nak nyanyi juga. (GELAK)

**TUAN SPEAKER** : Silakan nyanyi, sila.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Nantilah.

**TUAN SPEAKER** : Sila, sila nyanyi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Lain kalilah Yang Berhormat. Saya dah tak ada masa, tapi saya minta, kalau boleh semua pihak dapat bersatu hati dan tidak mudah tergoda dan terpesona dengan pandangan-pandangan yang kelihatan membaikkan, begitu menyemarakkan kita akhirnya meruntuhkan kita. Sebagai contoh ialah isu-isu perkauman dan isu yang sempit.

Jangan tergoda bintang di awan,  
Kalau terbitnya di siang hari,  
Jinak merpati makan di tangan,  
Jarang dikurung di sangkar hati.

Ini menurut Ahmad Jais dalam lagunya. Jadi apa yang tersemat di hati, simpan baik-baik, simpan baik-baik, luahkan baik-baik, InsyaAllah Kerajaan Negeri komited untuk mempertahankan asas-asas perlembagaan, termasuk menyokong penuh dasar Kerajaan Pusat pada ketika ini, untuk menangguhkan dan menolak ratifikasi ICERD, untuk memastikan nasib semua bangsa dalam negara kita ini dapat diperhatikan. Dan untuk menyambut cadangan daripada Gombak Setia, Kerajaan Negeri sebenarnya, saya tak sempat memaklumkan, meneruskan dasar-dasar kita iaitu menggugurkan keperluan pembayaran cukai-cukai pintu untuk rumah-rumah kos rendah dan rumah-rumah kampung termasuk fee lesen yang kita laksanakan.(TEPUK). Sebelum ini yang menelan belanja RM 60juta. Terima kasih. Saya mohon izin, sebab saya ada program

yang harus bertemu Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih, Sungai Tua. Kita, silakan Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker. Beberapa Yang Berhormat ada mengemukakan pandangan-pandangan dan juga isu-isu yang dibangkitkan. Tetapi yang ini tentang maklum balas yang agak ataupun pandangan yang mudah iaitu Pelabuhan Kelang ada membangkitkan isu kampung warisan dan beberapa aktiviti yang telah pun berjalan serta pelan tindakan khas PTK kampung-kampung. Yang Berhormat Seri Setia membangkitkan isu pembangunan Kampung Hamid Tuah, Yang Berhormat Jeram memohon supaya satu usaha baru untuk golongan belia. Terima kasih saya ucapkan kepada tiga-tiga Yang Berhormat yang bertanya, tetapi saya ini pandangan dan kita akan ambil maklum tentang perkara ini dan InsyaAllah perhatian akan saya berikan. Tetapi dalam masa yang sama, saya juga akan menjawab soalan-soalan ataupun maklum balas yang diperlukan oleh Yang Berhormat yang berkaitan dengan jawatankuasa saya. Saya akan pergi satu persatu tentang perkara-perkara yang dibangkitkan.

Pertamanya saya menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Morib, iaitu isu Bazar Darul Ehsan, yang sekarang ini dilihat sebagai masih belum ada tindakan yang sewajarnya. Jadi ini, izinkan saya jawab perkara ini, iaitu sejarahnya, ia bermula semenjak 2011 lagi. Dah masuk dua penggal, dan setelah saya ambil alih, saya dapati Bazar Darul Ehsan ini masih tidak beroperasi dengan baik. Jadi sebenarnya untuk maklumat Yang Berhormat, tujuan asal pembangunan Bazar Darul Ehsan ini, untuk menjadi hub pengumpulan produk-produk usahawan, sebenarnya. Tetapi, isu ini ataupun nampak gayanya, masih belum dapat beroperasi, jadi bangunan tersebut masih terbengkalai dan tidak dapat diuruskan. Jadi faktor-faktor kegagalan yang telah pun dikenal pasti, semasa saya mengambil tanggungjawab dan saya telah pun membuat beberapa mesyuarat, ya, pertamanya pada 03.10.2018, iaitu mesyuarat penyelarasan tentang Bazar Darul Ehsan ini dan seterusnya dibuat susulan lawatan. Dan, mesyuarat dahulu oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Bahagian Pembangunan pada 10.10.2018, dan lawatan penilaian dibuat oleh JKR seterusnya. Dan akhirnya kita dapati, sebenarnya faktor kegagalan Bazar Darul Ehsan ini, adalah lokasi yang kita rasakan agak tidak sesuai di situ. Memandangkan produk, kalau orang pergi ke Kuala Langat, produk-produk yang mereka inginkan, amat mudah didapati. Mereka terus pergi ke kilang-kilang yang menawarkan harga jauh lebih murah daripada yang diletakkan di Bazar Darul Ehsan tersebut. Jadi untuk itu kita dapati, satu lokasinya, satu produk-produk yang diletakkan itu, kadangkala ia tidak boleh sustain ataupun lestari.



Yang ketiganya, tidak jelas, siapa sebenarnya yang menguruskan penyelenggaraan bangunan tersebut. Dan kita lihat juga fungsi dan perlunya satu jenama semula untuk Bazar Darul Ehsan ini. Atas dasar itu, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Morib, selepas mesyuarat penyelarasan dibuat, ada dua tindakan besar. Selepas didapati isu pembinaan, isu baik pulih, isu pengurusan dan juga tidak ada ownership dan juga tidak ada pemantauan ini. Jadi mesyuarat telah memutuskan dua aspek penting dalam pengurusan Bazar Darul Ehsan ini, iaitu pertamanya adalah isu penyelenggaraan dan baik pulih Bazar Darul Ehsan ini. Iaitu dengan kita memastikan bahawa proses penyelenggaraan Bazar Darul Ehsan mestilah dengan kerjasama dan dipantau oleh Pejabat Daerah Kuala Langat. Seterusnya kita sedang, telah pun mengarahkan kepada Jabatan Kerja Raya, untuk mengambil maklum bahawa proses penilaian mestilah dilakukan. Dan ia perlu dilakukan sebelum 13 hari bulan 12, InsyaAllah. Dan laporan penuh serta kos kerosakan yang lengkap akan dikemukakan pada bulan ini. Selepas itu, InsyaAllah untuk makluman yang terhormat di bawah kod objek, PK19 dan kod objek 19002 telah pun diperuntukkan tahun depan sebanyak RM500,000.00. Untuk memastikan Bazar Darul Ehsan ini dapat dilaksanakan. Dalam konteks pengurusan pula, kita dapati bahawa setelah ianya dibaikpulih nanti apa akan berlaku pada Bazar Darul Ehsan ini. Bazar Darul Ehsan ini akan diberi atau dibukakan tawaran kepada pihak-pihak yang boleh menguruskan Bazar Darul Ehsan ini. Ataupun mungkin ia akan dijenamakan semula dengan nama yang berbeza. Yang kalau dulu kita berikan tanggungjawab ini kepada Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Pusat Wanita Berdaya mengambil banyak aktiviti di situ dan pernah juga ia diambil alih, ataupun ingin di ambil alih oleh HIJRAH. Tetapi ia tidak dapat dilaksanakan. Tetapi untuk tahun hadapan, kita mencadangkan supaya ia dibukakan tawaran kepada pihak luar yang mempunyai keupayaan untuk mengemukakan bisnes modal bagi cadangan pengurusan Bazar Darul Ehsan ini. Kerana kita tidak mahu lagi hanya mengambil satu dua operators yang akan melaksanakannya. Kita mahu lihat apakah bisnes modalnya. Sama ada HIJRAH ataupun jabatan pertanian ataupun agensi-agensi lain yang akan memastikan Bazar Darul Ehsan, benar-benar hidup. Ya. Dia kita mahu lihat nanti, satu hari nanti ia menjadi pusat pengembangan perniagaan. Maknanya bukan hanya kios ataupun hub-hub pengumpulan tetapi untuk lebih kepada mempromosi contohnya mungkin diwujudkan di situ mini ekspo, latihan-latihan, jualan-jualan bermusim, di samping program-program ekonomi yang mengambil kira masyarakat setempat. Akhirnya apa yang ingin lakukan adalah kita mahu melihat aktiviti program dan pelaksanaan pengurusan mestilah dilaksanakan ataupun dibuat dengan jayanya di situ. Itu jawapan daripada saya untuk Bazar Darul Ehsan.

Bagi menjawab soalan daripada Sijangkang, dah tak ada pula.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Tuan Speaker.



**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Ohh, silakan.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya rasa jawapan yang agak jelas dan juga agak meyakinkan. InsyaAllah saya dapat rasakan, kita dapat mengatasi masalah ini dengan sebaik mungkin. Cuma, isu-isu keselamatan saya kira amat penting untuk dititikberatkan oleh Yang Berhormat EXCO. Kerana dah dua kali selepas kita baik pulih, tidak ada orang yang jaga, mengakibatkan berlaku kecurian dan kerosakan. Dan juga aspek pengurusan juga tadi, saya amat berpuashatilah dari sudut ia akan di... kalau kita pihak, apa ni, tidak dapat pihak PWB ataupun HIJRAH tidak dapat melaksanakan alternatif kepada pihak swasta dan pihak-pihak lain, saya kira amat pentinglah untuk kita buka, untuk kita ambil manfaat yang sebaiknya daripada Bazar Darul Ehsan ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Yang Berhormat Morib. Jadi itulah sebenarnya bila kita telah jelas siapa akan menguruskan atau memantau Bazar Darul Ehsan ini. Aspek keselamatan pastinya bersekali dalam memastikan ia tidak lagi terbiar dan akhirnya jadi tempat vandalism ataupun vandalisme dan ia merugikan duit Kerajaan Negeri yang saya lihat bukan sedikit sebenarnya. Kalau dikumpulkan daripada mula pembinaannya sampai kini, ia hampir tiga suku juta, ataupun telah hampir RM750,000.00 telah pun telah pun diperuntukkan untuk perkara ini, tetapi ia masih belum dapat manfaat.

Seterusnya Yang Berhormat Sijangkang bertanya, tentang isu pembangunan luar bandar. Di bawah vot P01 02005. Saya ingin menyatakan di sini, saya akui memang ada pengurangan bajet yang telah pun diperuntukkan sebanyak hampir RM2 juta. Ini sebenarnya untuk maklumat Yang Berhormat bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri akan menyelaras keperluan naik taraf dan baik pulih serta kemudahan asas melalui kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Bagi projek-projek jalan luar bandar dan juga kemudahan awam atau asas luar bandar. Jadi dengan ada penyelarasan ini, sebenarnya Kerajaan Selangor, begitu, sedang, begitu pro aktif, kita telah pun membuat usaha ini pada seawal Oktober 2018 yang lepas. Yang mana kita telah mengemukakan cadangan–cadangan bersama dengan pihak ICU dan juga di bawah Kementerian Luar Bandar. Dan akhirnya kita mahu lihat senarai ini dapat dilihat ataupun diambil kira oleh Kementerian Luar Bandar dan ICU. Tetapi pertengahan Disember ini, untuk maklumat Yang Berhormat semua, satu lagi wish list, ataupun dengan izin, cadangan harapan kita kepada Kerajaan Persekutuan akan disampaikan. Yang mana ia setelah kita dapat mengumpulkan cadangan-cadangan ini daripada Yang Berhormat, daripada Yang Berhormat, melalui Pejabat Daerah, melalui mesyuarat-mesyuarat MT atau pun JKTD yang telah pun dilaksanakan.

Untuk jawapan daripada Seri Setia, Yang Berhormat Seri Setia, telah pun begitu prihatin tentang usahawan dalam bandar. Saya ingin mengatakan di sini, kita kena bezakan antara definisi usahawan dengan peniaga kecil ataupun penjaja. Saya yakin apa yang dimaklumkan ataupun diinginkan oleh Seri Setia adalah, untuk melihat usahawan-usahawan ataupun peniaga dalam bandar ini dinaik, peniaga kecil ini diberikan satu pendekatan juga untuk akhirnya mereka boleh usahawan yang berjaya. Untuk itu, saya ingin mengatakan di sini, kita saya lihat di sini, ada satu perkara kita ada missing link, dengan izin. Antara Kerajaan Negeri dengan juga Pihak Berkuasa Tempatan selama ini. Apa yang saya dapati kali ini, kita nampak, kita kena dengan izin, reconstruction of thought, yang kita cakap ini, kita perlu memperbetulkan pemikiran dan juga polisi-polisi yang ada, yang selama ini kita buat, walaupun kita mengatakan reform, itu kita perlu lakukan. Tetapi kadang-kadang missing link itu menyebabkan ia tak sampai. Sebab itu kali ini kita mahu di antara kerjasama yang erat antara Stanco Usahawan dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Kita mahu lihat Pihak Berkuasa Tempatan tidak berperanan hanya mengeluarkan lesen. Mereka perlu berperanan dalam pembangunan usahawan sekali. Mereka perlu berperanan sebagai individu yang akan memastikan kelestarian usahawan di bandar-bandar. Itu penting kerana thought itu atau pun dasar ini yang perlu kita letakkan supaya akhirnya tidak berlaku lagi, hanya lesen sahaja dikutip ataupun saman-saman sahaja diberi, tetapi pembangunan usahawan itu tidak diletakkan. Jadi dengan itu saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat semua, di bawah usaha untuk adanya reconstruction ini ataupun pembinaan semula, kita dapati, saya telah pun mengatakan bahawa di dalam Stanco Usahawan kita akan mengumpulkan data-data, yang kita dapat daripada PBT pula. Selama ini data-data yang kita kumpulkan hanya data-data yang daripada Stanco Usahawan, ataupun daripada SITEC, daripada Stanco IKS. Tetapi kali ini daripada data-data PBT juga kita akan ambilkan dan kita akan kategorikan mereka ini di dalam golongan mana, telah beberapa tahun beliau terlibat dalam perniagaan kecil atau adakah usahawan-usahawan dalam bandar ini memang boleh naik tarafkan kerana data ini dengan adanya data ini saya yakin ekosistem yang Kerajaan Selangor dah lakukan selama sepuluh tahun ini iaitu dalam konteks latihannya, pembangunannya, untuk memastikan mereka ini terlibat di dalam aktiviti perniagaan *online* dan sebagainya boleh kita serapkan kepada mereka. Jadi *missing link* ini insyaallah yang akan kita usahakan supaya akhirnya usahawan dalam bandar juga tidak akan terpinggir dalam usaha pastikan pembangunan ini dapat dilakukan. Jadi itu satu daripada usaha yang dilakukan. Silakan Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Silakan Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Cuma saya nak tanya ada tak sasaran daripada pihak Yang Berhormat sendiri untuk mendapatkan usahawan yang berjaya maksudnya sasaran dalam sebulan berapa ya? Contohnya lah.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Oh nak tanya, sasaran mestinya ada contohnya kata la ya kita bercakap tentang pembungkusan, dengan bajet yang ditentukan sebanyak RM500,050 itu sasaran kita sepanjang tahun kita mahu letak supaya dalam 100 orang usahawan, jadi pada saya ia bukan peringkat bulanan, kita kalau boleh nak buat pencapaian tu setiap bulan itu atau setahun 100 itu kalau ia dicepat untuk dicapai ia menjadi kayu ukur untuk kita tambah. Tetapi untuk soalan Yang Berhormat tadi, kita perlu ada data terlebih dahulu baru kita tetapkan sasaran tetapi untuk bajet tahun hadapan, sasaran-sasaran yang diletakkan ini adalah untuk sekadar *up data base* ataupun data yang sedia ada tetapi yang pentingnya saya nak katakan di sini kalau kita sebut tentang berapakah sasaran yang nak diutarakan, saya ingin mengambil pendirian daripada Kementerian Usahawan yang telah pun meletakkan bahawa sasaran untuk melahirkan satu juta satu penggal ini usahawan-usahawan yang berjaya maksudnya setiap tahun setiap negeri diletakkan sasarannya sebanyak 50 ribu usahawan untuk dibangunkan dan saya ingin mengatakan di sini bahawa sebenarnya kalau kita bercakap usahawan di peringkat nasional ataupun kebangsaan Selangor lah menjuarainya kerana di dapati sebenarnya lebih 40% daripada usahawan di Malaysia ini adalah daripada negeri Selangor. Jadi itu jawapan saya insyaallah yang akhirnya daripada Yang Berhormat Sentosa bertanyakan tentang dana usahawan India. Sebenarnya Yang Berhormat, tahun depan ada dana usahawan ini di bawah PK 3003003 yang mana kalau kita lihat tahun depan kita letakkan sebanyak RM1 juta. Ingin saya maklumkan kenapa ia diletakkan ataupun amaun dia agak berkurangan berbanding tahun-tahun lepas. Dana ini sebenarnya tidak lagi diselenggokkan ataupun disekalikan. Kalau dulu dalam RM3 juta ini dan kita lihat juga ia tidak habis guna, daripada maklumat yang saya dapati, dia tidak sampai pun RM1 juta dimanfaatkan oleh program ini tetapi apa yang saya lihat sebenarnya bajet tahun depan ini boleh diperbetul-betul sampai ke sasarannya dengan sedikit olahan program yang dilaksanakan. Jadi dana ini kita saya sebutkan ia nya kita bersekalikan bersama-sama dengan pembangunan usahawan yang telah kita wujud ekosistemnya yang mana RM1 juta di bawah Usahawan dan selebihnya di bawah Jawatankuasa Industri Kecil, bawah Pertanian dan juga ada HIJRAH dan saya yakin Selangor tidak lagi mengamalkan Sistem Pecah dan Perintah. Kita menyasarkan bahawa kalau kita bercakap tentang Usahawan nanti, kita akan teruskan ataupun bagi kepada semua pihak tetapi memandangkan kita lihat golongan kaum India agak terpinggir di dalam pendapatan

dan juga pembangunan usahawan ini sebab ini bajet khusus diletakkan bajet ini saya ingin nyatakan di sini Yang Berhormat iaitu yang pertama adalah mengenal pasti golongan masyarakat India B40 yang berpotensi dilibatkan di dalam perniagaan. Yang keduanya daripada kita telah kenal pasti nanti kita akan membuat latihan-latihan dan bimbingan latihan yang bukan sahaja dia dilaksanakan di beberapa kelompok atau NGO tetapi kita akan *link* kan ataupun menjalinkan mereka ini dengan beberapa pihak agensi kerajaan yang sedia ada dan lebih berupaya. Dan akhirnya kita harap mereka akan dibuatkan program padanan...

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :**

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** saya habiskan dulu ya iaitu akhirnya daripada RM1 juta ini kita akan buat program perpadanan atau *matching programmme* dengan izin bagi agensi-agensi yang boleh memberikan bantuan dana-dana dan geran-geran perniagaan kepada masyarakat atau usahawan India yang kita telah pun kenal pasti boleh dinaik taraf kehidupan mereka melalui perniagaan. Ya silakan Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Bolehkah kita di Dewan yang mulia ini tahu kenapa yang peruntukan sebanyak RM3 juta itu tidak habis dipakai?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang, soalan yang baik. Saya rasa itulah kalau kita begitu orang kata apa ya, *eager*, dengan izin begitu bersemangat meminta peruntukan tetapi bila kita tidak jelas saya nampak, apa yang saya dapati RM3 juta itu perinciannya itu tidak begitu jelas macam mana penggunaannya hanya dan bila ia hanya dilaksanakan oleh beberapa pihak NGO dan diletakkan modelnya itu agak sedikit ada sedikit kekurangan iaitu ia diuruskan oleh individu yang diberi mandat oleh kerajaan. Jadi sebab itu saya ambil balik tanggung jawab itu dan biarlah ia diuruskan di bawah STANCO Usahawan supaya STANCO Usahawan boleh memastikan bahawa program ini dapat di lebar luas kepada semua DUN-DUN dan juga kita dapat menarik ramai lagi agensi terlibat dalam program ini. Jadi itu sebab utamanya sebab itu kapasiti untuk pelaksanaannya tidak dapat di manfaat akhirnya peruntukan yang sedia ada itu tidak dapat dilaksanakan dan keduanya sebenarnya mungkin sebab pilihan raya yang berlaku baru-baru ni, program tidak dapat dilaksanakan memakan masa empat bulan sebenarnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baik. Soalan? Dah habis dah, ketinggalan keretapi. Saya mempersilakan Kota Kemuning.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat-yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak tentang STANCO saya. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seri Setia yang bertanyakan Program *Back to School* akan dilaksanakan melalui Pusat Khidmat DUN yang masih diteruskan. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat pada Bajet 2018 iaitu tahun lalu, telah program *Back to School* di bawah STANCO masa tu adalah STANCO Kemiskinan dan ia program *Back to School* masih lagi diteruskan lagi adalah dilaksanakan oleh pihak MBI Selangor melalui Pusat Khidmat DUN. Itu program saya difahamkan masih lagi diteruskan melalui UPEN iaitu melalui MBI Selangor. Selain itu program pemberian bantuan persekolahan ini sebenarnya apabila kita letakkan di bawah STANCO Kemiskinan sebenarnya program telah disatukan dengan program Kasih Ibu *Smart Selangor* (KISS) di mana selain daripada menerima barangan keperluan asas penerima manfaat turut berpeluang menerima bantuan barangan persekolahan termasuk kasut, beg sekolah, buku, alat tulis dan pakaian seragam dan sebagainya.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya silakan Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Maksudnya maksud Yang Berhormat EXCO kita kali ini tidak ada pemberian, pihak MBI tidak memberi beg sekolah kepada pihak ADUN ke macam mana?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih ya Seri Setia. Sebenarnya sebelum ini pelaksanaannya begini. Ia melalui STANCO Kemiskinan so apabila program melalui Kemiskinan peruntukan khas yang mana secara barangan ataupun baucar kita peruntukkan setiap DUN, kini program ini yang diteruskan sebenarnya program ini memang diteruskan melalui MBI Selangor maka program yang mereka rencanakan mereka akan hubungi DUN dengan rancangan mereka sendiri. Ia tidak letak di bawah mana-mana STANCO. Itu yang pertama.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Kelang yang membangkitkan isu berhubung program pembasmian kemiskinan dan yang mana beliau telah menyatakan Yang Berhormat telah menyatakan tidak mempunyai fokus atau agenda perlu diselaraskan. Dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat serta memberi manfaat berterusan kepada rakyat, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mempelbagaikan program dan inisiatif dalam mengupayakan rakyat untuk keluar dari kitaran kemiskinan. Fokus dan agenda utama Kerajaan Negeri dalam usaha membasmi kemiskinan adalah menyejahterakan kehidupan rakyat seperti mana kita semua sedia maklum program-

program pembasmian kemiskinan adalah merangkumi dan merentasi pelbagai *cluster* termasuk kesihatan, pendidikan, perumahan, pertanian, kebajikan dan pelbagai lagi. Semua program dan inisiatif ini adalah dilaksanakan dan diselaraskan oleh Kerajaan Negeri melalui pelbagai Jawatankuasa Tetap dan Jabatan atau agensi dengan menggunakan peruntukan yang telah ditetapkan di bawah jabatan masing-masing. Dalam memastikan rakyat terutamanya golongan kurang berkemampuan, sentiasa mendapat manfaat serta terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan. Kerajaan Negeri mengalu-alukan dan menyambut baik sebarang syor atau cadangan penambahbaikan program-program pembasmian kemiskinan terutamanya cadangan penyelarasan semula semua program pembasmian kemiskinan. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan melihat semula kebolehlaksanaan cadangan ini dengan mengambil kira pelbagai faktor dan keperluan dari semasa ke semasa. Itu sahaja Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Kota Kemuning. Saya jemput LembahJaya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Tuan Speaker, saya hanya menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan. Pertama sekali yang Berhormat Banting yang bertanya tentang *Sysmex*. Jadi aplikasi *Sysmex* merupakan aplikasi yang boleh diakses oleh orang awam untuk semak status guna tanah dan juga cadangan bagi semua kawasan di Negeri Selangor. Hanya sistem ini sedang dinaik tarafkan servernya bagi meningkatkan lagi kapasiti dan juga keberkesanan akses. Proses menaik taraf server ini dan data migrasi masih lagi berjalan dan dijangka siap pada penghujung bulan Disember 2018. Jadi para pengguna akan boleh menggunakan semula aplikasi ini pada awal tahun 2019 jika semua data migrasi berjalan lancar dan jabatan bersama dengan pembekal sedang berusaha sedaya mungkin untuk pastikan ia siap hujung Disember ini.

Saya juga ingin menjawab ataupun memberi pencerahan kepada Pelabuhan Klang. Tak ada Pelabuhan Klang. Tak apa, saya pergi kepada Bandar Utama. Yang Berhormat Bandar Utama membangkitkan perkara peruntukan untuk baik pulih pangsapuri yang hanya berjumlah 10 juta. Jadi untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya kita sedang dalam rangka kerja sama dengan Bandar Utama pun tak ada. Walau bagaimanapun, kita sebenarnya dah rangka kerjasama dengan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jadi kita sebenarnya telah pun menghantar senarai baik pulih untuk Skim Ceria ini kepada pihak KPKT untuk tahun ini. Jadi untuk tahun hadapan kita akan melayan ataupun menerima permohonan yang baharu.

Seterusnya Bandar Utama juga bertanya tentang bagaimana boleh diatasi masalah bekalan air yang dipotong disebabkan tidak dapat melunaskan bil air kerana penggunaan meter pukal, jadi bagi mereka yang membayar bil secara konsisten juga

terkesan dengan potongan bekalan air ini. Jadi cadangan saya adalah untuk mereka membuat migrasi meter, menukarkan meter pukal kepada meter individu. Jadi pembacaan meter adalah mengikut penggunaan individu, jadi potongan bekalan air adalah berdasarkan mereka yang tidak membayar bil. Saya ingin menjelaskan di sini sebab saya sangat masak dengan masalah yang dihadapi oleh perumahan bertingkat ini. Sepuluh tahun saya menjaga kawasan yang mempunyai masalah ini. Saya dapati kebanyakan mereka tidak melunaskan bil-bil air ataupun bil selenggara bangunan dan sebagainya adalah sikap mereka ya, bukan mereka tidak mampu untuk menjelaskan bil tersebut, hanya mereka menuntut perkhidmatan yang lebih baik tapi pada masa yang sama tidak membayar bil. Jadi, ini menjadi masalah yang berterusan dan berpanjangan. Jadi, kalau yang benar-benar tidak mampu tu mungkin ada dalam sekitar 20% hingga 30%. Jadi, untuk *collection* ataupun koleksi yuran selenggara sebanyak 70% tu...

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing, silakan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Sudah...nanti saya habiskan dulu. Saya tahu memang Bukit Gasing akan bangkitkan perkara ini. Koleksi 70% yuran selenggara sebenarnya sudah cukup boleh membiaya pengurusan bangunan dan juga menjelaskan bil. Jadi, ini yang kita dapati selalu berlaku. Saya nak cerita di sini sebenarnya ada *flat* pangsapuri kos rendah yang telah berjaya membuat kutipan hampir 100%. Jadi, saya nampak ini bukan perkara yang mustahil. Hanya kita perlu ada perubahan set minda daripada sentiasa mengharapkan bantuan daripada kerajaan tapi mengubah sikap kita kepada bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan. Silakan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih kerana memberi laluan. Masalahnya bukan semua penduduk dalam satu *flat* tu yang tak bertanggungjawab. Cuma majoriti yang tak bertanggungjawab. Jadi, yang segelintir ni menjadi mangsa. Jadi, kita sebagai kerajaan kena adil kepada segelintir ini yang nak bertanggungjawab. Jadi, untuk banyak *flat* seperti di kawasan saya pun masih belum lakukan *migration*. JMB tak mengusahakan *migration*. Jadi, siapa yang nak mengusahakan *migration*? Jadi, pengguna yang nak bayar dan mungkin dah bayar bil kepada JMB menjadi mangsa sebab JMB tak buat *migration* dan kita sebagai kerajaan tak boleh menjawab minta mereka buat *migration* sebab itu jawapan yang *it's too simply stake*, dengan izin.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Bukit Gasing perlu sedar satu institusi ataupun satu pihak yang boleh melakukan perkara ini kalau sekiranya tidak ada JMB adalah COB. COB adalah pihak yang bertanggungjawab untuk memudah carakan proses ini. Jadi, saya nampak memang mudah untuk menyerahkan



semuanya kepada kerajaan. Duduk dulu Bukit Gasing, tunggu saya jawab dulu. Bukit Gasing juga boleh berperanan ya, memberi kesedaran kepada penduduk yang ataupun penghuni ataupun pemilik lot, unit yang tidak melunaskan bayaran mereka. Sebab inilah pihak yang perlu kita beri kefahaman dan juga beri kesedaran bahawa merekalah punca kepada masalah yang dihadapi oleh rakan-rakan yang komited ataupun konsisten telah menjelaskan bil sama ada bil air ataupun bil selenggara bangunan. Jadi, kita sebenarnya apa tu, pergi kepada pihak yang tidak betul sebenarnya untuk apa tu, meluahkan segala apa tu, *grouusers*, dengan izin. Sepatutnya mereka yang tidak menjelaskan bil itulah yang patut diberikan kesedaran. Jadi, saya nampak itu....

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Mohon mencelah.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Ya, Kuang.

**TUAN SPEAKER** : Kuang, Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Saya memang bersetuju dengan apa yang disebut oleh Bandar Utama berkenaan dengan *Joint Management Body* ini. Kita faham bahawa kesusahan penduduk ataupun pemilik yang duduk di rumah-rumah pangsa....

**TUAN SPEAKER** : Tapi Kuang ada bahas isu inikah tadi?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Tak ada.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Tak ada.

**TUAN SPEAKER** : Saya rasa Kuang tak bahas, jadi Kuang duduklah ya. Sila duduk.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Jadi izikan saya menjawab...

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing. Bukit Gasing nak mencelah?

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Tuan Speaker, walaupun tak bahas tapi nak respons kepada apa yang dijawab.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Bukit Gasing juga tidak membangkitkan apa-apa isu berkaitan.

**TUAN SPEAKER** : Jadi, Bukit Gasing pun duduk untuk adil. Demi keadilan Bukit Gasing, Kuang dah duduk, Bukit Gasing pun duduk.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Minta EXCO teruskan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Saya ingin juga menyentuh tentang lif yang rosak ataupun yang gagal diselenggarakan. Buat masa ini kita telah apa tu, mencadangkan supaya lif-lif ini diselenggara oleh syarikat lif yang berkaitan. Jadi, mereka lebih arif tentang apa keperluan lif yang mereka keluarkan ataupun kilangkan. Jadi, ini adalah untuk mengatasi masalah lif yang sering yang diselenggara tapi juga sering rosak ya. Jadi, ini satu isu yang dihadapi. Saya juga ingin menjawab Kampung Tunku yang membangkitkan hal berkaitan dengan tidak ada peruntukan untuk kawasan sensitif alam sekitar ya. Jadi, untuk maklumat Kampung Tunku sebenarnya kajian tentang kawasan sensitif alam sekitar ini dilakukan ataupun dilaksanakan oleh Jabatan...apa tu, Perancang Bandar dan Desa Pusat sebenarnya. Jadi, JPBD Negeri tidak melakukannya. Jadi itu tidak ada peruntukan di situ. Dan, sedikit berkaitan dengan Projek RSKU Air Manis, Sabak tak ada. Hanya untuk maklumat di dalam Dewan ini, projek tersebut sebenarnya sedang dalam proses pengubahan disebabkan pembangunannya di atas tanah gambut. Jadi, pembangunan ini perlu mengikut garis panduan yang baru dikeluarkan oleh JPBD dan jika apa tu, PNSB telah melakukan pengubahan tersebut maka projek pembangunan itu sebenarnya boleh dilaksanakan. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Saya silakan EXCO seterusnya untuk bagi penjelasan, Yang Berhormat Seri Serdang.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian yang bertanyakan mengenai beberapa perkara di bawah portfolio saya. Pertama, saya ingin menjawab mengikut subjeknya ya, pertama EIP ya, *Early Intervention Program* yang disoal oleh Gombak Setia dan juga daripada Sementa. Untuk maklumat Yang Berhormat, program EIP ini memang diteruskan. Daripada 2017 peruntukannya RM3 juta, 2018 pun RM3 juta dan 2019 pun RM3 juta. Jadi, memang program ini akan diteruskan mengikut apa ni, maklumat yang saya ada tahun 2018 seramai sebanyak 650,000 telah diberi kepada pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan anak-anak istimewa ini dan beberapa pertubuhan kebajikan lain dan dasar yang ada, yang sedia ada sekarang ialah mereka,

bantuan ini adalah bantuan *one off*, kali pertama RM100,000.00, kali kedua RM50,000.00 dan kali ketiga RM30,000.00. Dan kemudian kita akan pusing kepada persatuan-persatuan lain juga, pertubuhan-pertubuhan lain juga supaya mereka semua menikmati ya, peruntukan untuk membantu pusat-pusat EIP ini ya, dan tahun ini pun *InsyAllah* akan ada lagi peruntukan untuk mereka, untuk pertubuhan-pertubuhan ini. Untuk makluman Gombak Setia dan Sementa, Gombak Setia tak ada tapi Sementa ada, untuk tahun 2019 untuk *Early Intervention Program* ini selain daripada sumbangan terus kepada institusi yang menerima anak-anak istimewa ini kita memperluaskan EIP ini untuk pertama adalah untuk memperluaskan *accessibility* anak-anak istimewa kepada taska-taska biasa. Untuk makluman dan untuk pengetahuan semua, mungkin semua dah tahu bahawa anak-anak istimewa ini sukar diterima oleh taska-taska biasa kerana guru-gurunya perlu dilatih dan juga kerana tidak ada taska mahu menerimanya kerana kos untuk mereka mewujudkan khidmat ini agak tinggi. Jadi, sebagai permulaan kita akan membantu taska-taska untuk melatih salah seorang daripada guru mereka. Program ini kita panggil Cikgu Anis (Cikgu Anak Istimewa) dan *InsyAllah* setiap DUN ada empat taska dan satu taska ada seorang guru yang kita beri latihan dan mereka ini bila ada makna taskanya boleh sedia menerima anak istimewa, semua jenis anak istimewa. Dan program ini akan kita teruskan. Seterusnya, kita ada apa kita panggil Bantuan Anak Istimewa. Kita cuba untuk mewujudkan satu tabung yang dapat membantu juga pusat-pusat pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), *InsyAllah* juga akan digunakan daripada peruntukan ini. Seterusnya, saya ingin menyebut mengenai kesihatan wanita tadi saya tak silap Y.B. Ijok. Tuan Pengerusi kalau Y.B. Ijok tak ada tak apalah. Yang Berhormat perlukah saya...

**TUAN SPEAKER** : Ya, kalau Yang Berhormat Ijok tak ada terpulang kepada budi....

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Ok.

**TUAN SPEAKER** : Bicara Yang Berhormat EXCO sama ada....

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Dia jawapannya pendek sahaja kerana Y.B. Ijok, Yang Berhormat Ijok telah membangkit tentang apa ni, kebajikan bapa-bapa tunggal. Sebenarnya memang ada dalam perancangan saya...

**TUAN SPEAKER** : Itu sangat menarik minat tu.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Ya. Tapi dalam perancangan saya bapa-bapa tunggal ini situasi dia seperti ibu tunggal terutamanya apabila mereka menjaga anak-anak mereka sendiri jadi masalah yang mereka hadapi

juga sama. Mereka perlu hantar anak ke nurseri dan sebagainya dan mereka juga tak boleh bekerja kerana kadang-kadang menjaga anak sendiri, anak-anak mereka. Jadi, kita akan mendengar sendiri apa yang mereka perlukan asalkan mereka tidak suruh saya mencari isteri kepada mereka, *I'm okay*.

**TUAN SPEAKER** : Kalau bolehlah, kalau boleh.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Tuan Speaker, jadi memang ada dalam, dalam, dalam kepala saya bahawa kita perlu juga melayan bapa-bapa tunggal seperti juga ibu tunggal ini dan saya tengah *explore* kerana kita ada beberapa program untuk ibu tunggal. Antaranya adalah *work from home* ini sama ada mereka sambil menjaga anak di rumah sanggup juga membuat kerja daripada rumah. Kalau mereka suka kita akan *include*, masukkan mereka di dalam program-program *work from home* ini ya. Mengenai hospital, tadi Yang Berhormat Ijok bertanya mengenai Hospital Selgate ya, yang akan didirikan di Rawang. Cuma saya nak tanya kalau Yang Berhormat semua kata saya teruskan saya jawab, kalau tidak saya tunggu soalan datang dalam sesi yang akan datang. Bagaimana Yang Berhormat semua, nak dengar ke tak nak?

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI** : Saya nak kemuka soalan boleh kepada Yang Berhormat Seri Serdang?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Tadi pasal hospital.....

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI** : Bukan. Pasal yang tadi tu yang bapa tunggal tadi.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Bapa tunggal, ok.

**TUAN SPEAKER** : Saya beri laluan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI** : Terima kasih Tuan Speaker ya. Sebenarnya masalah yang disebut oleh Yang Berhormat Ijok tadi bukan sekadar bapa tunggal sebab sekarang ni istilah *single father* adakah, begitu juga *single mother* ataupun dengan izin, ibu tunggal ni, adakah mereka yang berstatus nenek dan datuk kalau dia beribu tunggal tu kira ada tak dalam klausa yang dikatakan sebagai ibu dan bapa tunggal ya? Sebab ada *single mother* tentulah kadang-kadang ada juga *single grandmother*. Ada *single father* ada *single grandfather* begitu, dengan izin. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Seri Serdang.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Saya ingat kalau *single grandmother, single grandfather* tu saya masuk dalam Program Warga Emaslah. Ya, saya sebab lain sikit dia nak mengikuti program itu sudah tidak sama kan? Jadi, kalau *single mother, ya...ok, joke aside*. Mengenai Hospital Rawang ni macam mana Y.B. sekalian? Tak payah ya? Baik. Seterusnya, saya ingat dah cuma mengenai apa yang dibawa oleh Y.B., Yang Berhormat Sementa mengenai program-program PWB. Memang Yang Berhormat program PWB akan kita teruskan seperti yang telah ditinggalkan oleh Yang Berhormat dan saya mengambil alih tugas ini. Mengenai program-program *work from home* memang kita masih lagi mencari pihak-pihak korporat dan pertubuhan yang sanggup berkongsi kemahiran untuk kita latih kepada ibu-ibu, kepada kaum wanita ini. Mengenai PW Shop Yang Berhormat, memang ada perancangan Yang Berhormat tinggalkan memang ada dalam juga dalam perancangan. Kita cuma pada masa ini oleh kerana produk dikatakan hanya daripada hanya 20 produk kita mensasarkan setiap satu DUN satu produk. Jadi, kita patut ada 56 produk kerana kalau kita buat apa ni, sedikit perkiraan 20 produk ini tidak kos efektif untuk kita menubuhkan satu PW Shop, PWB Shop makna kita ada kena tanggung kos kedai, kena tanggung kos apa ni, pekerja dan sebagainya sedangkan produk kita baru hanya 20. Jadi, sebagai gantinya Yang Berhormat untuk makluman UTC di Anggerik Mall ada diambil oleh Bahagian UPEN kita, kita akan jadikannya sebagai pusat pameran. Dan apabila kita cukup produk, kita akan membantu wanita untuk menjualnya melalui, kita sekarang ni ada internet, jualan melalui *online*. Itu ada dalam perancangan jangka masa panjang kita dan memang saya nak sebut mungkin kita ada *intuition* saya pun rasa memang dekat dengan program-program macam ni *I would say*, dengan izin *great minds think alike*. Apa Yang Berhormat sebut tu semua memang ada didalam perbincangan saya dengan Standco yang ada sekarang. Saya ingat setakat itu sahaja terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih Seri Serdang. Saya menjemput Yang berhormat Pandan Indah EXCO.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima banyak pertanyaan ataupun perbincangan berhubung dengan usul Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan yang telah dibincangkan. Saya sebenarnya sebahagian besar ini sedikit sebanyak saya telah menyentuh dalam ucapan penggulungan dan juga dalam menjawab soalan-soalan mulut. Walau bagaimanapun saya akan cuba sedaya upaya saya untuk menjawab lebih terperinci kepada isu-isu yang telah dibangkitkan. Yang pertama daripada Yang Berhormat Morib berhubung dengan pemasangan Geo Bag di Pantai Kelanang. Untuk makluman Projek Geo Bag ini Pantai Kelanang telah siap pada 31 May 2017 dan kalau mengikut kontraknya ialah pasir itu perlu diambil di kawasan luar persisiran pantai

bukan diambil di tempat yang sama dan kaedah reka bentuk yang dibuat oleh perunding berhubung dengan Geo Bag ini bertujuan sebenarnya untuk mengurangkan impak ombak atau gelombang dari laut ke ban dan tebing supaya dapat mengurangkan hakisan ataupun ketahanan yang kepada ban ini. Dengan tujuan supaya pokok-pokok bakau dapat tumbuh dan kini pun didapati pokok-pokok bakau mulai tumbuh di selepas projek ini siap. Untuk isu tentang berkaitan dengan Bazar Darul Ehsan oleh JKR itu telah dijawab oleh Yang Berhormat Batu Tiga tadi. Tentang soalan daripada Sejangkung.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Morib minta.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Tidak berpuas hati lagi ,sila.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Terima kasih EXCO, terima kasih Speaker. Jawapan daripada Yang Berhormat tadi iaitu pasir yang Geo Bag tadi diambil dari luar tapi dari pemerhatian saya ia diambil di kawasan berdekatan dan tidak sampai beberapa bulan keadaan selut di bahagian pantai itu memang ketara jadi pasir disedut di kawasan berdekatan harap di buat siasatan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Kita ambil *take noted* apa yang disebut kan oleh Yang Berhormat tadi. Kita akan ambil kita akan membuat pemantauan ke atas perkara ini. Berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Sejangkung tidak ada di sini saya akan pergi ke seterusnya iaitu daripada Banting berhubung dengan peruntukan ataupun pembangunan yang dikatakan di Kuala Langat agak sedikit. Jadi untuk buat masa ini tiada peruntukan di bawah P13 untuk Kerja-kerja Tambatan Banjir di Daerah Kuala Langat. Walau bagaimanapun kerja-kerja lain yang dijalankan boleh mengurangkan masalah banjir seperti kerja Membina Kolam Takungan dan Sistem Pam di Bandar Pekan Banting, Mukim Tanjung 12 akan siap di hujung Disember ini dengan kos RM6.83 juta. Selain daripada itu projek memasang empat unit pam skru berkapasiti besar di Daerah Kuala Langat di empat kawasan dengan kos RM4.37 juta juga sedang dibuat pam tersebut dipasang di Kawasan Bukit Canggang, Rancangan Tambatan Banjir di Tanah Belia Labohan Dagang dan Paya Rumput. Untuk yang soalan berhubung dengan isu Jalan Persekutuan 5 ini banyak kita bincang dalam soalan mulut dan soalan penggulungan hari itu. Kita mengambil berat mengenai isu pembangunan penaik tarafan berkenaan dan kita akan ambil segala pandangan Yang Berhormat untuk kita panjangkan di Peringkat Persekutuan dan tentang keselamatan jalan, pihak JKR sentiasa komited aspek keselamatan ini dan kita di bawah *traffic management plan* ataupun pelan pengurusan trafik merangkumi keperluan papan tanda keselamatan pegawai trafik serta peralatan-peralatan keselamatan yang perlu ada tapak bina cuma kadang-kadang pemantauannya agak kurang berkesan dan akan

ditingkatkan. Selain daripada itu juga, penggunaan lampu isyarat atau lampu jalan di kawasan-kawasan berisiko itu juga adalah di bawah *road safety* audit ataupun audit keselamatan jalan yang akan dipantau dari semasa ke semasa. Berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Teratai tentang peruntukan yang dikatakan walaupun mendapat RM89 juta di bawah Jabatan Perairan dan Saliran tapi masih tidak mencukupi kerana kerja-kerja penyelenggaraan yang masih tidak memadai. Selain daripada membesarkan sungai dan parit bagi meningkatkan kapasiti sungai kerja-kerja menaik taraf penyelenggaraan ke atas kolam banjir juga adalah salah satu komponen yang saya telah sebut. Selain daripada penyelenggaraan sistem saliran dan perparitan perlu juga dibuat penyelenggaraan ke atas kolam takungan banjir bagi mengurangkan impak banjir. Kos-kos penyelenggaraan sebanyak RM3.24 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja menaik taraf walaupun berkait dengan penyelenggaraan tapi saya sebut juga sebab kita membincangkan mengenai pembangunan. Di peruntukan kerja-kerja menaik taraf tiga menaik taraf kolam takungan tiga projek utama yang sedang dilaksanakan pada tahun 2019 adalah seperti berikut. Yang pertama Sungai Jelok di Mukim Kajang dengan RM1.8 juta, di Taman Permata ini keseluruhan, untuk keseluruhan untuk Mukim Dengkel RM1.52 juta dan Kampung Tok Aminuddin di Mukim Dengkel juga RM258,000.00. Selain itu JPS juga menerima peruntukan sebanyak RM1 juta untuk penyelenggaraan kolam-kolam JPS di seluruh Negeri Selangor. Berhubung dengan bekalan air yang menjadi masalah di Kawasan Tasik Permai yang telah mengalami gangguan dan tiga kali dalam beberapa bulan lepas ini dan yang terbaru pada 24 November 2018 ini adalah disebabkan oleh *pumping main* ataupun paip pengepaman utama yang pecah di pihak ketiga, kerja-kerja pembaikan siap pada keesokan harinya pada 25 November 2018. Walau bagaimanapun kerana Kawasan Tasik Permai ini berada di hujung sistem agihan air dia lebih lewat menerima bekalan air berbanding di kawasan lain. Untuk mengatasi masalah ini pada masa yang akan datang pihak Air Selangor akan membuat kajian dan semakan di sistem agihan bagi mempercepatkan proses pemulihan air bagi air ke Tasik Permai supaya sebarang gangguan itu akan tidak menyebabkan mereka lambat menerima air, bekalan air. Berhubung dengan soalan mengenai lampu isyarat dan lampu jalan disebutkan sini di PK1 yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Teratai dan juga Yang Berhormat Dusun Tua ada menyebut. Untuk makluman semua peruntukan untuk menaik taraf atau pemasangan lampu isyarat lampu, lampu jalan ini tidak terletak di PK1 ia terletak di di bawah PK4 dan telah diagih-agihkan ke daerah-daerah. Kalau dilihat di situ semua daerah ada peruntukan RM500,000.00 bagi pemasangan lampu-lampu isyarat dan pemasangan lampu jalan. Semua daerah mendapat RM500,000.00 kecuali Daerah Kuala Langat RM550,000.00 ada lebih RM50,000.00 untuk tahun depan. Jadi saya tidak tahu kenapa dia lebih RM50,000.00. Seterusnya soalan daripada Dengkil ada ya. Dengkil. Untuk soalan daripada Dengkil bertanyakan kenapa tidak ada peruntukan di bawah PK2 Daerah Sepang. Untuk makluman memang tiada peruntukan khusus pada



PK2 bagi Daerah Sepang bagi Projek Menaik Taraf Saliran. Namun begitu JPS ataupun Jabatan Pengairan dan Saliran sedang melaksanakan Projek-projek Rancangan Tambatan Banjir RTB di Kawasan Sungai Semarang, Sungai Jenderam dan Sungai Parit Tampoi dan Kampung Sungai Buah dengan Peruntukan 2019 dengan sebanyak RM4.2 juta. JPS akan mencadangkan dan memohon peruntukan untuk menaik taraf saliran bagi saliran ialah pada RMK12 bagi Daerah Sepang yang disebutkan tadi.

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH** : Pencilahan ya Y.B. EXCO.

**TUAN SPEAKER** : Ya Dengkil.

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH** : Sebab ada beberapa kegiatan pengorekan pasir di Sungai Jenderam. Adakah itu dalam skop kerja menaik taraf sungai tersebut.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Saya perlu menyemak pertanyaan itu kerana RTB itu rancangan tambatan banjir memang melibatkan komponen antaranya membesarkan sungai dan juga mendalami sungai. Itu sebahagian daripada rancangan tambatan banjir. Untuk soalan berhubung dengan keselamatan pejalan kaki dan lampu isyarat yang disebutkan di sini tentang Pelajar UITM yang parah dilanggar itu. Untuk makluman Yang Berhormat jalan yang dimaksudkan itu merupakan Jalan Persekutuan FT214. Walau bagaimanapun pihak Jabatan akan menyediakan kertas cadangan projek dan akan dimajukan di Cawangan Jalan, JKR Malaysia dan juga berhubung dengan Olak Lempit juga merupakan Jalan Persekutuan FT31, Permohonan menaik taraf lampu isyarat dan lampu jalan dari Olak Lempit ke Daerah Sepang dengan anggaran kos sebanyak RM1 juta pada bulan Oktober 2018 untuk dilaksanakan pada tahun hadapan, sudah dapat bajetnya RM1 juta akan dilaksanakan pada tahun hadapan dan bagi isu berkaitan dengan lampu isyarat yang terputus apabila hujan lebat dan ribut di Persimpangan Balai Polis Dengkel FT31 telah melaksanakan kerja penambah baikkan telah dibuat pada Oktober 2018 akan siap pada, sudah siap pada 22 Oktober 2018 ia melibatkan penggantian kabel sebenarnya yang banyak dan lagi lambat itu kerana kabel bawah tanah yang perlu dibetulkan. Saya ingin menyambung seterusnya kepada soalan yang seterusnya berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Kuala Kubu Bahru tentang isu PKPM tidak ada ya jika tidak ada saya teruskan. Yang ketujuh adalah yang soalan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan tentang peruntukan di kajian tambatan banjir yang disebut di sini adalah RM12,800.00 sahaja. RM12,800.00 hendak buat apa six angka yang sangat kecil di bawah bagi Daerah Petaling. Jadi berhubung dengan peruntukan yang berkenaan itu adalah di bawah PK10001 ini adalah merupakan butiran yang dikhususkan untuk bayaran akhir

bagi kerja-kerja reka bentuk *disign* projek-projek tambatan banjir RMK11 bukannya merupakan projek pelaksanaan pembinaan itu merupakan projek reka bentuk dan di bahagian terakhir pelaksanaan fizikal Projek Tambatan Banjir di Daerah Petaling telah diperuntukkan sebanyak RM17.7 juta iaitu melalui PK1 rancangan tambatan banjir dan PK2 menaik taraf saliran. Projek-projek berkenaan adalah di bawah PK1, Projek Tambatan Banjir Sungai Kedondong RM1 juta, Projek Tambatan Banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas RM11 juta. Projek Membina Struktur Kawalan Banjir di Taman Mesra di DUN Seri Setia RM200 ribu manakala di bawah PK2 menaik taraf saliran adalah iaitu Kerja-kerja Menaik Taraf Parit Utama dan Sistem Parit Dalaman di Kampung Bukit Lancong dan Kampung Sungai Baru RM2 juta, Kerja-kerja Menaik Taraf Parit Utama dan Sistem Parit Dalaman di Kampung Seri Aman RM2 juta dan Projek Menaik Taraf Pam dan Membina Sistem Takungan di Kampung Padang Jawa RM1.5 juta. Mengenai kejadian banjir di Damansara Damai dalam Kerajaan Negeri melalui JPS akan menyiasat kerana ini kali pertama kita menerima laporan banjir di kawasan berkenaan dan tidak ada masuk dalam *hotspot* yang di bawah. Jadi kita akan pantau dan lihat akan keadaan di sana.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : *Tuan Speaker.* Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Bukit Lanjan sila duduk. Ahli-ahli yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 6 petang. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga hari esok 5 Disember 2018 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan Ditangguhkan Pada Jam 6.00 Petang)**